

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA 2016

PENGURUSAN AKTIVITI/
KEWANGAN JABATAN/
AGENSI DAN
PENGURUSAN SYARIKAT
KERajaan Negeri
KELANTAN

SIRI 1



JABATAN AUDIT NEGARA
MALAYSIA



LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2016

**PENGURUSAN AKTIVITI/KEWANGAN
JABATAN/AGENSI DAN
PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN**

**NEGERI KELANTAN
SIRI 1**

Jabatan Audit Negara Malaysia

Kandungan

KANDUNGAN

vii	KATA PENDAHULUAN
xi	INTISARI LAPORAN
	<u>BAHAGIAN I</u>
	AKTIVITI JABATAN/AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI
3	JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN NEGERI KELANTAN Projek Pencegahan Hakisan Pantai
21	MAJLIS PERBANDARAN KOTA BHARU – BANDAR RAYA ISLAM MAJLIS DAERAH KETEREH PERBANDARAN ISLAM PEJABAT TANAH DAN JAJAHAN KOTA BHARU JABATAN KERJA RAYA NEGERI KELANTAN Pengurusan Papan Iklan
39	MAJLIS DAERAH PASIR MAS MAJLIS DAERAH PASIR PUTEH Pengurusan Perolehan
53	PERBADANAN KEMAJUAN IKTISAD NEGERI KELANTAN KTC Convention & Apartment Sdn. Bhd.
	<u>BAHAGIAN II</u>
	PENGURUSAN KEWANGAN JABATAN/AGENSI NEGERI
71	Pendahuluan
71	Penambahbaikan Pengurusan Kewangan oleh Jabatan/Agenzi Negeri
71	Pengurusan Kewangan Berdasarkan Indeks Akauntabiliti
72	Objektif Pengauditan
72	Skop dan Metodologi Pengauditan
73	Elemen Utama
85	Penemuan Audit
91	Pengauditan Mengejut
92	Syor Audit
95	PENUTUP

Kata Pendahuluan

KATA PENDAHULUAN

1. Perkara 106 dan 107 Perlembagaan Persekutuan serta Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit Penyata Kewangan Kerajaan Negeri, Pengurusan Kewangan dan Aktiviti Jabatan/Agensi Negeri. Seksyen 5(1)(d) Akta Audit 1957 serta Perintah Audit (Akaun Syarikat) 2013 pula memberi kuasa kepada Ketua Audit Negara untuk mengaudit sesebuah syarikat yang didaftarkan di bawah Akta Syarikat 1965 yang menerima geran/pinjaman/jaminan daripada Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri dan sesebuah syarikat di mana lebih daripada 50% modal saham berbayar dipegang oleh Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri atau Agensi Kerajaan Persekutuan/Negeri.

2. Laporan saya mengenai Pengurusan Aktiviti/Kewangan Jabatan/Agensi dan Syarikat Kerajaan Negeri Kelantan Bagi Tahun 2016 Siri 1 mengandungi dua bahagian seperti berikut:

Bahagian I : Aktiviti Jabatan/Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri

Bahagian II : Pengurusan Kewangan Jabatan/Agensi Negeri

3. Laporan ini mengandungi perkara yang telah diperhatikan hasil daripada pengauditan yang telah dijalankan terhadap aktiviti di tiga Jabatan, empat Agensi Negeri dan satu Syarikat Kerajaan Negeri Kelantan. Selain itu, dilaporkan juga hasil Pengauditan Pengurusan Kewangan yang dijalankan di 17 Jabatan/Agensi Negeri dan Pengauditan Mengejut di 12 Jabatan/Agensi Negeri. Pemerhatian Audit daripada pengauditan tersebut telah dikemukakan kepada Ketua Jabatan/Agensi/Syarikat Kerajaan Negeri berkenaan. Ketua-ketua Jabatan/Agensi/Syarikat Kerajaan Negeri juga telah dimaklumkan mengenai isu-isu berkaitan semasa *Exit Conference* yang diadakan sebelum laporan ini disediakan. Sehubungan itu, hanya penemuan Audit yang penting sahaja yang dilaporkan dalam laporan ini. Laporan berkenaan juga telah dikemukakan kepada Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan. Bagi menambah baik kelemahan yang dibangkitkan atau bagi mengelakkan kelemahan yang sama berulang, saya telah mengemukakan sebanyak 19 syor untuk diambil tindakan oleh Ketua Jabatan/Agensi/Syarikat Kerajaan Negeri berkenaan.

4. Saya berharap laporan ini akan digunakan sebagai asas untuk memperbaiki segala kelemahan, memantapkan usaha penambahbaikan, meningkatkan akauntabiliti dan integriti serta mendapat *value for money* bagi setiap perbelanjaan yang dibuat seperti mana yang dihasratkan oleh Kerajaan.

5. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pegawai Jabatan/Agensi dan Syarikat Kerajaan Negeri yang telah memberikan kerjasama kepada pegawai saya sepanjang pengauditan dijalankan. Saya juga ingin melahirkan penghargaan dan terima kasih kepada pegawai saya yang telah berusaha gigih serta memberikan sepenuh komitmen untuk menyiapkan laporan ini.



(TAN SRI DR. MADINAH BINTI MOHAMAD)
Ketua Audit Negara
Malaysia

Putrajaya
19 Mei 2017

Intisari Laporan

INTISARI LAPORAN

BAHAGIAN I – AKTIVITI JABATAN/AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI

JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN NEGERI KELANTAN

1. Projek Pencegahan Hakisan Pantai

- a. *National Coastal Erosion Study* (NCES) yang dijalankan pada bulan November 1984 hingga Januari 1986 telah menyatakan sepanjang 52.1km daripada 71km (73.4%) pesisir pantai negeri Kelantan mengalami hakisan. Lanjutan daripada penemuan NCES itu, Kerajaan Negeri telah mengarahkan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) menguruskan projek pencegahan hakisan pantai di negeri Kelantan. Projek pencegahan hakisan pantai ini meliputi pembinaan struktur pencegahan hakisan pantai di kawasan kritikal bertujuan mengelak kehilangan lebih banyak tanah dan harta benda. Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sejumlah RM13.50 juta bagi tempoh RMK-10 (2011-2015) untuk melaksanakan projek pencegahan hakisan pantai di sepanjang pantai Negeri Kelantan.
- b. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Oktober hingga Disember 2016 mendapati projek pencegahan hakisan pantai di Pantai Kemayan dan Pantai Irama daripada siap dibina hingga ke tarikh pengauditan antara satu hingga tiga tahun secara amnya menunjukkan kesan positif. Didapati projek tersebut telah membantu mengurangkan hakisan pantai dan membantu mengekalkan kegiatan ekonomi sedia ada. Bagaimanapun, terdapat kelemahan dari aspek pengurusan projek pencegahan hakisan pantai seperti berikut:
 - i. Pelan Pengurusan Pesisiran Pantai Bersepadu masih belum disediakan untuk Negeri Kelantan walaupun mengalami masalah hakisan pantai yang serius;
 - ii. kerja tidak mengikut lukisan reka bentuk iaitu bahagian *underlayer* pada lapisan *primary armour layer* tidak dibuat, penyusunan lapisan batu tidak mengikut saiz dan terdapat saiz batu lebih kecil daripada gred batu yang paling minima;
 - iii. hakisan berlaku di kawasan bersebelahan *groin* yang dibina dan berdasarkan imej satelit yang diperolehi dari Agensi Remote Sensing Malaysia (ARSM) terbukti wujud perubahan garisan pantai yang ketara selepas projek disiapkan pada tahun 2017;
 - iv. pewartaan sebagai tanah Kerajaan bagi kawasan pantai yang terbentuk belum selesai; dan

- v. pemantauan dan penyenggaraan *groin* yang dibina tidak dilaksanakan sepenuhnya.
- c. Bagi memperbaiki kelemahan yang dibangkitkan dalam laporan ini dan juga memastikan perkara yang sama tidak berulang dalam pelaksanaan projek pencegahan hakisan pantai, adalah disyorkan supaya JPS mempertimbangkan perkara berikut:
 - i. membuat kajian terperinci terhadap projek yang ingin dilaksanakan bagi memastikan setiap aspek diambil kira dan seterusnya projek yang dijalankan dapat menyelesaikan masalah yang dihadapi daripada projek yang dibuat;
 - ii. memastikan pembinaan projek mematuhi lukisan reka bentuk dan kualiti binaan yang ditetapkan dalam kontrak;
 - iii. membuat pemantauan terhadap projek yang telah dibina dan data-data hakisan pantai disimpan bagi memastikan langkah awal dapat diambil. *Permanent Bench Mark* (PBM) hendaklah dibina untuk kerja-kerja pemeriksaan ukur aras dan pemantauan berterusan oleh pihak JPS dan lain-lain agensi yang berkepentingan selepas projek ini siap; dan
 - iv. jika proses penambakan pasir ini berterusan sesuatu kawasan itu akan memperoleh kawasan pantai yang lebar sebagai daratan. Disyorkan kawasan berkenaan diwartakan sebagai tanah Kerajaan untuk kepentingan awam bagi mengelakkan sebarang pencerobohan.

MAJLIS PERBANDARAN KOTA BHARU – BANDARAYA ISLAM

MAJLIS DAERAH KETEREH PERBANDARAN ISLAM

PEJABAT TANAH DAN JAJAHAN KOTA BHARU

JABATAN KERJA RAYA NEGERI KELANTAN

2. Pengurusan Papan Iklan

- a. Menurut Undang-undang Kecil Iklan dan Akta Kerajaan Tempatan 1976 tafsiran iklan adalah apa-apa pemberitahuan, poster, papan tanda, tanda tunjuk arah, pengumuman atau penerbitan yang dipamerkan. Pembinaan dan pemasangan struktur papan iklan dan paparan iklan di dalam kawasan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) perlu mendapat kebenaran tuan tanah, kelulusan Permit Struktur Papan Iklan dan Lesen Paparan Iklan serta perlu mengambil kira aspek keselamatan awam. Terdapat tiga Jabatan/agensi Kerajaan yang terlibat dalam pengurusan pembinaan dan pemasangan struktur papan iklan serta paparan iklan iaitu Kementerian Kerja Raya (KKR), Pejabat Tanah dan Jajahan serta Pihak Berkuasa Tempatan. Setiap Jabatan/agensi ini bertanggungjawab memastikan papan iklan yang dibina mematuhi peraturan ditetapkan. Papan iklan yang dibina di Jalan Persekutuan

hendaklah mendapat kelulusan Kementerian Kerja Raya (KKR) dan Pejabat Tanah dan Jajahan. Manakala, papan iklan yang dibina di Jalan Negeri hendaklah mendapat kebenaran Pejabat Tanah dan Jajahan sahaja. Di samping itu, setiap papan iklan yang dibina sama ada di Jalan Negeri atau Persekutuan hendaklah memohon Permit Struktur Papan Iklan dan Lesen Paparan Iklan dari PBT yang berkenaan. Majlis Perbandaran Kota Bharu-BRI (MPKB-BRI) telah meluluskan sejumlah 14 permohonan pembinaan dan pemasangan struktur papan iklan pada tahun 2014 sehingga bulan Oktober 2016. Manakala, tiada permohonan pembinaan dan pemasangan struktur papan iklan dibuat bagi tempoh yang sama di Majlis Daerah Ketereh Perbandaran Islam (MDKPI). Pada tahun 2014 hingga 2016, Pejabat Tanah Dan Jajahan Kota Bharu (PTJ) tidak memungut sebarang hasil mengenai pembinaan dan pemasangan struktur papan iklan. Manakala, MPKB-BRI dan MDKPI telah memungut hasil papan iklan melibatkan Permit Struktur Papan Iklan dan Lesen Paparan Iklan masing-masing berjumlah RM7.75 juta dan RM643,905.

- b. Pengauditan dijalankan di antara bulan September hingga Disember 2016 mendapati pengurusan papan iklan pada keseluruhannya adalah kurang memuaskan. Terdapat beberapa kelemahan seperti berikut:
 - i. daftar papan iklan tidak disediakan dengan lengkap mengenai saiz, lokasi, bayaran permit dan bayaran lesen yang telah dijelaskan serta tunggakannya;
 - ii. papan iklan dibina tanpa kebenaran oleh KKR dan PTJ dan Permit Struktur Papan Iklan dan Lesen Paparan Iklan tidak diperoleh daripada MPKB-BRI dan MDKPI;
 - iii. tunggakan bayaran Permit Struktur Papan Iklan berjumlah RM170,232 dan bayaran Lesen Paparan Iklan berjumlah RM226,730 belum dijelaskan oleh syarikat yang memohon dan membina papan iklan;
 - iv. syarikat konsesi tidak membayar mengikut perjanjian papan iklan luar menyebabkan sejumlah RM90,285 masih belum dijelaskan;
 - v. pemasangan bolt skru papan iklan tidak mematuhi spesifikasi pelan diluluskan; dan
 - vi. kelewatan proses kelulusan Permit Penggunaan Ruang Udara dan Lesen Pendudukan Sementara antara 774 hingga 915 hari.
- c. Bagi memastikan pengurusan papan iklan dilaksanakan dengan lebih cekap dan berkesan, beberapa syor dikemukakan untuk penambahbaikan seperti berikut:
 - i. JKR, MPKB-BRI, MDKPI dan PTJ perlu menyediakan daftar yang menunjukkan setiap bayaran yang dibuat, menjalankan pemantauan dan tindakan berterusan terhadap papan iklan yang tidak mempunyai Permit Struktur Papan Iklan, Lesen

Paparan Iklan serta memastikan pembinaan papan iklan mematuhi spesifikasi diluluskan;

- ii. setiap papan iklan perlu dilabel bagi memudahkan pemantauan dan tindakan tegas hendaklah diambil terhadap bayaran-bayaran yang tertunggak; dan
- iii. PTJ perlu mematuhi pekeliling dikeluarkan bagi mempercepatkan proses kelulusan Permit Penggunaan Ruang Udara dan Lesen Pendudukan Sementara.

MAJLIS DAERAH PASIR MAS
MAJLIS DAERAH PASIR PUTEH

3. *Pengurusan Perolehan*

- a. Pengurusan kewangan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) adalah tertakluk kepada Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) dan Arahan Tetap PBT. Bagi melaksanakan perolehan, PBT mengguna pakai tatacara/prosedur sebagaimana Arahan Perbendaharaan dan pekeliling yang dikeluarkan oleh Kerajaan dari semasa ke semasa atau menguna pakai tatacara sendiri yang dilulus oleh mesyuarat penuh MDPM dan MDPP. Perolehan yang dimaksudkan ialah perolehan kerja, bekalan dan perkhidmatan yang dilaksanakan sama ada melalui perolehan terus, sebut harga atau tender. Sumber peruntukan adalah daripada dana PBT, Kerajaan Negeri dan Geran Kerajaan Persekutuan. Pada tahun 2014 hingga September 2016, Majlis Daerah Pasir Mas (MDPM) telah melaksanakan 682 perolehan bekalan, perkhidmatan dan kerja melibatkan perbelanjaan berjumlah RM7.25 juta. Bagi tempoh tersebut, sebanyak 609 perolehan berjumlah RM2.43 juta dibuat melalui kaedah pembelian terus dan 73 perolehan bekalan dan perkhidmatan yang berjumlah RM4.82 juta dilaksanakan melalui kaedah sebut harga. Bagi Majlis Daerah Pasir Puteh (MDPP) pula telah melaksanakan 1,193 perolehan bekalan, perkhidmatan dan kerja melibatkan perbelanjaan berjumlah RM11.75 juta. Bagi tempoh tersebut, sebanyak 1,185 perolehan berjumlah RM4.74 juta dibuat melalui kaedah pembelian terus, 7 perolehan bekalan dan perkhidmatan yang berjumlah RM247,445 dilaksanakan melalui kaedah sebut harga dan satu perolehan kerja berjumlah RM6.76 juta dibuat melalui tender.
- b. Pengauditan yang dijalankan pada bulan Ogos hingga November 2016 mendapati secara umumnya pengurusan perolehan di MDPP adalah memuaskan kerana telah mematuhi peraturan perolehan manakala di MDPM adalah kurang memuaskan kerana terdapat bayaran melebihi kadar dan tidak mematuhi peraturan perolehan. Terdapat beberapa kelemahan yang perlu dibuat penambahbaikan oleh MDPM atau MDPP seperti berikut:

Di MDPM:

- i. bayaran perkhidmatan pengawal keselamatan melebihi kadar berjumlah RM41,173;
- ii. bayaran perkhidmatan sewa *excavator* dan lori, bekalan *long suits/blazer* dan alat komunikasi mudah alih berjumlah RM42,769 terlebih dibayar;
- iii. *washing bay* yang dibina bernilai RM33,800 tidak digunakan sejak bulan Disember 2014;
- iv. sebanyak 11 item perolehan bekalan/perkhidmatan/kerja yang melebihi RM20,000 setahun berjumlah RM1.63 juta tidak dibuat secara sebut harga dan 9 daripada 11 item tersebut adalah merupakan pecah kecil bagi mengelak perolehan dibuat secara sebut harga; dan
- v. sebanyak 84 Pesanan Kerajaan bernilai RM782,275 dikeluarkan selepas barang/perkhidmatan diterima antara tiga hingga 278 hari.

Di MDPP:

- i. Arahan Perubahan Kerja (APK) tidak disediakan bagi kerja ubah suai bangunan bernilai RM586,635 yang tidak dilaksanakan; dan
- ii. penyediaan perkhidmatan pewangi Rentokil Initial berjumlah RM20,818 pada Januari hingga Ogos 2016 dibuat tanpa melalui sebut harga sebaliknya secara pembelian terus.
- c. Bagi menambah baik pelaksanaan perolehan, adalah disyorkan MDPM dan MDPP mengambil tindakan berikut:
 - i. memastikan kawalan dalaman proses perolehan dipertingkatkan;
 - ii. memastikan setiap baucar bayaran disokong dengan lampiran yang lengkap dan disemak untuk menentukan ketepatan bayaran dan mengelakkan bayaran dibuat dua kali;
 - iii. perolehan alat komunikasi mudah alih dan *long suits/blazer* perlu dilaksanakan mengikut kadar yang ditetapkan;
 - iv. satu Jawatankuasa Siasatan ditubuhkan bagi menyiasat *improper payment* di PBT berkenaan; dan
 - v. Pegawai Kewangan Negeri perlu mengeluarkan pekeliling terkini selaras dengan 1PP supaya PBT terima pakai bagi memastikan tiada percanggahan dalam melaksanakan perolehan.

PERBADANAN KEMAJUAN IKTISAD NEGERI KELANTAN

4. *KTC Convention & Apartment Sdn. Bhd.*

- a. KTC Convention & Apartment Sdn. Bhd. (KTCCASB) merupakan syarikat subsidiari milik penuh Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK) dan ditubuhkan pada 7 April 2009 di bawah Akta Syarikat 1965 dengan modal dibenarkan berjumlah RM5 juta dan modal berbayar berjumlah RM1.50 juta. Objektif syarikat adalah menyediakan perkhidmatan yang profesional dan selesa untuk pelanggan serta menyediakan prasarana yang baik dan lengkap bersesuaian dengan aktiviti yang dijalankan dan juga menyediakan penginapan yang selesa kepada pelanggan. Aktiviti utama KTCCASB adalah mengurus dan menyewa dewan di Pusat Dagangan Kelantan milik PKINK Bina Sdn. Bhd. dan apartmen milik persendirian. Syarikat ini beroperasi di Seksyen 14, Kota Bharu, Kelantan.
- b. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Ogos hingga November 2016 mendapati secara keseluruhannya prestasi kewangan KTCCASB bagi tahun 2013 hingga 2015 adalah kurang memuaskan kerana kerugian sebelum cukai masing-masing berjumlah RM1.07 juta, RM981,668 dan RM792,255. Kerugian terkumpul sehingga 31 Disember 2015 pula berjumlah RM5.50 juta melebihi modal berbayar yang berjumlah RM1.50 juta. Selain itu, nisbah kewangan juga menunjukkan kedudukan kewangan yang lemah. Pengurusan aktiviti adalah selaras dengan objektif penubuhan tetapi kurang memuaskan dan amalan tadbir urus korporat secara keseluruhannya adalah kurang memuaskan. Penemuan Audit yang perlu diberi perhatian seperti ringkasan berikut:
 - i. hasil sewaan apartmen mencapai 94% dan 98.2% daripada sasaran yang ditetapkan masing-masing pada tahun 2014 dan 2015. Ini kerana KTCCASB telah menurunkan sasaran bagi kutipan sewaan apartmen ini berdasarkan kepada jumlah pendapatan sewaan sebenar yang rendah pada tahun sebelumnya;
 - ii. kadar penginapan apartmen bagi tahun 2014 hingga 2016 adalah rendah iaitu di antara 27% hingga 37.5% berbanding bilangan apartmen sedia ada;
 - iii. KTCCASB mempunyai tunggakan sewaan dewan dan apartmen masing-masing berjumlah RM1.59 juta dan RM150,000. Perjanjian dengan 38 pemilik apartmen juga belum diperbaharui; dan
 - iv. Rancangan Korporat dan *Standard Operating Procedures* masih belum diluluskan oleh Lembaga Pengarah.
- c. Bagi mempertingkatkan prestasi pengurusan syarikat, pihak Audit mengesyorkan KTCCASB mengambil tindakan terhadap perkara berikut:

- i. meningkatkan promosi dan kelengkapan apartmen serta mengurangkan kos perkhidmatan yang tinggi khasnya gaji kakitangan dan kos kewangan bagi mengelakkan syarikat mengalami kerugian berterusan;
- ii. mengambil tindakan untuk membayar semula tunggakan sewaan dewan kepada PKINK Bina Sdn. Bhd. dan sewaan apartmen kepada pemilik persendirian seperti yang ditetapkan dalam perjanjian; dan
- iii. mendapat kelulusan Lembaga Pengarah terhadap *Standard Operating Procedures* yang disediakan dan menetapkan KPI supaya hala tuju syarikat lebih jelas bagi meningkatkan pendapatan syarikat pada masa hadapan.

BAHAGIAN II – PENGURUSAN KEWANGAN JABATAN/AGENSI NEGERI

5. Pencapaian pengurusan kewangan di Jabatan/Agensi Kerajaan Negeri Kelantan pada tahun 2016 secara amnya adalah baik. Hasil daripada pengauditan yang dijalankan pada tahun 2016 adalah didapati pencapaian pengurusan kewangan bagi 12 Jabatan/Agensi Negeri mendapat tahap penarafan **Cemerlang** dan lima Jabatan/Agensi mendapat penarafan pada tahap **Baik**. Jabatan dan Agensi Negeri boleh mempertingkatkan pengurusan kewangan ke tahap yang lebih baik jika langkah-langkah penambahbaikan dijalankan oleh Jabatan/Agensi seperti sentiasa peka terhadap pekeliling terbaru yang dikeluarkan oleh Kerajaan bagi membantu melicinkan lagi proses pengurusan kewangan di Jabatan/Agensi dan mengadakan program latihan/kursus yang berterusan kepada semua pegawai yang terlibat dengan pengurusan kewangan agar mereka dapat meningkatkan pengetahuan dan kompetensi dalam menjalankan tugas.

Bahagian I

AKTIVITI JABATAN/AGENSI DAN
PENGURUSAN SYARIKAT
KERAJAAN NEGERI

JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN

1. PROJEK PENCEGAHAN HAKISAN PANTAI

1.1. LATAR BELAKANG

1.1.1. *National Coastal Erosion Study* (NCES) yang dijalankan pada bulan November 1984 hingga Januari 1986 telah menyatakan bahawa 1,380 kilometer (km) daripada 4,809km (28.7%) pesisir pantai Malaysia menghadapi masalah hakisan. Bagi Negeri Kelantan sepanjang 52.1km daripada 71km (73.4%) pesisir pantai mengalami hakisan. Lanjutan daripada penemuan NCES itu, Kerajaan telah mengarahkan Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia (JPS) menguruskan projek mencegah hakisan pantai di seluruh Malaysia. Bagi tujuan tersebut, Jabatan Kejuruteraan Pantai, JPS kini dikenali sebagai Bahagian Pengurusan Lembangan Sungai dan Zon Pantai (BPLSZP) di JPS Negeri bertindak merancang, melaksanakan dan memantau projek mencegah hakisan pantai.

1.1.2. Hasil penemuan NCES turut mengklasifikasikan tiga kategori hakisan yang berlaku di pesisir pantai Malaysia. Bagi tujuan pencegahan hakisan pantai, dua kaedah pencegahan digunakan iaitu pencegahan secara struktural dan bukan struktural. Pencegahan secara struktural dapat menghentikan atau mengurangkan kadar hakisan. Manakala pencegahan bukan struktural bertujuan untuk mengurangkan tenaga ombak dan mengekalkan topografi semula jadi pantai. Keterangan kategori hakisan dan kaedah pencegahan adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 1.1
KATEGORI HAKISAN**

KATEGORI	KETERANGAN
1	Kawasan tepi pantai berada dalam keadaan terhakis di mana kemudahan atau infrastruktur berisiko tinggi untuk rosak atau musnah.
2	Kawasan tepi pantai terhakis pada suatu kadar di mana nilai harta benda awam dan tanah pertanian akan terancam dalam jangka masa lima hingga sepuluh tahun melainkan tindakan pemulihan diambil.
3	Kawasan tepi pantai yang mengalami hakisan masih lagi belum dibangunkan. Bagaimanapun impaknya kepada ekonomi sekitar adalah kecil atau tiada jika dibiarkan tanpa tindakan pemulihan.

Sumber: *National Coastal Erosion Study 1986*

JADUAL 1.2
KAEDAH PENCEGAHAN HAKISAN PANTAI

KAEDAH PENCEGAHAN	KETERANGAN	GAMBAR
Struktur	<p>Lapis Lindung (<i>Revetment</i>):</p> <ul style="list-style-type: none"> • terdiri dari batu-batu atau dari blok-blok konkrit • struktur yang ringan dan amat sesuai di kawasan ombak yang besar 	
	<p>Groin (<i>Groyne</i>):</p> <ul style="list-style-type: none"> • berbentuk lurus dan bersudut tepat dengan garisan pantai • dibina dari pelbagai bahan seperti kayu dan batu • digunakan untuk pantai berpasir 	
	<p>Pemecah Ombak (<i>Breakwater</i>):</p> <ul style="list-style-type: none"> • struktur yang besar dan sukar dibina • melibatkan kos pembinaan yang tinggi • mengurangkan tindakan ombak di kawasan belakang pembinaan struktur 	
	<p>Tembok Laut (<i>Seawall</i>):</p> <ul style="list-style-type: none"> • melindungi cerun daripada tindakan ombak • mengurangkan tenaga ombak pada pantai berpasir 	
Bukan Struktur	<p>Pemulihan Pantai (<i>Beach Nourishment</i>):</p> <ul style="list-style-type: none"> • dikenali sebagai penggantian pantai • bahan tambahan seharusnya sama atau lebih besar saiz dan juga ketumpatannya berbanding bahan pantai sedia ada (semula jadi) 	
	<p>Penanaman Bakau</p> <ul style="list-style-type: none"> • Bakau akan menahan dan menyebarkan tenaga ombak 	
	<p>Geotekstil</p> <ul style="list-style-type: none"> • diperbuat daripada bahan polimer • berfungsi sebagai Pengasingan, Penurusan, Pengukuhan, Pemindahan dan Halangan Kelembapan 	
	<p>Gumuk Pasir (<i>Sand Dune</i>):</p> <ul style="list-style-type: none"> • dibentuk oleh angin • merupakan satu stok pasir di atas had arah ke darat ketika pasang surut yang normal 	

Sumber: Jabatan Pengairan dan Saliran

1.1.3. Projek pencegahan hakisan pantai ini meliputi pembinaan struktur pencegahan hakisan pantai di kawasan kritis bertujuan mengelak kehilangan lebih banyak tanah dan harta benda. Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sejumlah RM13.50 juta bagi tempoh RMK-10 (2011-2015) untuk melaksanakan projek pencegahan hakisan pantai di sepanjang pantai Negeri Kelantan. Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Kelantan berperanan sebagai pegawai penguasa bagi projek ini. Tujuan projek ini adalah untuk menyelesaikan masalah hakisan melalui kerja-kerja perlindungan pesisiran pantai.

1.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai projek pencegahan hakisan pantai dilaksanakan dengan cekap dan berkesan untuk mencapai objektif yang ditetapkan.

1.3. SKOP PENGAUDITAN

Pengauditan ini meliputi projek pencegahan hakisan pantai di Pantai Kemayan dan Pantai Irama, Bachok yang dijalankan di JPS Negeri dan JPS Jajahan Bachok bagi tahun 2014 hingga Oktober 2016 seperti di jadual berikut:

**JADUAL 1.3
SENARAI PROJEK YANG DIAUDIT**

BIL.	NAMA PROJEK	KOS (RM Juta)	TEMPOH
1.	Pembinaan Struktur <i>Groin</i> di Pantai Kemayan, Bachok	5.24	31.12.2014 – 30.03.2016
2.	Pembinaan Struktur <i>Groin</i> di Pantai Irama, Bachok	5.14	08.05.2013 – 11.03.2014

Sumber: Jabatan Pengairan dan Saliran

1.4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan ini telah dijalankan dengan menyemak fail, rekod dan dokumen yang berkaitan dengan projek yang terlibat. Lawatan dan pemeriksaan fizikal juga telah dijalankan di lokasi projek yang dipilih. Selain itu, imej satelit daripada Agensi Remote Sensing Malaysia (ARSM) juga telah diperoleh bagi setiap kawasan projek dan mengambil kira cerapan yang telah dibuat terhadap imej. Temu bual dengan pegawai yang berkaitan turut dilaksanakan bagi mendapatkan penjelasan dan gambaran sebenar kajian yang dijalankan.

1.5. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Oktober hingga Disember 2016 mendapati projek pencegahan hakisan pantai di Pantai Kemayan dan Pantai Irama daripada siap dibina hingga ke tarikh pengauditan antara satu hingga tiga tahun secara amnya menunjukkan kesan positif. Didapati projek tersebut telah membantu mengurangkan hakisan pantai dan membantu mengekalkan kegiatan ekonomi yang sedia ada. Bagaimanapun, terdapat kelemahan dari aspek pengurusan projek pencegahan hakisan pantai seperti berikut:

- i. Pelan Pengurusan Pesisiran Pantai Bersepadu masih belum disediakan untuk Negeri Kelantan walaupun mengalami masalah hakisan pantai yang serius;
- ii. kerja tidak mengikut lukisan reka bentuk iaitu bahagian *underlayer* pada lapisan *primary armour layer* tidak dibuat, penyusunan lapisan batu tidak mengikut saiz dan terdapat saiz batu lebih kecil daripada gred batu yang paling minimum;

- iii. hakisan berlaku di kawasan bersebelahan *groin* yang dibina dan berdasarkan imej satelit yang diperoleh dari Agensi Remote Sensing Malaysia (ARSM) terbukti wujud perubahan garisan pantai yang ketara selepas projek disiapkan pada tahun 2017;
- iv. pewartaan sebagai tanah Kerajaan bagi kawasan pantai yang terbentuk belum selesai; dan
- v. pemantauan dan penyenggaraan *groin* yang dibina tidak dilaksanakan sepenuhnya.

Perkara yang ditemui dan maklum balas JPS telah dibincangkan dalam *Exit Conference* pada 14 Mac 2017. Penjelasan lanjut mengenainya adalah seperti di perenggan berikut:

1.5.1. Prestasi Projek

1.5.1.1. Pencapaian Fizikal Projek

Berdasarkan kontrak, tarikh penyiapan bagi projek pencegahan hakisan pantai di Pantai Kemayan dan Pantai Irama masing-masing selama 15 dan sepuluh bulan. Semakan Audit mendapati kedua-dua projek telah disiapkan lebih awal daripada tempoh masa yang ditetapkan seperti di **Jadual 1.4**. Projek ini dapat disiapkan lebih awal kerana faktor cuaca, arus ombak dan bekalan mentah tidak mempengaruhi pelaksanaan projek. Kesan daripada pencapaian projek fizikal yang dapat disiapkan lebih awal telah dapat membantu mengurangkan hakisan di kawasan yang dilindungi.

**JADUAL 1.4
PENCAPAIAN FIZIKAL PROJEK**

PROJEK	KOS PROJEK (RM Juta)	TARIKH MULA	TARIKH SIAP ASAL	TARIKH SIAP SEBENAR
Pembinaan Struktur <i>Groin</i> di Pantai Kemayan, Bachok.	4.96	31.12.2014	30.03.2016	17.03.2016 (Awal 13 hari)
Pembinaan Struktur <i>Groin</i> di Pantai Irama, Bachok.	5.59	08.05.2013	11.03.2014	02.03.2014 (Awal 9 hari)

Sumber: Jabatan Pengairan dan Saliran

1.5.1.2. Pencapaian Kewangan Projek

Di bawah Rancangan Malaysia Ke-10 (RMK-10) bagi tempoh 2011 hingga 2016, sejumlah RM13.5 juta telah diperuntukkan bagi pelaksanaan projek pencegahan hakisan pantai di sepanjang pantai Negeri Kelantan. Sehingga 2016, sejumlah RM10.39 juta (76.96%) daripadanya telah dibelanjakan bagi tujuan tersebut.

1.5.1.3. Pencapaian *Outcome* Projek

Key Performance Index (KPI) ialah set ukuran kuantitatif yang digunakan untuk mengukur produktiviti, keberkesanannya atau pencapaian sesuatu aktiviti. Bagi menilai keberkesanannya atau pencapaian projek pencegahan hakisan pantai ini, pihak JPS perlu menetapkan KPI yang hendak dicapai. Semakan Audit mendapati JPS belum menetapkan KPI bagi projek pencegahan hakisan pantai kerana tiada arahan yang menghendaki diwujudkan KPI bagi projek ini. Tanpa menyediakan KPI menyebabkan pengukuran prestasi dan sasaran projek tersebut tidak dapat dilaksanakan.

Maklum Balas JPS yang Diterima Pada 14 Mac 2017

Pada dasarnya, KPI untuk projek pencegahan hakisan pantai ditentukan oleh JPS Malaysia di bawah seliaan Bahagian Pengurusan Zon Pantai yang merangkumi seluruh Malaysia. Untuk RMK-11, Bahagian Pengurusan Zon Pantai JPS Malaysia telah menetapkan sepanjang 30km pantai akan dilindungi termasuk pantai-pantai di Kelantan. KPI bagi projek pencegahan hakisan pantai di Kelantan pada masa hadapan akan disediakan.

Pada pendapat Audit, tanpa menetapkan KPI bagi projek ini akan menyebabkan penilaian pencapaian atau prestasi aktiviti tersebut tidak dapat diukur.

1.5.2. Pelan Pengurusan Pesisiran Pantai Bersepadu Tidak Disediakan

1.5.2.1. Pelan Pengurusan Pesisiran Pantai Bersepadu (ISMP) disediakan bagi melaporkan keadaan persekitaran kawasan pantai termasuklah kajian tentang hakisan pantai dan pemendaman berdasarkan keadaan semasa kajian dibuat. ISMP ini disesuaikan mengikut prinsip *Integrated Coastal Zone Management* (ICZM) untuk memberi perhatian kepada masalah yang dihadapi di garis pesisir pantai Malaysia. Kajian ISMP perlu dilaksanakan untuk mendapat gambaran awal keadaan tapak dan kesesuaian struktur rekahan hakisan pantai dan boleh digunakan sebagai asas untuk membuat keputusan berkaitan dengan pembangunan di kawasan pantai. Antara komponen terlibat dengan ISMP adalah *Decision Support System* yang boleh membantu JPS bagi membuat ulasan dan keputusan berhubung pembangunan kawasan pantai.

1.5.2.2. Berdasarkan data yang dikeluarkan oleh NCES menunjukkan negeri Kelantan termasuk dalam enam buah negeri yang mengalami kadar hakisan yang paling serius seperti di **Jadual 1.5**. Keadaan ini menunjukkan kajian ISMP perlu disediakan bagi negeri Kelantan. Semakan Audit mendapati Kajian ISMP masih belum disediakan walaupun negeri Kelantan mencatatkan kadar hakisan

yang paling serius iaitu 73.4%. Tanpa kajian ISMP menyebabkan JPS tidak mendapat gambaran awal keadaan tapak yang mengalami hakisan dan sukar menentukan kesesuaian struktur pencegahan.

**JADUAL 1.5
PANTAI TERHAKIS DAN STATUS PENYEDIAAN ISMP**

NEGERI	JARAK PANTAI (KM)	KADAR HAKISAN MENGIKUT KATEGORI (KM)			JUMLAH JARAK PANTAI TERHAKIS		ISMP	CATATAN
		1	2	3	(KM)	(%)		
Kelantan	71	5.0	9.5	37.6	52.1	73.4	Tiada	-
Perlis	20	4.4	3.7	6.4	14.5	72.5	Tiada	-
Selangor	213	63.5	22.3	66.1	151.9	71.3	Tiada	-
Terengganu	244	20.0	10.0	122.4	152.4	62.5	Tiada	-
Perak	230	28.3	18.8	93.1	140.2	61.0	Tiada	-
W.P Labuan	59	2.5	3.0	25.1	30.6	51.9	Tiada	-
Melaka	73	15.6	15.1	6.0	36.7	50.3	Ada	Dikeluarkan pada tahun 2010.
Johor	492	28.9	50.3	155.6	234.8	47.7	Ada	Hanya bagi Daerah Tebrau yang dikeluarkan pada tahun 2010 dan pantai Barat Johor (Dari Kukup ke Muar) yang dikeluarkan pada tahun 2012.
Pahang	271	12.4	5.2	107.8	125.4	46.3	Ada	Dikeluarkan pada tahun 1995.
N.Sembilan	58	3.9	7.7	12.9	24.5	42.2	Ada	Dikeluarkan pada tahun 2009.
Pulau Pinang	152	42.4	19.7	1.1	63.2	41.6	Ada	Dikeluarkan pada tahun 2010.
Kedah	148	31.4	2.2	9.9	43.5	29.4	Tiada	
Sabah	1,743	12.8	3.5	279.2	295.5	17.0	Ada	Hanya melibatkan kawasan dari Kota Kinabalu ke Kudat.
Sarawak	1,035	17.3	22.3	9.6	49.2	4.8	Ada	Hanya melibatkan kawasan daerah Mukah sahaja yang dikeluarkan pada tahun 2010.
JUMLAH	4,809	288.0	193.0	933.0	1,414.5	29.41		

Sumber: National Coastal Erosion Study 1986

Maklum Balas JPS yang Diterima Pada 12 Februari 2017

Kajian ISMP untuk negeri Kelantan adalah di bawah kawalan Ibu Pejabat JPS Malaysia. Kajian ISMP Negeri Kelantan dijadualkan dalam RMK-11.

Pada pendapat Audit, memandangkan pesisiran pantai di Negeri Kelantan masih belum dibuat kajian ISMP, kesesuaian struktur pencegahan hakisan pantai sukar dilakukan.


1.5.3. Kerja Tidak Mengikut Lukisan Reka Bentuk

1.5.3.1. *Primary armour layer* direkabentuk dan dibina untuk meresap kekuatan kuasa ombak dengan ruang rongga (*void ratio*) sebanyak 30% di samping lain-lain fungsi seperti pemecah ombak, mengawal hakisan, kemas dan sempurna.

1.5.3.2. Lawatan Audit pada 16 dan 27 November 2016 di Pantai Irama dan Pantai Kemayan mendapati berlakunya keadaan yang boleh menjelaskan fungsi *primary armour layer* seperti keadaan berikut:

- Merujuk kepada lukisan di **Rajah 1.1** bagi *groin* No. 3, Pantai Irama menunjukkan lapisan *primary armour layer* perlu dibina sepanjang 86.4 meter dan lebar 36 meter serta termasuk lapisan *underlayer* yang perlu dibina selebar lima meter dan panjang 86.4 meter di bahagian *sea side* dan selebar tiga meter dan panjang 86.4 meter di bahagian *land side*. Bagaimanapun, lapisan *underlayer* di bahagian *sea side* selebar lima meter dan panjang 86.4 meter tidak dibina seperti gambar berikut:

RAJAH 1.1
CROSS SECTION – GROIN NO.3



Sumber: Dokumen Kontrak Pantai Irama



GAMBAR 1.1
Groin 3 Pantai Irama
Tiada Lapisan Underlayer di Bahagian Sea Side
(16.11.2016)

1.5.3.3. Lukisan Reka Bentuk Struktur *Groin* menetapkan kedudukan batu perlu disusun secara berlapis mengikut saiz batu yang telah ditetapkan. Saiz batu bagi lapisan *primary armour layer* di bahagian *sea side* adalah gred 'A', di bahagian *land side* adalah Gred 'B'. Manakala, lapisan *secondary layer* di bahagian *sea side* adalah gred 'C' dan di bahagian *land side* adalah Gred 'D' bagi kedua-dua projek seperti di jadual berikut:

**JADUAL 1.6
SAIZ BATU SEPERTI DOKUMEN KONTRAK**

SAIZ BATU	MAKSIMUM	NOMINAL	MINIMUM	UNIT
Gred A	1,000	1,500	1,100	(kg)
	900	830	750	(mm)
Gred B	900	700	500	(kg)
	700	640	570	(mm)
Gred C	150	125	100	(kg)
	380	360	340	(mm)
Gred D	70	55	40	(kg)
	300	275	250	(mm)

Sumber: Dokumen Kontrak Pantai Irama dan Pantai Kemayan

- a. Pihak Audit mendapati susunan batu pada lapisan *primary armour layer* di bahagian *sea side* *groin* No. 3, Pantai Irama tidak disusun secara berlapis mengikut saiz batu. Terdapat saiz batu Gred 'D' atau lebih kecil diletak bersama dengan saiz batu Gred 'A'. Pihak Audit telah mengukur sampel batu yang diambil didapati terdapat batu bersaiz 230mm lebih kecil daripada gred batu yang ditetapkan iaitu 750mm hingga 900mm. Kedudukan saiz batu kecil tersebut bercampur dengan saiz batu Gred 'A' seperti di gambar berikut:

GAMBAR 1.2



GAMBAR 1.3



Groin 3 Pantai Irama
Susunan Batu Gred A Bercampur Dengan Batu Lebih Kecil dan
Saiz Batu Kurang Daripada Ukuran yang Ditetapkan
(16.11.2016)

- b. Keadaan ini menyebabkan batu pada lapisan *primary armour layer* telah berlaku pemendapan di sekeliling *pavement* seperti **Gambar 1.3**. Berdasarkan ulasan oleh Bahagian Teknikal, Jabatan Audit Negara pemendapan ini berlaku disebabkan oleh beberapa faktor iaitu:
- kehilangan pasir di bawah timbunan batu; dan
 - ketidakseragaman batu yang digunakan dan kaedah penyusunan yang tidak mengikut lukisan reka bentuk telah menjasikan fungsi lapisan *primary armour layer*.

GAMBAR 1.4



GAMBAR 1.5



*Groin 3 Pantai Irama
Lapisan Primary Armour Layer Mengalami Pemendapan
(27.11.2016)*

- c. Lawatan Audit di Pantai Kemayan pula mendapati penyusunan batu adalah lebih kemas dan seragam seperti di gambar berikut:

GAMBAR 1.6



GAMBAR 1.7



*Groin 1 Pantai Kemayan
Susunan Batu Seragam di Bahagian Sea Side
(27.11.2016)*

Maklum Balas JPS yang Diterima Pada 14 Mac 2017

Semua susunan batu pada lapisan primary armour layer telah dipasang mengikut spesifikasi kontrak sepertimana yang telah ditetapkan. Underlayer juga telah dibuat. Ruang-ruang kosong yang wujud setelah formwork dibuka tidak dapat diisi dengan batu armour kerana saiz batu armour adalah lebih besar daripada ruang-ruang kosong tersebut.

Pada pendapat Audit, pemantauan dan penyeliaan oleh JPS terhadap kerja-kerja kontraktor adalah kurang memuaskan kerana penyusunan batu bata tidak selaras dengan lukisan reka bentuk dan saiz batu yang lebih kecil berbanding yang ditetapkan dalam kontrak.

1.5.4. Berlaku Hakisan di Kawasan Berhampiran Projek

1.5.4.1. Kesesuaian Struktur *T Groin* dan *L Groin*

- a. *T Groin* dan *L Groin* adalah *groin* biasa yang ditambah dengan satu lagi komponen struktur batu di hujung *groin* yang selari dengan pantai. Komponen ini mempunyai dua fungsi iaitu mengehadkan kemasukan ombak ke kawasan pantai dan mengurangkan kehilangan pasir ke laut. Jenis *groin* ini juga dapat menghalang pembentukan *rip current*. Ianya adalah lebih berkesan daripada *groin* biasa bagi sesetengah kawasan, terutamanya jika kadar kehilangan pasir antara *groin* adalah tinggi. Bentuk *groin* ini merupakan gabungan antara *groin* dan *offshore breakwater* yang pendek. Butiran-butiran *T groin* seperti panjang, lebar dan jarak hendaklah berdasarkan kajian hidraulik yang dibuat.
- b. Lawatan Audit bersama JPS pada 16 dan 27 November 2016 mendapati pantai di sekitar projek tersebut telah mengalami hakisan yang semakin serius dan menyebabkan pokok tumbang akibat tiada pembinaan struktur pencegahan hakisan pantai di kawasan pantai bersebelahan seperti di gambar berikut:

GAMBAR 1.8



Pantai Kemayan
Hakisan Berlaku Selepas *Groin* 4
(16.11.2016)

GAMBAR 1.9



Pantai Kemayan
Hakisan Berlaku Sebelah *Groin* 4
(16.11.2016)

- c. Semakan Audit mendapati satu Arahan Perubahan Kerja (APK) berjumlah RM283,626 telah diluluskan bagi membina dua benteng *revetment* jenis batu yang masing-masing berukuran 40 meter di antara *Groin* 4 dengan *Groin* 3 dan di antara *Groin* 3 dengan *Groin* 2 di Pantai Kemayan seperti di **Gambar 1.10**. Kerja tambahan tersebut dilaksanakan disebabkan hakisan yang serius semasa air pasang pada 27 November 2015 dan kontrak membina *T Groin*

tidak mematuhi kajian hidraulik yang telah dijalankan di mana pembinaan *T Groin* tersebut telah dikurangkan unjurannya ke bahagian *sea side*. Pada pendapat Audit, *T Groin* yang dibina kurang berkesan untuk mencegah hakisan menyebabkan dua benteng *revetment* tersebut dibina sebagai kerja tambahan.



GAMBAR 1.10

Antara *Groin* 4 Dengan 3 dan *Groin* 3 Dengan 2 di
Pantai Kemayan
Benteng Revetment

- d. Semakan Audit terhadap imej satelit yang diperoleh dari ARSM yang diambil pada tahun 2016 dan 2017 mendapati terdapat berlaku perubahan garisan pantai selepas projek disiapkan pada tahun 2017. Perubahan garisan pantai yang ketara pada kawasan bertanda B1, B2, B3 dan B4 di Pantai Irama seperti **Imej 1.1** dan kawasan bertanda A1, A2, A3 dan A4 di Pantai Kemayan seperti imej berikut:

IMEJ 1.1



Petunjuk

— Garis Pantai 9 Jun 2016

— Garis Pantai 9 Mac 2017

← Kawasan Hakisan Masih Berlaku

Pantai Irama

Perbezaan Garis Pantai Irama Antara Tahun 2016 dan 2017
(09.03.2017)

(Sumber: Agensi Remote Sensing Malaysia (ARSM), Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi)

IMEJ 1.2



Petunjuk

Garis Pantai 9 Jun 2016

Garis Pantai 9 Mac 2017

Kawasan Hakisan Masih Berlaku

Pantai Kemayan

Perbezaan Garis Pantai Kemayan Antara Tahun 2016 dan 2017 (09.03.2017)

(Sumber: Agensi Remote Sensing Malaysia (ARSM), Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi)


- e. Contoh perbezaan garis pantai akibat dari hakisan yang berlaku di Pantai Irama dan Pantai Kemayan, Bachok telah dibuat berdasarkan imej Satelit SPOT-6 (resolusi spatial 1.5m) pada 9 Jun 2016 serta imej terkini

berdasarkan imej satelit SPOT-7 (resolusi spatial 1.5m) pada 24 Februari 2017 bagi Pantai Irama dan 9 Mac 2017 bagi Pantai Kemayan seperti berikut.

i. ***Groin Pantai Irama, Bachok***

- Perbezaan Garis Pantai Irama di kawasan bertanda B1 dan B2 iaitu antara *Groin* 3 dan 4 serta selepas *Groin* 4 adalah antara 7.7 meter hingga 43.6 meter seperti imej berikut:

IMEJ 1.3



Petunjuk

— Garis Pantai 9 Jun 2016

— Garis Pantai 9 Mac 2017

← Kawasan Hakisan Masih Berlaku

Pantai Irama

Perbezaan Garis Pantai Irama di Kawasan Bertanda B1 dan B2
(09.03.2017)

(Sumber: Agensi Remote Sensing Malaysia (ARSM), Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi)

ii. Groin Pantai Kemayan, Bachok

- Perbezaan Garis Pantai Kemayan di kawasan bertanda A1 iaitu selepas Groin 4 tidak menampakkan sebarang perubahan seperti imej berikut:



- f. Berdasarkan **Imej 1.1** hingga **Imej 1.4**, didapati projek ini dapat mengurangkan hakisan di kawasan yang dilindungi oleh *groin* tetapi berlaku hakisan yang lebih teruk di kawasan tepi projek.

Maklum Balas JPS yang Diterima Pada 12 Februari 2017

Reka bentuk asal bagi empat unit struktur groin yang dibina adalah berbentuk T Groin. Namun disebabkan peruntukan tidak mencukupi, reka bentuk bagi dua unit telah diubah kepada bentuk L.

Pada pendapat Audit, JPS tidak sepatutnya mengubah reka bentuk berdasarkan kajian hidraulik yang telah dijalankan memandangkan peruntukan bagi RMK-10 masih berbaki sebanyak RM3.1 juta. Projek ini sepatutnya dapat meminimumkan hakisan dengan perbelanjaan yang optimum dan memperluaskan lagi projek melindungi kawasan pantai yang mengalami hakisan.

1.5.5. Rancangan Pewartaan Mengikut Kanun Tanah Negara

1.5.5.1. Kawasan pantai merupakan kawasan kritis yang terdedah kepada bencana hakisan yang serius dan boleh menyebabkan kehilangan harta benda. Kawasan ini sepatutnya di bawah pemilikan Kerajaan supaya segala urusan pembaikan dan penyenggaraan dapat ditangani oleh JPS dengan segera tanpa melibatkan pihak lain. Kanun Tanah Negara (KTN) fasal 49 membolehkan Pejabat Tanah dan Jajahan (PTJ) mengukur semula tanah di pesisir pantai terhakis dan diwartakan semula bagi kegunaan awam.

1.5.5.2. Lawatan Audit pada 16 November 2016 di Pantai Kemayan mendapati pelaksanaan projek ini memberi kesan yang positif di kawasan yang dilindungi oleh *groin* di mana terdapat beberapa bahagian di sepanjang pantai berkenaan telah berlaku proses penambakan pasir terutama pada bahagian belakang *T groin* dan bahagian dalam *L groin* seperti di gambar berikut:

GAMBAR 1.11



Pantai Kemayan
Penambakan di Antara Groin 3 dan 4
(16.11.2016)

GAMBAR 1.12



Pantai Kemayan
Penambakan Belakang Groin 3
(16.11.2016)

Maklum Balas JPS yang Diterima Pada 12 Februari 2017

JPS Jajahan Bachok telah kemukakan surat untuk memohon pembatalan hak milik tanah kawasan projek kepada Ketua Jajahan Pejabat Tanah dan Jajahan Bachok pada 9 April 2015.

Pada pendapat Audit, JPS hendaklah memastikan tanah di pesisiran pantai tidak dicerobohi dengan meletak tanda tanah milik kerajaan dan tanah ini diwartakan.

1.5.6. Pemantauan dan Penyenggaraan Projek Tidak Dilaksana

1.5.6.1. *Manual JPS Volume 3* menyatakan pemeriksaan hendaklah dijalankan terhadap *groin* dan *breakwater* sekurang-kurangnya sekali setahun selepas tempoh musim monsun ketika ombak tertinggi diramal berlaku.

1.5.6.2. Semakan Audit mendapati pemeriksaan tidak pernah dibuat bagi kedua-dua projek yang melibatkan pembinaan *groin T* dan *L*. Semakan Audit selanjutnya turut mendapati JPS tidak mempunyai rekod mengenai ukur aras berpandukan *Permanent Bench Mark* (PBM), data hakisan pantai dan *sedimentation*. Rekod tersebut adalah penting bagi tujuan pemantauan serta perancangan projek di masa hadapan.

1.5.6.3. Kerja-kerja penyenggaraan adalah satu keperluan bagi sesuatu projek selepas disiapkan. Kerja penyenggaraan dilakukan berdasarkan tempoh masa yang ditentukan. Oleh itu, ia memerlukan perancangan dan peruntukan supaya kerja-kerja penyenggaraan boleh dilaksanakan dengan segera apabila berlaku sebarang kerosakan kecil. Semakan Audit mendapati perancangan berkaitan kerja penyenggaraan tidak dibuat kerana tidak ada peruntukan khusus bagi penyenggaraan projek ini dan maklumat pemeriksaan atau lawatan terhadap projek ini tidak disediakan.

Maklum Balas JPS yang Diterima Pada 14 Mac 2017

Pemantauan secara visual telah dibuat sekali sahaja pada Disember 2016 selepas kejadian banjir dan air pasang besar. Hasil pemantauan dibuat mendapati keadaan struktur groin adalah baik.

Pada pendapat Audit, pemantauan dan penyenggaraan projek hendaklah dilaksanakan secara berkala sekurang-kurangnya sekali setahun.

1.6. SYOR AUDIT

Bagi memperbaiki kelemahan yang dibangkitkan dalam laporan ini dan juga memastikan perkara yang sama tidak berulang dalam pelaksanaan projek pencegahan hakisan pantai, adalah disyorkan supaya JPS mempertimbangkan perkara berikut:

- 1.6.1. membuat kajian terperinci terhadap projek yang ingin dilaksanakan bagi memastikan setiap aspek diambil kira dan seterusnya projek yang dijalankan dapat menyelesaikan masalah yang dihadapi daripada projek yang dibuat;
- 1.6.2. memastikan pembinaan projek mematuhi lukisan reka bentuk dan kualiti binaan yang ditetapkan dalam kontrak;
- 1.6.3. membuat pemantauan terhadap projek yang telah dibina dan data-data hakisan pantai disimpan bagi memastikan langkah awal dapat diambil. *Permanent Bench Mark (PBM)* hendaklah dibina untuk kerja-kerja pemeriksaan ukur aras dan pemantauan berterusan oleh pihak JPS dan lain-lain agensi yang berkepentingan selepas projek ini siap; dan
- 1.6.4. jika proses penambakan pasir ini berterusan sesuatu kawasan itu akan memperoleh kawasan pantai yang lebar sebagai daratan. Disyorkan kawasan berkenaan diwartakan sebagai tanah Kerajaan untuk kepentingan awam bagi mengelakkan sebarang pencerobohan.

MAJLIS PERBANDARAN KOTA BHARU
- BANDARAYA ISLAM
MAJLIS DAERAH KETEREH PERBANDARAN ISLAM
PEJABAT TANAH DAN JAJAHAN KOTA BHARU
JABATAN KERJA RAYA NEGERI KELANTAN

2. PENGURUSAN PAPAN IKLAN

2.1. LATAR BELAKANG

2.1.1. Menurut Undang-undang Kecil Iklan dan Akta Kerajaan Tempatan 1976 tafsiran iklan adalah apa-apa pemberitahuan, poster, papan tanda, tanda tunjuk arah, pengumuman atau penerbitan yang dipamerkan. Pembinaan dan pemasangan struktur papan iklan dan paparan iklan di dalam kawasan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) perlu mendapat kebenaran tuan tanah, kelulusan Permit Struktur Papan Iklan dan Lesen Paparan Iklan serta perlu mengambil kira aspek keselamatan awam.

2.1.2. Terdapat tiga Jabatan/agensi kerajaan yang terlibat dengan memberikan kebenaran pembinaan dan pemasangan struktur papan iklan dan paparan iklan iaitu Kementerian Kerja Raya (KKR), Pejabat Tanah dan Jajahan serta Pihak Berkuasa Tempatan. Setiap Jabatan/agensi ini bertanggungjawab memastikan papan iklan yang dibina mematuhi peraturan ditetapkan. Papan iklan yang dibina di Jalan Persekutuan hendaklah mendapat kelulusan Kementerian Kerja Raya dan Pejabat Tanah dan Jajahan. Manakala, papan iklan yang dibina di Jalan Negeri hendaklah mendapat kebenaran Pejabat Tanah dan Jajahan sahaja. Di samping itu, setiap papan iklan yang dibina sama ada di Jalan Negeri atau Persekutuan hendaklah memohon Permit Struktur Papan Iklan dan Lesen Paparan Iklan dari PBT yang berkenaan.

2.1.3. Majlis Perbandaran Kota Bharu-BRI (MPKB-BRI) telah meluluskan sejumlah 14 permohonan pembinaan dan pemasangan struktur papan iklan pada tahun 2014 sehingga bulan Oktober 2016. Manakala, tiada permohonan pembinaan dan pemasangan struktur papan iklan dibuat bagi tempoh yang sama di Majlis Daerah Ketereh Perbandaran Islam (MDKPI). Pada tahun 2014 hingga 2016, Pejabat Tanah dan Jajahan Kota Bharu (PTJ) tidak memungut sebarang hasil mengenai pembinaan dan pemasangan struktur papan iklan. Manakala, MPKB-BRI dan MDKPI telah memungut hasil papan iklan melibatkan Permit Struktur Papan Iklan dan Lesen Paparan Iklan masing-masing berjumlah RM7.75 juta dan RM643,905 seperti di jadual berikut:

JADUAL 2.1.
HASIL PAPAN IKLAN BAGI TAHUN 2014 HINGGA NOVEMBER 2016

TAHUN	MPKB-BRI		MDKPI PERMIT STRUKTUR PAPAN IKLAN DAN LESEN PAPARAN IKLAN (RM)
	PERMIT STRUKTUR PAPAN IKLAN (RM)	LESEN PAPARAN IKLAN (RM)	
2014	744,036	1,520,744	179,345
2015	797,808	2,230,726	205,064
2016	903,079	1,552,803	259,496
JUMLAH	2,444,923	5,304,273	643,905
JUMLAH KESELURUHAN	7,749,196		643,905

Sumber: MPKB-BRI, MDKPI

2.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan ini adalah untuk menilai pengurusan papan iklan telah dilaksanakan dengan cekap serta mematuhi undang-undang dan peraturan ditetapkan.

2.3. SKOP PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan meliputi aspek permohonan, kelulusan dan kutipan hasil serta pemantauan/penguatkuasaan terhadap pengurusan papan iklan yang dilaksanakan oleh Pejabat Tanah dan Jajahan Kota Bharu (PTJ), Majlis Perbandaran Kota Bharu-BRI (MPKB-BRI) dan Majlis Daerah Ketereh Perbandaran Islam (MDKPI) bagi tahun 2014 hingga 2016. Jenis papan iklan yang dipilih adalah papan iklan luar berukuran 190 kaki persegi dan ke atas di kawasan MPKB-BRI dan papan iklan berukuran 90 kaki persegi dan ke atas bagi MDKPI.

2.4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan dengan menyemak rekod dan dokumen berkaitan. Selain itu, temu bual dengan pegawai yang terlibat telah diadakan untuk mendapatkan penjelasan lanjut mengenai pelaksanaan kerja pengurusan papan iklan. Lawatan Audit ke tapak yang dipilih juga telah dilakukan bagi tujuan pengesahan fizikal dan ketepatan maklumat disemak.

2.5. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan di antara bulan September hingga Disember 2016 mendapati pengurusan papan iklan pada keseluruhannya adalah kurang memuaskan. Terdapat beberapa kelemahan seperti berikut:

- i. daftar papan iklan tidak disediakan dengan lengkap mengenai saiz, lokasi, bayaran permit dan bayaran lesen yang telah dijelaskan serta tunggakannya;
- ii. papan iklan dibina tanpa kebenaran oleh KKR dan PTJ dan Permit Struktur Papan Iklan dan Lesen Paparan Iklan tidak diperoleh daripada MPKB-BRI dan MDKPI;
- iii. tunggakan bayaran Permit Struktur Papan Iklan berjumlah RM170,232 dan bayaran Lesen Paparan Iklan berjumlah RM226,730 belum dijelaskan oleh syarikat yang memohon dan membina papan iklan;
- iv. syarikat konsesi tidak membayar mengikut perjanjian papan iklan luar menyebabkan sejumlah RM90,285 masih belum dijelaskan;
- v. pemasangan bolt skru papan iklan tidak mematuhi spesifikasi pelan diluluskan; dan
- vi. kelewatan proses kelulusan Permit Penggunaan Ruang Udara dan Lesen Pendudukan Sementara antara 774 hingga 915 hari.

Perkara yang ditemui dan maklum balas MPKB-BRI, MDKPI dan PTJ telah dibincangkan dalam *Exit Conference* pada 13 Mac 2017. Penjelasan lanjut mengenainya adalah seperti di perenggan berikut:

2.5.1. Daftar Papan Iklan Tidak Disediakan Dengan Lengkap

2.5.1.1. Daftar papan iklan disediakan bagi merekodkan maklumat mengenai papan iklan di setiap kawasan. Melalui daftar setiap papan iklan dapat dikenal pasti saiz, lokasi, bayaran permit dan bayaran lesen yang telah dijelaskan serta tunggakannya. Melalui daftar tersebut pihak PBT dapat menjalankan pemantauan ke atas setiap papan iklan di kawasan masing-masing.

2.5.1.2. Semakan Audit terhadap daftar papan iklan di MPKB-BRI mendapat daftar papan iklan disediakan secara manual dan hanya disediakan di peringkat permohonan pembinaan papan iklan serta ianya tidak dikemas kini ketika didirikan. Pembinaan papan iklan yang telah diluluskan, saiz, lokasi, jumlah bayaran permit, jumlah bayaran lesen tidak dinyatakan. Status semasa setiap permohonan hanya dapat diketahui dengan merujuk kepada fail permohonan berkenaan. Setiap papan iklan juga tidak dilabel untuk tujuan pemantauan walaupun *sticker* pelabelan telah dibekalkan semasa kelulusan kepada syarikat.

2.5.1.3. Bagi MDKPI, daftar papan iklan telah disediakan di dalam sistem ePBT yang merangkumi senarai papan iklan serta bayaran Permit Struktur Papan Iklan dan Lesen Paparan Iklan.

Maklum Balas MPKB-BRI yang Diterima Pada 15 Mac 2017

MPKB-BRI bersetuju dan telah mengemas kini buku dan sistem pendaftaran bagi kesemua permohonan baru papan iklan dari sudut saiz, lokasi, bayaran permit, tarikh kelulusan dan tarikh tamat kelulusan. Pihak MPKB-BRI juga telah mengarahkan pemilik papan iklan meletakkan sticker kelulusan pada papan iklan dan tindakan kompaun akan dikeluarkan ke atas pemilik jika gagal mempamerkannya.

Pada pendapat Audit, penyediaan Daftar Papan Iklan di MPKB-BRI adalah kurang memuaskan kerana menyukarkan pemantauan oleh pihak MPKB-BRI. Manakala di MDKPI adalah baik.

2.5.2. Papan Iklan Dibina Tanpa Kebenaran

2.5.2.1. Pembinaan Papan Iklan di Dalam Rizab Jalan

- a. Tatacara Permohonan Mendirikan Struktur Papan Iklan di Dalam Rizab Jalan Persekutuan/Lebuhraya Tahun 2011 yang dikeluarkan oleh KKR menetapkan caj bayaran fi pemprosesan dan bayaran caj sewaan bagi tujuan mendirikan papan iklan. Bayaran fi pemprosesan adalah berdasarkan kategori ditetapkan iaitu berjumlah daripada RM500 hingga RM1000. Manakala bayaran caj sewaan adalah ditetapkan secara tahunan dan mengikut jenis papan iklan iaitu bagi papan iklan *Freestanding* adalah berjumlah RM5,000 setahun dan papan iklan *parapet* berjumlah RM6,000 setahun.
- b. Pekeliling Pengarah Tanah dan Galian Kelantan Bil. 4 Tahun 1998 menetapkan kadar bayaran Permit Ruang Udara dan Lesen Pendudukan Sementara mengikut kategori bandar dan luar bandar. Permit Ruang Udara bagi kategori bandar dan luar bandar ditetapkan masing-masing berjumlah RM400 dan RM140 setahun. Manakala, Lesen Pendudukan Sementara bagi kategori bandar dan luar bandar ditetapkan masing-masing berjumlah RM200 dan RM70.
- c. Lawatan Audit di sepanjang Jalan Sultan Yahya Petra, persimpangan Wakaf Mek Zainab, persimpangan Jalan Hospital dan di hadapan Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra (LTSIP) mendapati papan iklan yang dibina di Jalan Negeri sebanyak 20 unit dan Persekutuan pula sebanyak 174 unit. Manakala, lawatan Audit di Bandar Ketereh, Kok Lanas dan Melor mendapati papan iklan yang dibina di Jalan Negeri sebanyak empat unit dan Persekutuan sebanyak dan sembilan unit. Pihak Audit mendapati, kesemua 207 unit papan iklan tersebut masih belum membuat permohonan daripada

PTJ. Manakala sejumlah 142 unit telah mendapat kelulusan KKR dan 41 unit papan iklan masih belum membuat permohonan kepada KKR.

- d. Mengikut perkiraan Jabatan Audit Negara, jumlah yang tidak dikutip oleh PTJ bagi tahun 2016 bagi Lesen Pendudukan Sementara (TOL) berjumlah RM11,490 dan Permit Ruang Udara berjumlah RM57,920. Perkiraan Audit juga mendapati jumlah kutipan caj sewaan bagi papan iklan *Freestanding* dan *parapet* yang tidak dipungut oleh KKR adalah berjumlah RM215,000 bagi tahun 2016 seperti di **Jadual 2.2**. Kesannya, PTJ dan KKR kehilangan hasil masing-masing sejumlah RM69,410 dan RM215,000.

JADUAL 2.2
TOL, PERMIT RUANG UDARA DAN CAJ SEWAAN TIDAK DIKUTIP
BAGI TAHUN 2016 MENGIKUT PERKIRAAN PIHAK JABATAN AUDIT NEGARA

BIL.	JALAN/ KAWASAN	KKR			PTJ				PERMIT RUANG UDARA TIDAK DIPUNGUT (RM)
		JUMLAH DILULUSKAN (UNIT)	JUMLAH TIDAK DILULUSKAN (UNIT)	HASIL SEWAAN TIDAK DIPUNGUT (RM)	JUMLAH DILULUSKAN (UNIT)	JUMLAH TIDAK DILULUSKAN (UNIT)	TOL TIDAK DIPUNGUT (RM)		
MPKB-BRI									
1.	Jalan Hamzah/ Jalan Sultan Yahya Petra	142	23	125,000	-	169	5,200	57,920	
2.	Persimpangan Wakaf Mek Zainab	TB	TB	-	-	10	2,000	-	
3.	Persimpangan Jalan Hospital	TB	TB	-	-	6	2,400	-	
4.	Hadapan LTSIP	-	9	45,000	-	9	980	-	
JUMLAH		142	32	170,000		194	10,580	57,920	
MD KETEREH									
1.	Bandar Ketereh	-	-		-	1	70	-	
2.	Kok Lanas	-	5	25,000	-	8	560	-	
3.	Melor	-	4	20,000	-	4	280	-	
JUMLAH		-	9	45,000		13	910	-	
JUMLAH KESELURUHAN		142	41	215,000		207	11,490	57,920	

Sumber: Jabatan Audit Negara

2.5.2.2. Papan Iklan Dibina Tanpa Permit Struktur Papan Iklan

- a. Undang-undang Kecil Bangunan Seragam 1984 menetapkan suatu permit sementara tahunan papan iklan boleh dikeluarkan mengikut budi bicara PBT tertakluk kepada syarat yang dikenakkannya. Mengikut rekod, terdapat 34 permohonan Permit Struktur Papan Iklan di MPKB-BRI di mana 14 permohonan telah mendapat kelulusan, 11 permohonan telah ditolak, empat permohonan ditangguhkan kerana kajian semula terhadap reka bentuk dan lokasi serta penyelarasan saiz papan iklan manakala lima permohonan masih dalam tindakan seperti di **Jadual 3.3**. Manakala bagi MDKPI tiada permohonan pembinaan papan iklan dalam tempoh pengauditan.

JADUAL 2.3
STATUS PERMOHONAN PERMIT STRUKTUR
PAPAN IKLAN DI MPKB-BRI BAGI TAHUN 2014 HINGGA 2016

TAHUN	STATUS PERMOHONAN				JUMLAH
	TELAH DILULUSKAN	DITOLAK	DITANGGUH	DALAM TINDAKAN	
2014	8	11	-	1	20
2015	5	-	2	-	7
2016	1	-	2	4	7
JUMLAH	14	11	4	5	34

Sumber: MPKB-BRI

- b. Semakan Audit terhadap 194 unit papan iklan luar di Jalan Sultan Yahya Petra, persimpangan Wakaf Mek Zainab, persimpangan Jalan Hospital dan di hadapan Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra (LTSIP) mendapat papan iklan yang dibina telah mendapat kelulusan Permit Struktur Papan Iklan. Manakala, semakan terhadap 13 papan iklan di kawasan MDKPI mendapat hanya tiga papan iklan mendapat kelulusan MDKPI dan sepuluh papan iklan dibina tanpa Permit Struktur Papan Iklan. Perkara ini berlaku disebabkan oleh pihak MDKPI tidak menyedari kewujudan dan mengenal pasti status permohonan serta pemilik papan iklan bagi tujuan penguatkuasaan. Ini menyebabkan sejumlah RM2,350 setahun bagi bayaran Permit Struktur Papan Iklan tidak dapat dikutip dan kehilangan hasil PBT. Butiran lanjut adalah seperti jadual dan gambar berikut:

JADUAL 2.4
PAPAN IKLAN DIBINA
TANPA PERMOHONAN PERMIT STRUKTUR PAPAN IKLAN DI MDKPI

BIL.	LOKASI	PAPARAN IKLAN	PEMILIK STRUKTUR PAPAN IKLAN	SAIZ STRUKTUR PAPAN IKLAN	JUMLAH BAYARAN PERMIT STRUKTUR PAPAN IKLAN (RM)
MD KETEREH					
1.	Kok Lanas	Dr Gajet	Tiada Maklumat	18' x 10'	170
2.		Puncak Stainless Steel	Puncak Stainless Steel	10' x 15'	140
3.		Perumahan Wadi Iman	PMBK	40' x 20'	740
4.		Haji Ali Group	Haji Ali Group	8' x 11'	100
5.		Pinggiran SMK Kok Lanas	Haji Ali Group	8' x 12'	100
6.		Taman Haji Ali (2 Muka)	Haji Ali Group	8' x 12'	100
7.	Melor	MyBiscuits	Koon Brothers	40' x 10'	370
8.		Nurasya Beauty	Nurasya Beauty	40' x 10'	370
9.		Banglo Padang Kala	Koperasi Darul Fiqh Bhd.	8' x 12'	100
10.		Asia No. 1	Ago Tani Peringat Sdn. Bhd.	13' x 13'	160
JUMLAH					2,350

Sumber: MPKB-BRI dan MDKPI

GAMBAR 2.1



Papan Iklan di Kok Lanas
Papan Iklan Dibina Tanpa Permohonan
Permit Struktur Papan Iklan
(21.11.2016)

GAMBAR 2.2



Papan Iklan di Kok Lanas
Papan Iklan Dibina Tanpa Permohonan
Permit Struktur Papan Iklan
(21.11.2016)

GAMBAR 2.3



Papan Iklan di Melor
Papan Iklan Dibina Tanpa Permohonan
Permit Struktur Papan Iklan
(21.11.2016)

GAMBAR 2.4



Papan Iklan di Melor
Papan Iklan Dibina Tanpa Permohonan
Permit Struktur Papan Iklan
(21.11.2016)

2.5.2.3. Papan Iklan Dibina Tanpa Dikenakan Lesen Paparan Iklan

- Seksyen 11 Undang-undang Kecil Iklan MPKB-BRI Tahun 1990 serta Seksyen 10 Undang-undang Kecil Majlis Daerah Kota Bharu Tahun 1999 menetapkan fi lesen yang kena dibayar bagi setiap jenis iklan. Kadar fi yang dikenakan bagi papan *billboard* adalah RM200 untuk satu meter persegi pertama dan RM50 tambahan untuk tiap meter persegi. Bagi iklan yang dilekatkan di bangunan, fi dikenakan adalah RM40 untuk 10 meter persegi pertama dan RM10 tambahan untuk tiap meter persegi.
- Berdasarkan lawatan fizikal dan semakan resit pada fail berkenaan didapati sebanyak 18 unit papan iklan di kawasan MPKB-BRI masih belum dikenakan lesen paparan iklan pada tahun 2016 berjumlah RM55,600 manakala sejumlah RM12,750 bagi sembilan unit papan iklan di MDKPI seperti di jadual berikut:

JADUAL 2.5
PAPAN IKLAN YANG BELUM DIKENAKAN LESEN PAPARAN IKLAN

BIL.	PAPARAN IKLAN	NAMA SYARIKAT	SAIZ PAPARAN IKLAN (KAKI PERSEGI)	JUMLAH BAYARAN LESEN PAPARAN IKLAN (RM)
MPKB-BRI				
LOKASI: JALAN HAMZAH/JALAN SULTAN YAHYA PETRA				
1.	Kashmir Carpet	Pujangga Ideal Sdn. Bhd.	8'x120'	4,800
2.	Pusat Gimnasium	Pujangga Ideal Sdn. Bhd.	8'x60'	2,400
3.	Kashmir Carpet	Pujangga Ideal Sdn. Bhd.	8'x60'	2,400
4.	Kashmir Carpet	Pujangga Ideal Sdn. Bhd.	8'x120'	4,800
5.	Pusat Gimnasium	Pujangga Ideal Sdn. Bhd.	8'x60'	2,400
6.	Kashmir Carpet	Pujangga Ideal Sdn. Bhd.	8'x60'	2,400
7.	Giant Tunjong	Gallery Model Sdn. Bhd.	8'x60'	2,400
8.	Pusat Gimnasium	Gallery Model Sdn. Bhd.	8'x60'	2,400
9.	Mayazia	Gallery Model Sdn. Bhd.	8'x60'	2,400
10.	Kaseh	Gallery Model Sdn. Bhd.	8'x60'	2,400
11.	Subaru	Gallery Model Sdn. Bhd.	8'x60'	2,400
12.	DRB Hicom (Pesona)	Abroad Multi-Network Sdn. Bhd.	20' x 80'	7,600
13.	Bank Simpanan Nasional	Armada Kiara Sdn. Bhd.	8'x120'	4,800
14.	Bank Simpanan Nasional	Armada Kiara Sdn. Bhd.	8'x120'	4,800
15.	Giant Tunjong	Gallery Model Sdn. Bhd.	8'x30'	1,200
16.	Dnars	Gallery Model Sdn. Bhd.	8'x60'	2,400
17.	Mayazia	Gallery Model Sdn. Bhd.	8'x60'	2,400
18.	Pusat Gimnasium	Gallery Model Sdn. Bhd.	8'x30'	1,200
JUMLAH				55,600
MDKPI				
LOKASI: KOK LANAS				
1.	Dr Gajet	Tiada Maklumat	18' x 10'	1,000
2	Perumahan Wadi Iman	PMBK	40' x 20'	3,850
3	Haji Ali Group	Haji Ali Group	8' x 11'	550
4	Pinggiran SMK Kok Lanas	Haji Ali Group	8' x 12'	600
5	Taman Haji Ali (2 Muka)	Haji Ali Group	8' x 12'	1,200
LOKASI: MELOR				
1	MyBiscuits	Koon Brothers	40' x 10'	2,000
2	Nurasya Beauty	Nurasya Beauty	40' x 10'	2,000
3	Banglo Padang Kala	Koperasi Darul Fiqh Bhd	8' x 12'	600
4	Asia No. 1	Ago Tani Peringat Sdn. Bhd.	13' x 13'	950
JUMLAH				12,750
JUMLAH KESELURUHAN				68,350

Sumber: Jabatan Audit Negara

- c. Lawatan Audit pada 21 November 2016 menunjukkan terdapat papan iklan dibina tanpa lesen paparan iklan seperti gambar berikut:

GAMBAR 2.5



Papan Iklan di Jalan Pasir Hor ke Kubang Kerian
Papan Iklan yang Belum Dijelaskan Lesen Paparan Iklan
(21.11.2016)

GAMBAR 2.6



Papan Iklan di Jalan Sultan Yahya Petra
Papan Iklan yang Belum Dijelaskan Lesen Paparan Iklan
(21.11.2016)

GAMBAR 2.7



Papan Iklan di Kok Lanas
Papan Iklan yang Belum Dijelaskan Lesen Paparan Iklan
(21.11.2016)

GAMBAR 2.8



Papan Iklan di Kok Lanas
Papan Iklan yang Belum Dijelaskan Lesen Paparan Iklan
(21.11.2016)

Maklum Balas MPKB-BRI yang Diterima Pada 26 Februari 2017

Notis telah dikeluarkan dan semua syarikat telah menjelaskan bayaran tuggakan lesen iklan pada 21 Februari 2017 sejumlah RM121,200 iaitu termasuk tuggakan lesen tahun sebelumnya. Syarikat Abroad Multi-Network bagi iklan DRB Hicom – Pesona masih belum menjelaskan bayaran lesen kerana baru mendapat kelulusan dari Jabatan Bangunan MPKB-BRI.

Maklum Balas MDKPI yang Diterima Pada 13 Mac 2017

MDKPI telah mengeluarkan notis kepada semua pemilik iklan dan dua daripada sembilan pemilik iklan telah membuat bayaran berjumlah RM2,090 pada 31 Januari 2017 dan 28 Februari 2017.

Maklum Balas PTJ yang Diterima Pada 22 Februari 2017

Notis telah dikeluarkan pada Mac 2016 dan Jun 2016 kepada Syarikat Gallery Model Sdn. Bhd. dan Syarikat Abroad Multi-Network dan pada awal 2017 permohonan TOL dan Permit Ruang Udara telah diterima dari syarikat berkenaan dan di dalam tindakan PTJKB.

Maklum Balas JKR yang Diterima Pada 13 Mac 2017

JKR telah memaklumkan kepada MPKB-BRI mengenai paparan iklan tanpa kelulusan KKR dan KKR telah mengadakan taklimat Sistem Permohonan Mendirikan Paparan Struktur Iklan di Dalam Rizab Jalan Persekutuan kepada Kerajaan Negeri Kelantan pada 2 Mac 2017 dan telah membincangkan pelarasian tempoh masa kelulusan papan iklan di peringkat KKR dan mesyuarat OSC namun persetujuan tempoh masa masih belum diperoleh.

Pada pendapat Audit, pemantauan pembinaan struktur papan iklan adalah kurang memuaskan kerana terdapat papan iklan dibina tanpa kelulusan termasuk papan iklan yang didirikan di dalam rezab jalan. Selain itu Permit Struktur Papan Iklan dan Lesen Paparan Iklan serta caj dan fi juga tidak dikutip menyebabkan kehilangan hasil kepada Kerajaan/ PBT.

2.5.3. Tunggakan Bayaran Permit Struktur Papan Iklan dan Bayaran Lesen Paparan Iklan

2.5.3.1. Seksyen 9(1) Undang-undang Kecil MPKB-BRI membenarkan PBT memperbaharui lesen paparan iklan. Bayaran terhadap Permit Struktur Papan Iklan dan bayaran Lesen Paparan Iklan perlu diperbaharui pada setiap tahun bagi setiap iklan yang masih dipaparkan. Semakan Audit terhadap keseluruhan permohonan papan iklan mendapati sehingga tempoh pengauditan, terdapat tiga syarikat masih belum menjelaskan bayaran tunggakan Permit Struktur Papan Iklan berjumlah RM170,232 dan lapan syarikat belum menjelaskan tunggakan Lesen Paparan Iklan berjumlah RM226,730 bagi tempoh 2015 hingga 2016 seperti di **Jadual 2.6** dan **Jadual 2.7**. Pihak Audit juga mendapati Notis tidak dikeluarkan secara berterusan dan penguatkuasaan tidak dilaksanakan secara tegas oleh MPKB-BRI.

JADUAL 2.6
TUNGGAKAN PERMIT/ STICKER/ KOMPAUN
STRUKTUR PAPAN IKLAN BAGI TAHUN 2015 HINGGA 2016

BIL.	NO. FAIL	SYARIKAT	JUMLAH TUNGGAKAN (RM)
2015			
1.	P.I/21/2000/SJ3/DUP	Abroad Multi Network Sdn. Bhd.	78,900
2.	P.I-45/2014	Pujangga Ideal Sdn. Bhd.	4,400
JUMLAH			83,300
2016			
1.	P.I-8/2016	Mohd. Saufi Bakri b. Yaacob	1,480
2.	P.I-45/2014	Pujangga Ideal Sdn. Bhd.	6,552
3.	P.I-21/2000/SJ3/DUP	Abroad Multi Network Sdn. Bhd.	78,900
JUMLAH			86,932
JUMLAH KESELURUHAN			170,232

Sumber: MPKB-BRI

JADUAL 2.7
TUNGGAKAN LESEN PAPARAN IKLAN SEHINGGA OKTOBER 2016

BIL.	SYARIKAT	TAHUN		JUMLAH (RM)
		2015 (RM)	2016 (RM)	
1.	AD Interect	18,530	62,100	80,630
2.	Gallery Model Sdn. Bhd.	24,000	24,000	48,000
3.	Adept Media Sdn. Bhd.	2,000	4,500	6,500
4.	Armada Kiara Sdn. Bhd.	17,600	17,600	35,200
5.	Pujangga Ideal Sdn. Bhd.	19,200	19,200	38,400
6.	Pos Malaysia	6,000	6,000	12,000
7.	Take A Look	2,600	2,600	5,200
8.	Mohd. Saufi Bakri b. Yaacob	-	800	800
JUMLAH		89,930	136,800	226,730

Sumber: MPKB-BRI

Maklum Balas MPKB-BRI yang Diterima Pada 15 Mac 2017

Sehingga 21 Februari, sejumlah RM14,182 tunggakan permit telah dijelaskan oleh dua daripada tiga pemilik papan iklan. Notis ulangan telah dikeluarkan bagi syarikat yang belum menjelaskan Permit Struktur Papan Iklan. Manakala bagi bayaran Lesen Paparan Iklan, enam syarikat telah menjelaskan tunggakan lesen sejumlah RM181,475. Baki tunggakan, notis telah dikeluarkan kepada syarikat yang belum menjelaskan.

Pada pendapat Audit, tunggakan hasil Permit Struktur Papan Iklan dan Lesen Paparan Iklan adalah kurang memuaskan dan menyebabkan MPKB-BRI lewat menerima hasil sejumlah RM396,962 bagi tahun 2015 dan 2016.

2.5.4. Syarikat Konsesi Tidak Membayar Mengikut Perjanjian

2.5.4.1. Pada 5 Jun 2000 Kerajaan Negeri Kelantan telah menandatangani perjanjian konsesi bersama Syarikat Abroad Multi-Network Sdn. Bhd. bagi mereka, membina, memasang, menguji dan mengupah Kemudahan Papan Iklan Luar sebagaimana dikehendaki oleh Kerajaan dari semasa ke semasa. Perjanjian pada tahun 2000 telah menetapkan maksud papan iklan luar adalah *billboard* dan tiang *unipole* berukuran tidak kurang daripada 40 kaki panjang dan 10 kaki lebar sama ada di atas tanah, bumbung, jejantas atau ruang udara di dalam Negeri. Perjanjian ini telah berkuatkuasa selama 15 tahun dan kemudian telah disambung semula untuk tempoh sepuluh tahun. Perjanjian awal menetapkan syarikat perlu menyumbang 5% daripada caj bersih yang dikutip daripada penggunaan setiap papan iklan luar yang didirikan. Klausus 9.6 menetapkan sumbangan tersebut telah dinaikkan pada 6 Jun 2015 kepada 10% daripada caj bersih yang dikutip berdasarkan kepada Akaun Syarikat yang telah diaudit kutipan hasil kerana penggunaan setiap kemudahan papan iklan luar.

2.5.4.2. Semakan Audit mendapati sehingga Oktober 2016 sejumlah RM93,587 bayaran sumbangan telah dijelaskan oleh syarikat berkenaan untuk tahun 2013 hingga 2015 kepada MPKB-BRI. Namun sumbangan bagi tahun 2015 adalah masih pada kadar 5% sedangkan mulai 6 Jun 2015 kadar sumbangan telah dinaikkan pada kadar 10% daripada caj bersih yang dikutip oleh syarikat bagi sewaan papan iklan didirikan. Surat peringatan telah dikeluarkan oleh MPKB-BRI namun sejumlah RM35,825 masih belum dijelaskan oleh syarikat konsesi tersebut seperti di jadual berikut:

JADUAL 2.8
BAYARAN SUMBANGAN TIDAK DIJELASKAN OLEH
SYARIKAT KONSESI KEPADA MPKB-BRI BAGI TAHUN 2015

TAHUN	PERATUS MENGIKUT PERJANJIAN (%)	JUMLAH SEPATUT DITERIMA (RM)	JUMLAH BAYARAN (RM)	JUMLAH YANG TIDAK DIBAYAR (RM)
2013	5	36,504	36,504	-
2014	5	21,259	21,259	-
2015	10	71,649	35,824	35,825
JUMLAH		129,412	93,587	35,825

Sumber: MPKB-BRI

2.5.4.3. Perjanjian konsesi telah menetapkan syarikat perlu mematuhi syarat-syarat yang dikenakan oleh Agensi Kerajaan yang berkaitan iaitu Jabatan Kerja Raya, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Majlis Perbandaran/Majlis Daerah, Pejabat Tanah dan Galian dan mana-mana jabatan lain yang berkaitan.

2.5.4.4. Semakan terhadap Daftar Papan Iklan Syarikat Konsesi berkenaan mendapati sehingga bulan Oktober 2016 sejumlah 113 unit papan iklan telah diluluskan oleh MPKB-BRI namun pihak Audit mendapati sejumlah tujuh unit papan iklan yang masih tidak membayar lesen paparan iklan pada tahun 2015 berjumlah RM21,700 seperti di Jadual 2.9. Ini disebabkan semakan tidak dibuat ke atas senarai papan iklan pada Daftar Papan Iklan Konsesi dan senarai papan iklan yang dibuat bayaran Lesen Paparan Iklan pada tahun 2015.

JADUAL 2.9
PAPAN IKLAN SYARIKAT ABROAD MULTI-NETWORK SDN. BHD.
TIDAK DIBAYAR LESEN PAPARAN IKLAN PADA TAHUN 2015

BIL	NO. FAIL	LOKASI	SAIZ (KAKI PERSEGI)	LESEN (RM)
1.	P.I-21/2000/180/116	Di Lebuh Raya Baru Pasir Mas-Salor	10 x 40	2,000
2.	P.I-21/2000/179/115	Jalan Kuala Krai (Depan Perodua)	10 x 40	2,000
3.	P.I-21/2000/165/101	Di atas Bangunan Jaza Jalan Kuala Krai	20 x 60	5,700
4.	P.I-21/2000/185	Simpang 4 Jalan Sultan Yahya Petra – 3 Unit	10 x 40	6,000
5.	P.I-21/2000/185	Simpang 4 Jalan Sultan Yahya Petra – 1 Unit	10 x 40	2,000

BIL	NO. FAIL	LOKASI	SAIZ (KAKI PERSEGI)	LESEN (RM)
6.	P.I-21/2000/122/45	Jalan Tok Kenali ke Kubang Kerian	10 x 40	2,000
7.	P.I-21/2000/55/25	Dinding Bangunan Bulatan Medan Tuan Padang	10 x 40	2,000
JUMLAH				21,700

Sumber: MPKB-BRI

2.5.4.5. Semakan Audit terhadap senarai papan iklan yang diluluskan oleh MPKB-BRI dan lawatan ke lokasi mendapat terdapat dua daripada tiga unit papan iklan yang diluluskan oleh MPKB-BRI tidak dibayar mengikut muka iklan bagi Lesen Paparan Iklan dan Permit Struktur Papan Iklan masing-masing berjumlah RM28,300 dan RM4,460 seperti di jadual dan gambar berikut:

JADUAL 2.10
PAPAN IKLAN DIBAYAR TIDAK MENGIKUT MUKA IKLAN

NO. FAIL	SAIZ	MUKA	LESEN			PERMIT		
			BAYARAN (RM)	SEPATUT BAYAR (RM)	KURANG DIKUTIP (RM)	BAYARAN (RM)	SEPATUT BAYAR (RM)	KURANG DIKUTIP (RM)
2016								
P.I-21/2000/105/49	30 x 80	2	11,350	22,700	11,350	2,230	4,460	2,230
P.I-21/2000/129/59	30 x 60	3	8,550	25,500	16,950	5,010	5,010	-
JUMLAH			19,900	48,200	28,300	7,240	9,470	2,230
2015								
P.I-21/2000/105/49	30 x 80	2	-	-	-	2,230	4,460	2,230
JUMLAH						2,230	4,460	2,230
JUMLAH KESELURUHAN					28,300			4,460

Sumber: MPKB-BRI

GAMBAR 2.9



Papan Iklan di Jalan Sultan Yahya Petra
Papan Iklan Tidak Dibayar Mengikut Muka Iklan
(21.11.2016)

GAMBAR 2.10



Papan Iklan di Jalan Bayam
Papan Iklan Tidak Dibayar Mengikut Muka Iklan
(21.11.2016)

Maklum Balas MPKB-BRI yang Diterima Pada 26 Februari 2017

Surat telah dikeluarkan kepada Syarikat Abroad Multi-Network pada 22 Februari 2017 untuk menjelaskan baki bayaran sumbangan dan Lesen Paparan Iklan serta bayaran muka iklan yang belum dijelaskan.

Pada pendapat Audit, syarikat konsesi tidak menjelaskan bayaran sumbangan, Lesen Paparan Iklan dan Permit Struktur Papan Iklan disebabkan MPKB-BRI tidak menghantar notis tuntutan dan mengambil tindakan tegas terhadap syarikat konsesi.

2.5.5. Papan Iklan Dibina Tidak Mematuhi Spesifikasi Pelan Diluluskan

2.5.5.1. Seksyen 8(1)(c) menetapkan keperluan pelan struktur papan iklan yang diakui oleh seorang arkitek dan jurutera struktur berdaftar bagi memastikan struktur tersebut berada di dalam keadaan kukuh dan selamat bagi tempoh selama mana iklan tersebut dijangka dipamerkan.

2.5.5.2. Semakan bersama JKR Negeri Kelantan mendapati pemasangan bolt skru pada rangka utama yang melekatkan struktur pada jejambat tidak mengikut spesifikasi ditetapkan. Hanya dua atau tiga dipasang pada dinding jejambat berbanding enam bolt skru seperti pada lukisan diluluskan. Keadaan ini boleh menyebabkan struktur yang dibina tidak kukuh dan membahayakan keselamatan kepada pengguna jalan raya yang berada di bawah jejambat berkenaan. Tindakan segera perlu diambil untuk mengukuhkan papan iklan itu dengan menambah bolt skru pada bahagian seperti pada lukisan spesifikasi iklan yang telah diluluskan. Pemasangan bolt skru adalah seperti gambar berikut:



GAMBAR 2.11

**Pelan Struktur Papan Iklan
(Sumber: MPKB-BRI)**

GAMBAR 2.12



Papan Iklan di Jejambat Berdekatan TESCO
Pemasangan Bolt Skru Tidak Mengikut Spesifikasi
(28.11.2016)

GAMBAR 2.13



Papan Iklan di Jejambat Berdekatan TESCO
Pemasangan Bolt Skru Tidak Mengikut Spesifikasi
(28.11.2016)

2.5.5.3. Semakan selanjutnya mendapati pemasangan bolt skru pada bahagian bawah rangka papan iklan juga tidak dipasang seperti kelulusan pelan sebaliknya diganti dengan bahagian atas rangka seperti di **Gambar 2.14** dan **Gambar 2.15**. Ini disebabkan pemasangan struktur papan iklan telah dibuat tanpa Permit Kerja Pemasangan dari JKR. Ini memberi kesan kepada kekuahan struktur papan iklan yang dibina tanpa mendapat pengesahan Jurutera bertauliahan.

GAMBAR 2.14



Papan Iklan di Jejambat Berdekatan KB Mall
Bolt Skru Tidak Dipasang
di Bawah Jejambat
(28.11.2016)

GAMBAR 2.15



Papan Iklan di Jejambat Berdekatan KB Mall
Bolt Skru Telah Dipasang
di Atas Jejambat
(28.11.2016)

Maklum Balas MPKB-BRI yang Diterima Pada 15 Mac 2017

Bermula tahun 2017, pemilik papan iklan perlu mengemukakan Borang G3 (Asas Tapak) dan G4 (Struktur) yang disahkan oleh Jurutera berdaftar bagi memastikan struktur tersebut dibina sebagaimana pelan diakuinya. MPKB-BRI telah mengarahkan syarikat meremedi struktur papan iklan tersebut dan menyerahkan laporan bertulis mengesahkan struktur papan iklan yang dibina. Syarikat telah menyerahkan laporan pengesahan daripada Jurutera bertauliahan kepada MPKB-BRI pada 14 Mac 2017.

Pada pendapat Audit, pematuhan terhadap spesifikasi pelan diluluskan adalah kurang memuaskan disebabkan MPKB-BRI tidak mensyaratkan setiap pemasangan perlukan kelulusan Jurutera bertauliah.

2.5.6. Kelewatan Proses Kelulusan Permit Penggunaan Ruang Udara dan Lesen Pendudukan Sementara

2.5.6.1. Seksyen 75A Kanun Tanah Negara memberi kuasa kepada Pihak Berkuasa Negeri untuk meluluskan pengeluaran permit bagi maksud membina, menyenggara dan menempatkan apa-apa binaan di atas atau melintasi tanah Kerajaan atau tanah rizab.

2.5.6.2. Pekeliling Pengarah Tanah Dan Galian Kelantan Bil. 7/1999 seterusnya menyatakan perwakilan kuasa kepada Pentadbir Tanah untuk melulus dan membenarkan Lesen Menduduki Sementara bagi papan iklan yang didirikan di tanah Kerajaan dan Permit Penggunaan Ruang Udara bagi papan iklan yang dipasang secara menggunakan ruang udara di atas tanah Kerajaan. Pekeliling tersebut menetapkan penurunan kuasa bagi meluluskan Lesen Menduduki Sementara dan Permit Penggunaan Ruang Udara di atas Tanah Kerajaan untuk papan iklan tanpa terlebih dahulu mendapat perakuan Jawatankuasa Hal Ehwal Tanah Jajahan untuk mendapat pandangan. Ini adalah untuk mempercepatkan proses kelulusan, memandangkan pemasangan struktur papan iklan adalah kecil tetapi memerlukan kelulusan segera. Ini juga bagi mengelakkan berlakunya pergerakan fail dari Pejabat-pejabat Tanah ke Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Negeri seterusnya ke Majlis Mesyuarat Kerajaan.

2.5.6.3. Semakan Audit terhadap 15 permohonan mendirikan papan iklan yang telah dipohon dan diluluskan di MPKB-BRI mendapati, sejumlah enam permohonan masih dalam proses semakan di PTJ. Sehingga Oktober 2016, tempoh masa proses semakan adalah berjumlah 774 hari sehingga 915 hari seperti di jadual berikut:

**JADUAL 2.11
TEMPOH MASA PROSES PERMOHONAN PERMIT PENGGUNAAN
RUANG UDARA DAN LESEN PENDUDUKAN SEMENTARA SEHINGGA OKTOBER 2016**

PEMOHON/ NAMA JALAN	TARIKH KELULUSAN MPKB-BRI	TARIKH TERIMA DI PEJABAT TANAH			TEMPOH MASA PEGANGAN FAIL (HARI)	HASIL TIDAK DIPUNGUT (RM)
		TERIMAAN PERMOHONAN OLEH PTJ	PERINGKAT KETUA JAJAHAN	PENOLONG PEGAWAI TEKNIKAL		
Progressive Dynamic/ Simpang 4 Jalan Sultan Yahya Petra	13.04.2016	30.04.2014	04.05.2014	04.05.2014	915	210
Armada Kiara Sdn. Bhd./ Jejambat Wakaf Che Yeh Ke Pasir Hor	04.12.2013	05.06.2014	10.06.2014	11.06.2014	879	1,680

PEMOHON/ NAMA JALAN	TARIKH KELULUSAN MPKB-BRI	TARIKH TERIMA DI PEJABAT TANAH			TEMPOH MASA PEGANGAN FAIL (HARI)	HASIL TIDAK DIPUNGUT (RM)
		TERIMAAN PERMOHONAN OLEH PTJ	PERINGKAT KETUA JAJAHAN	PENOLONG PEGAWAI TEKNIKAL		
Armada Kiara Sdn. Bhd./Jejambat Pasir Hor Ke Wakaf Che Yeh	04.12.2013	05.06.2014	10.06.2014	11.06.2014	879	1,680
Tactic Media/Lampu Isyarat Jalan Raja Perempuan Zainab 2	22.07.2014	03.07.2014	10.07.2014	16.07.2014	851	210
Take A Look Sdn. Bhd./Jalan Bayam/Jalan Long Yunus	20.01.2015	18.09.2014	21.09.2014	24.09.2014	774	140
Take A Look Sdn. Bhd./Jalan Abdul Kadir Adabi/Jalan Long Yunus	26.11.2015	18.09.2014	21.09.2014	24.09.2014	774	140
JUMLAH						4,060

Sumber:PTJ dan MPKB-BRI

2.5.6.4. Kelewatan proses semakan adalah disebabkan PTJ tidak mematuhi Pekeliling Pengarah Tanah dan Galian Kelantan Bil. 7/1999 bagi memberikan kelulusan permit iaitu melalui perwakilan kuasa kepada Pentadbir Tanah. Permohonan tersebut masih diserahkan kepada Pejabat Tanah dan Galian untuk diangkat ke Majlis Mesyuarat Kerajaan bagi tujuan kelulusan. Kelewatan kelulusan ini menyebabkan kehilangan hasil lesen dan permit sejumlah RM4,060 kerana hasil hanya boleh diambil kira pada tahun kelulusan iaitu contohnya pada tahun 2016 sedangkan permohonan dikemukakan sejak tahun 2014.

Maklum Balas PTJ yang Diterima Pada 16 Mac 2017

PTJ mengakui Jabatan tidak mematuhi pekeliling PTG Kelantan namun enam kes tersebut telah diselesaikan oleh Jawatankuasa Hal Ehwal Tanah. Pemantauan akan sentiasa dijalankan bagi memastikan piagam dan pekeliling dipatuhi.

Pada pendapat Audit, proses kelulusan Permit Penggunaan Ruang Udara dan Lesen Pendudukan Sementara adalah kurang memuaskan dan menyebabkan sejumlah RM4,060 tidak dikutip bagi tahun 2014 hingga 2016.

2.6. SYOR AUDIT

Bagi memastikan pengurusan papan iklan dilaksanakan dengan lebih cekap dan berkesan, beberapa syor dikemukakan untuk penambahbaikan seperti berikut:

- 2.6.1. JKR, MPKB-BRI, MDKPI dan PTJ perlu menyediakan daftar yang menunjukkan setiap bayaran yang dibuat, menjalankan pemantauan dan tindakan berterusan terhadap papan iklan yang tidak mempunyai Permit Struktur Papan Iklan, Lesen Paparan Iklan serta memastikan pembinaan papan iklan mematuhi spesifikasi diluluskan;
- 2.6.2. setiap papan iklan perlu dilabel bagi memudahkan pemantauan dan tindakan tegas hendaklah diambil terhadap bayaran-bayaran yang tertunggak; dan
- 2.6.3. PTJ perlu mematuhi pekeliling dikeluarkan bagi mempercepatkan proses kelulusan Permit Penggunaan Ruang Udara dan Lesen Pendudukan Sementara.

MAJLIS DAERAH PASIR MAS

MAJLIS DAERAH PASIR PUTEH

3. PENGURUSAN PEROLEHAN

3.1. LATAR BELAKANG

3.1.1. Pengurusan kewangan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) adalah tertakluk kepada Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) dan Arahan Tetap PBT. Bagi melaksanakan perolehan, PBT mengguna pakai tatacara/prosedur sebagaimana Arahan Perbendaharaan dan pekeliling yang dikeluarkan oleh Kerajaan dari semasa ke semasa atau mengguna pakai tatacara sendiri yang dilulus oleh mesyuarat penuh MDPM. Perolehan yang dimaksudkan ialah perolehan kerja, bekalan dan perkhidmatan yang dilaksanakan sama ada melalui pembelian terus, sebut harga atau tender. Sumber peruntukan PBT adalah daripada dana PBT, Kerajaan Negeri dan Geran Kerajaan Persekutuan.

3.1.2. Pada tahun 2014 hingga September 2016, Majlis Daerah Pasir Mas (MDPM) telah melaksanakan 682 perolehan bekalan, perkhidmatan dan kerja melibatkan perbelanjaan berjumlah RM7.25 juta. Bagi tempoh tersebut, sebanyak 609 perolehan berjumlah RM2.43 juta dibuat melalui kaedah pembelian terus dan 73 perolehan bekalan dan perkhidmatan yang berjumlah RM4.82 juta dilaksanakan melalui kaedah sebut harga. Bagi Majlis Daerah Pasir Puteh (MDPP) pula telah melaksanakan 1,193 perolehan bekalan, perkhidmatan dan kerja melibatkan perbelanjaan berjumlah RM11.75 juta. Bagi tempoh tersebut, sebanyak 1,185 perolehan berjumlah RM4.74 juta dibuat melalui kaedah pembelian terus, tujuh perolehan bekalan dan perkhidmatan yang berjumlah RM247,445 dilaksanakan melalui kaedah sebut harga dan satu perolehan kerja berjumlah RM6.76 juta dibuat melalui tender. Kaedah pelaksanaan perolehan dan kos yang dibelanjakan oleh MDPM dan MDPP sepanjang tempoh tersebut adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 3.1
PEROLEHAN DI MDPM DAN MDPP BAGI TAHUN 2014 HINGGA SEPTEMBER 2016

TAHUN	PEMBELIAN TERUS		SEBUT HARGA		TENDER		JUMLAH	
	BIL.	(RM Juta)	BIL.	(RM Juta)	BIL.	(RM Juta)	BIL.	(RM Juta)
MDPM								
2014	235	1,039,549	40	1,896,537	-	-	275	2,936,086
2015	237	858,182	13	902,356	-	-	250	1,760,538
2016	137	534,247	20	2,025,947	-	-	157	2,560,194
JUMLAH	609	2,431,978	73	4,824,840	-	-	682	7,256,818
MDPP								
2014	384	1,399,663	4	140,145	1	3,605,618	389	5,145,426
2015	448	1,514,416	-	-	-	3,066,606	448	4,581,022
2016	353	1,822,632	3	107,300	-	90,271	356	2,020,203
JUMLAH	1,185	4,736,711	7	247,445	1	6,762,495	1,193	11,746,651

Sumber: MDPM dan MDPP

3.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menilai pengurusan perolehan bekalan, perkhidmatan dan kerja telah dirancang serta diuruskan dengan cekap, berhemat dan mencapai objektif yang ditetapkan.

3.3. SKOP PENGAUDITAN

Pengauditan ini meliputi pengurusan perolehan di MDPM dan MDPP bagi tahun 2014 hingga September 2016. Skop melibatkan perolehan bekalan, perkhidmatan dan kerja yang merangkumi perancangan, pembelian, penerimaan, pengagihan, penggunaan, penyelenggaraan rekod dan bayaran kepada kontraktor/pembekal.

3.4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan dengan menyemak fail, rekod dan dokumen bagi 271 daripada 682 perolehan di MDPM dan 280 daripada 1,193 perolehan di MDPP. Daripada keseluruhan sampel jenis perolehan yang disemak, sebanyak 48 perolehan di MDPM dan 24 perolehan di MDPP dipilih untuk pengesahan kerja, bekalan dan perkhidmatan telah dilaksanakan. Temu bual dengan pegawai terlibat juga telah dilaksanakan untuk mendapatkan maklum balas.

3.5. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Ogos hingga November 2016 mendapati secara umumnya pengurusan perolehan di MDPP adalah memuaskan kerana telah mematuhi peraturan perolehan manakala di MDPM adalah kurang memuaskan kerana terdapat bayaran melebihi kadar dan tidak mematuhi peraturan perolehan. Terdapat beberapa kelemahan yang perlu dibuat penambahbaikan oleh MDPM atau MDPP seperti berikut:

Di MDPM:

- i. bayaran perkhidmatan pengawal keselamatan melebihi kadar berjumlah RM41,173;
- ii. bayaran perkhidmatan sewa *excavator* dan lori, bekalan *long suits/blazer* dan alat komunikasi mudah alih berjumlah RM42,769 terlebih dibayar;
- iii. *washing bay* yang dibina bernilai RM33,800 tidak digunakan sejak bulan Disember 2014;
- iv. sebanyak 11 item perolehan bekalan/perkhidmatan/kerja yang melebihi RM20,000 setahun berjumlah RM1.63 juta tidak dibuat secara sebut harga dan 9 daripada 11 item tersebut adalah merupakan pecah kecil bagi mengelak perolehan dibuat secara sebut harga; dan

- v. sebanyak 84 Pesanan Kerajaan bernilai RM782,275 dikeluarkan selepas barang/perkhidmatan diterima antara tiga hingga 278 hari.

Di MDPP:

- i. Arahan Perubahan Kerja (APK) tidak disediakan bagi kerja ubah suai bangunan bernilai RM586,635 yang tidak dilaksanakan; dan
- ii. penyediaan perkhidmatan pewangi Rentokil Initial berjumlah RM20,818 pada Januari hingga Ogos 2016 dibuat tanpa melalui sebut harga sebaliknya secara pembelian terus.

Perkara yang ditemui dan maklum balas MDPM dan MDPP telah dibincangkan dalam *Exit Conference* pada 1 Mac 2017. Penjelasan lanjut mengenainya adalah seperti di perenggan berikut:

3.5.1. Perolehan Secara Tender

3.5.1.1. Pekeliling Perbendaharaan (1PP) PK 2 menyatakan perolehan bekalan, perkhidmatan dan kerja yang melebihi RM500,000 hendaklah dilaksanakan secara tender. Bagi tempoh dari tahun 2014 hingga bulan September 2016, terdapat satu perolehan tender berjumlah RM7.74 juta telah dilaksanakan di MDPP. Pada tahun 2014, pihak MDPP memeterai satu perjanjian bagi kerja membina dan menyiapkan sebuah kompleks pejabat MDPP 2 tingkat dan kerja ubah suai bangunan sedia ada pejabat MDPP dalam satu tender yang sama. Mengikut perjanjian kerja tersebut perlu disiapkan dalam tempoh 48 minggu iaitu bermula pada 30 Januari 2014 hingga 30 Januari 2015. Kos keseluruhan projek adalah RM7.74 juta yang merangkumi pecahan kerja/harga seperti di jadual berikut:

**JADUAL 3.2
PECAHAN KERJA BERDASARKAN BQ**

PECAHAN BQ	PERIHAL KERJA	JUMLAH (RM)
Bil. No. A	<i>Preliminaries</i>	247,490
Bil. No. B	Kompleks Pejabat MDPP	3,389,505
Bil. No. C	Bangunan Tambahan (Kerja Ubah Suai Bangunan Sedia Ada) MDPP	586,635
Bil. No. D	Kerja-kerja Infrastruktur	485,000
Bil. No. E	<i>Prime Cost And Provisional Sums</i> MDPP	3,028,000
JUMLAH		7,736,630

Sumber: Dokumen Kontrak

3.5.1.2. Pembinaan bangunan pejabat baru MDPP merangkumi butiran kerja sebagaimana bilangan nombor A,B,D dan E lewat disiapkan selama 196 hari. Mengikut kontrak, tempoh sepatut siap adalah pada 30 Januari 2015, bagaimanapun ianya hanya disiapkan pada 12 Ogos 2015. Didapati dua tempoh lanjutan masa dikeluarkan iaitu tempoh lanjutan masa pertama selama

98 hari sehingga 14 Mei 2015 dan tempoh lanjutan masa kedua 98 hari sehingga 12 Ogos 2015. Kedua-dua tempoh lanjutan masa ini dikeluarkan kerana kelewatan pelantikan perunding jurutera M&E yang turut menyebabkan kelewatan kerja siling, lantai dan pemasangan *frem* pintu dan tingkap. Didapati Sijil Perakuan Siap Kerja telah dikeluarkan pada 13 Ogos 2015 dan Sijil Perakuan Siap dan Pematuhan (Borang F) dikeluarkan pada 30 Ogos 2015.

3.5.1.3. Semakan Audit mendapati tatacara perolehan secara tender dan prestasi projek MDPP telah mematuhi peraturan yang ditetapkan. Bagaimanapun terdapat kelemahan dalam pentadbiran kontrak seperti berikut:

a. Arahan Perubahan Kerja Tidak Dikeluarkan Bagi Kerja Ubah Suai Bangunan Sedia Ada yang Tidak Dilaksanakan

- i. Mengikut Arahan Perbendaharaan (AP). 202. 1 (a) sesuatu perubahan daripada kontrak kerja bermaksud sebarang penyimpangan daripada perjanjian kontrak berkaitan dengan pelan, spesifikasi dan/atau senarai kuantiti sama ada dipinda, ditambah atau dikurangkan. AP. 202.2, Jadual II (a) peraturan Arahan Perubahan Kerja (APK) bagi semua Agensi menetapkan perubahan kerja mestilah melalui kelulusan satu Jawatankuasa yang dipengerusikan oleh Pegawai Penguasa yang dinamakan di dalam kontrak.
- ii. Pihak Audit mendapati terma bilangan nombor C ialah cadangan ubah suai bangunan sedia ada bernilai RM586,635 telah dikeluarkan daripada nilai kontrak oleh juru perunding yang dilantik tanpa APK rasmi oleh Jawatan Kuasa Tender sebagaimana yang ditetapkan oleh AP. 202. Kegagalan mengeluarkan APK boleh menyebabkan kepentingan pihak MDPP tidak terjamin sekiranya kontraktor membuat tuntutan ganti rugi atas pelanggaran kontrak.

Maklum Balas MDPP yang Diterima Pada 4 April 2017

Pihak MDPP telah menyediakan Arahan Perubahan Kerja bertarikh 3 April 2017.

Pada pendapat Audit perubahan skop kerja tanpa menyediakan Arahan Perubahan Kerja adalah tidak mematuhi peraturan pentadbiran kontrak dan berisiko kepada kerajaan.

3.5.2. Perolehan Secara Sebut Harga

Pekeling Perbendaharaan (1PP) PK 2 menyatakan perolehan bekalan dan kerja bernilai RM20,000 hingga RM500,000 hendaklah dilakukan secara sebut harga. Bagi tempoh tahun 2014 hingga bulan September 2016, sebanyak 73 sebut harga berjumlah RM4.82 juta di MDPM dan tujuh sebut harga berjumlah RM247,445 di MDPP telah dilaksanakan. Semakan Audit terhadap lapan sampel sebut harga di MDPM dan tujuh sampel di MDPP mendapati kelemahan berikut:

3.5.2.1. Bayaran Perkhidmatan Pengawal Keselamatan Melebihi Kadar

- a. AP. 99 (d) menyatakan bahawa bayaran bagi perolehan perkhidmatan hendaklah dibuat mengikut kadar atau harga kontrak yang dinyatakan dalam kontrak itu. AP. 102 (a) menyatakan pegawai yang diberi kuasa perlu memperakui tentang betulnya setiap butiran dalam baucar bayaran. MDPM telah menawarkan perolehan perkhidmatan kawalan keselamatan bagi bangunan MDPM secara sebut harga bagi tempoh bulan Januari 2013 hingga Disember 2015 dan bagi tempoh bulan Januari 2016 hingga Disember 2017 kepada dua syarikat pengawal keselamatan yang berlainan. Kadar bayaran yang ditetapkan bagi perkhidmatan pengawal keselamatan untuk kedua-dua tempoh perolehan tersebut adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 3.3
KADAR BAYARAN PERKHIDMATAN KAWALAN KESELAMATAN
BAGI TEMPOH TAHUN 2013 HINGGA 2017**

TEMPOH KONTRAK	NAMA SYARIKAT	KADAR BAYARAN
Januari 2013 Hingga Disember 2015	Muhafiz Security Sdn. Bhd.	Hari Biasa: RM4.90 X 16 Jam X Hari X Bil. Pengawal Hari Minggu/Kelepasan Am: RM4.90 X 24 Jam X Hari X Bil. Pengawal RM4.90 X 16 Jam X Hari X Bil. Pengawal
Januari 2016 Hingga Disember 2017	Kawalan Delima Sdn. Bhd.	Hari Biasa: RM5.30 X 16 Jam X Hari X Bil. Pengawal Hari Minggu/Kelepasan Am: RM5.30 X 24 Jam X Hari X Bil. Pengawal RM5.30 X 16 Jam X Hari X Bil. Pengawal

Sumber: MDPM

- b. Pihak Audit mendapati MDPM telah membuat bayaran sejumlah RM41,173 melebihi kadar yang ditetapkan bagi perkhidmatan pengawal keselamatan di bangunan MDPM bagi tempoh dari tahun 2014 hingga bulan Julai 2016. Perbezaan jumlah lebih bayar merangkumi RM14,209 bagi tahun 2014, RM18,249 pada tahun 2015 dan RM8,715 setakat bulan Julai 2016. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 3.4
BAYARAN PERKHIDMATAN PENGAWAL
KESELAMATAN MDPM MELEBIH KADAR

BULAN	NO. BAUCAR	TARIKH	TELAH DI BAYAR (RM)	PATUT BAYAR (RM)	PERBEZAAN (RM)
2014					
Januari	A000326/2014	27.02.2014	15,998	14,128	1,870
Februari	A000398/2014	13.03.2014	13,920	12,756	1,163
Mac	A000638/2014	04.05.2014	14,751	14,003	748
April	A000947/2014	01.07.2014	14,128	13,463	665
Mei	A001044/2014	16.07.2014	16,205	14,377	1,828
Jun	A001157/2014	13.08.2014	14,128	13,588	540
Julai	A001249/2014	02.09.2014	15,790	14,252	1,537
Ogos	A001381/2014	13.10.2014	15,582	14,252	1,330
September	A001502/2014	17.11.2014	14,751	13,588	1,163
Oktober	A000047/2015	20.01.2015	15,582	14,502	1,080
November	A000122/2015	09.02.2015	14,959	13,837	1,122
Disember	A000125/2015	09.02.2015	15,166	14,003	1,163
JUMLAH			180,960	166,749	14,209
2015					
Januari	A000303/2015	15.03.2015	15,582	14,252	1,330
Februari	A000389/2015	06.04.2015	14,335	12,756	1,579
Mac	A000684/2015	06.05.2012	14,751	13,878	873
April	A000663/2015	26.05.2015	14,128	13,463	665
Mei	A000735/2015	21.06.2015	16,205	14,252	1,953
Jun	A000865/2015	26.07.2015	15,089	13,588	1,501
Julai	A001018/2015	24.08.2015	16,413	14,252	2,161
Ogos	A001151/2015	04.10.2015	15,374	14,128	1,247
September	A001298/2015	01.11.2015	15,374	13,712	1,662
Oktober	A001494/2015	13.12.2015	15,582	14,252	1,330
November	A001580/2015	29.12.2015	15,998	13,837	2,161
Disember	A000185/2016	03.02.2016	15,790	14,003	1,787
JUMLAH			184,621	166,373	18,249
2016					
Januari	A000338/2016	13.03.2016	16,180	15,281	899
Februari	A000426/2016	30.03.2016	15,345	14,382	962
Mac	A000522/2016	18.04.2016	15,730	15,011	719
April	A000694/2016	16.05.2016	15,730	14,832	899
Mei	A000857/2016	19.06.2016	16,854	15,281	1,573
Jun	A001027/2016	21.07.2016	17,107	14,832	2,275
Julai	A001147/2016	24.08.2016	16,938	15,551	1,388
JUMLAH			113,884	105,170	8,715
JUMLAH KESELURUHAN			479,464	438,291	41,173

Sumber: MDPM

Nota: Kiraan Jabatan Audit Negara

- c. Pihak Audit mendapati pihak syarikat perkhidmatan pengawal keselamatan membuat tuntutan berganda iaitu kiraan hari cuti untuk kadar harga biasa dan juga turut dituntut mengikut kadar hari minggu atau kelepasan am. Contohnya tuntutan pada bulan Januari 2014, syarikat membuat tuntutan hari biasa penuh 31 hari termasuk hari minggu dan kelepasan am. Syarikat juga turut membuat tuntutan bagi kadar bayaran hari minggu dan kelepasan am sebanyak 11 hari pada bulan yang sama. Ini bermakna bayaran bagi hari minggu dan kelepasan am telah dibayar berganda menyebabkan bayaran tuntutan bulan Januari 2014 terlebih bayar sejumlah RM1,870. Contoh tuntutan bagi bulan Januari 2014 adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 3.5
TUNTUTAN PERKHIDMATAN PENGAWAL
KESELAMATAN BULAN JANUARI 2014

PERIHAL BAYARAN	INVOIS TUNTUTAN		SEPATUT TUNTUT	
	PENGIRAAN (RM)	JUMLAH	PENGIRAAN	JUMLAH (RM)
Hari Biasa	5 org X RM4.90 X 16 jam X 31 hari	12,152	5 org X RM4.90 X 16 jam X 21 hari	8,232
Jumaat, Sabtu,	5 org X RM4.90 X 8 jam X 9 hari	1,764	3 org X RM4.90 X 24 jam X 9 hari 2 org X RM4.90 X 16 jam X 9 hari	3,175 1,411
Cuti AM	5 org X RM4.90 X 24 jam X 2 hari	1,176	3 org X RM4.90 X 24 jam X 1 hari 2 org X RM4.90 X 16 jam X 1 hari	353 157
JUMLAH		15,092	JUMLAH	13,328
Cukai Perkhidmatan	6% x RM15,092	906	6% x RM13,328	800
JUMLAH TERMASUK CUKAI PERKHIDMATAN		15,998		14,128
PERBEZAAN				1,870

Sumber: Jabatan Audit Negara

Nota: * - Kiraan Jabatan Audit Negara

- d. Perkara ini berlaku disebabkan pihak MDPM tidak menyediakan dokumen sokongan yang lengkap iaitu jadual kerja bagi mengesahkan hari dan jumlah jam bekerja yang telah dilaksanakan oleh pihak syarikat pengawal keselamatan sebelum membuat pembayaran. Ini menyebabkan sejumlah RM41,173 telah dibayar melebihi kadar yang sepatutnya dituntut.

Maklum Balas MDPM yang Diterima Pada 26 Februari 2017

Pihak MDPM telah mengeluarkan dua surat tuntutan bayaran balik kepada syarikat Muhafiz Security Sdn. Bhd bertarikh 26 Januari 2017 masing-masing berjumlah RM3,211 dan RM7,931. Manakala, satu surat tuntutan bayaran balik kepada syarikat Kawalan Delima Sdn. Bhd. bertarikh 9 Oktober 2016 berjumlah RM8,850. Sejumlah RM8,850 telah dibayar balik oleh syarikat Kawalan Delima Sdn. Bhd. kepada MDPM pada 3 November 2016.

Pada pendapat Audit, bayaran perkhidmatan pengawal keselamatan MDPM telah dibuat secara tidak teratur dan berlaku *improper payment*.

3.5.3. Perolehan Secara Pembelian Terus

Pekeliling Perbendaharaan (1PP) PK 2 menyatakan pembelian terus adalah perolehan bekalan, perkhidmatan atau kerja yang melibatkan jumlah perbelanjaan tahunan sehingga RM20,000 atau sesuatu kontrak. Pegawai Pengawal adalah bertanggungjawab untuk merancang pembelian terus tahunan Agensi dan memastikan pembelian yang dibuat tidak dipecahkecil bagi mengelak perolehan secara sebut harga atau tender. Pada tahun 2014 hingga bulan September 2016, sebanyak 609 perolehan secara pembelian terus berjumlah RM2.43 juta di MDPM

dan 1185 pembelian terus berjumlah RM4.74 juta di MDPP telah dilaksanakan. Hasil semakan Audit terhadap 263 sampel baucar di MDPM dan 272 di MDPP mendapati wujud kelemahan dalam pengurusan pembelian terus yang dilaksanakan. Penjelasan lanjut adalah seperti berikut:

3.5.3.1. Bayaran Perkhidmatan/Bekalan Terlebih Dibayar.

- a. AP. 102 (a) menyatakan pegawai yang diberi kuasa perlu memperakui tentang betulnya setiap butiran dalam baucar bayaran.
- b. Pihak Audit mendapati MDPM telah terlebih bayar bagi perolehan perkhidmatan/bekalan sejumlah RM42,769. Ia meliputi perkhidmatan sewa *excavator* dan lori sejumlah RM8,000, bekalan *long suits/blazer* sejumlah RM30,820 dan bekalan alat komunikasi mudah alih sejumlah RM3,949. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 3.6
BAYARAN PERKHIDMATAN/BEKALAN YANG TERLEBIH BAYAR**

BIL.	PERIHAL	PBT	PATUT BAYAR (RM)	SEBENAR DIBAYAR (RM)	TERLEBIH BAYAR (RM)
1.	Perkhidmatan Sewaan <i>Excavator</i> dan lori	MDPM	8,000	16,000	8,000
2.	Pembelian <i>Long Suits/Blazer</i>	MDPM	47,400	78,220	30,820
3.	Pembelian Alat Komunikasi Mudah Alih	MDPM	750	4,699	3,949
JUMLAH			56,150	98,919	42,769

Sumber: Jabatan Audit Negara

- c. Perkara ini berlaku disebabkan tiada semakan terhadap dokumen tuntutan iaitu jadual kerja perkhidmatan sewaan *excavator* dan lori sebelum membuat pembayaran. Pihak PBT juga menganggap mereka memiliki kuasa autonomi terhadap dana Majlis dan tidak terikat dengan peraturan kewangan sama ada yang dikeluarkan oleh Kerajaan Persekutuan dan Pihak Berkuasa Kerajaan Negeri. Kesannya, berlaku lebihan bayaran sejumlah RM42,769 yang merupakan *improper payment*.

Maklum Balas MDPM yang Diterima Pada 26 Februari 2017

Menurut MDPM, bayaran bertindih tidak berlaku ke atas baucar bayaran bagi sebahagian sewa *excavator* kerana ia melibatkan dua kontraktor yang berlainan. Pihak MDPM telah mengeluarkan surat tuntutan bayaran balik bertarikh 13 Februari 2017 kepada syarikat berkenaan.

Pembelian *Long Suits/Blazer* bagi tahun 2016 adalah mematuhi keputusan yang telah diluluskan dalam mesyuarat penuh Majlis dengan nilai siling tidak melebihi RM40,000.

Pada pendapat Audit, berlaku *improper payment* terhadap bayaran bagi perkhidmatan/bekalan dan ianya merugikan Kerajaan.

3.5.3.2. *Washing Bay* yang Dibina Tidak Digunakan

- a. Pada tahun 2014, MDPM telah membuat perolehan membina *Washing Bay* bernilai RM33,800 secara pembelian terus tanpa melalui kaedah sebut harga. Tujuan pembinaan *Washing Bay* adalah untuk membersihkan tayar lori yang keluar masuk membuang sampah di tapak pelupusan sampah di Pusu 40, Pasir Mas. Lawatan Audit pada 27 September 2016 ke lokasi tapak pelupusan sampah mendapati *Washing Bay* yang dibina sudah tidak digunakan dan dipenuhi semak samun seperti di gambar berikut:



GAMBAR 3.1

*Tapak Pelupusan Sampah Di Pusu 40, Pasir Mas
- Washing Bay yang Dibina Tidak Digunakan
(27.09.2016)*

- b. Menurut pihak MDPM, *Washing Bay* ini tidak digunakan sejak bulan Disember 2014 iaitu apabila banjir besar melanda Kelantan pada penghujung tahun 2014. Pihak Audit mendapati berlaku mendapan pada jalan di bahagian hadapan *Washing Bay* tersebut. Pihak MDPM tidak membuat penyenggaraan *Washing Bay* ini untuk membolehkan ia digunakan. Perkara ini menyebabkan pembaziran terhadap kos pembinaan *Washing Bay* yang berjumlah RM33,800 tetapi tidak digunakan secara optimum.

Pada pendapat Audit, *Washing Bay* yang dibina perlu dibuat penyenggaraan bagi membolehkan ianya digunakan.

3.5.3.3. Pecah Kecil Perolehan

a. Di MDPM

- i. Kerajaan Negeri Kelantan bersetuju mengguna pakai Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2009 mengenai perubahan had nilai dan tatacara perolehan sebut harga, sebagaimana Surat Pekeliling Perbendaharaan Negeri Bil. 4 Tahun 2009 berkuatkuasa 1 Januari 2010. Manakala Surat Pekeliling Perbendaharaan Negeri Bil. 2 Tahun 2014

menetapkan Kerajaan Negeri mengguna pakai Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 1 Tahun 2014 berkuatkuasa 1 April 2014 bagi melaksanakan kaedah perolehan pembelian terus. Pada 3 Oktober 2016, Kerajaan Negeri melalui Pekeliling Perbendaharaan Negeri Bil. 2 Tahun 2016 bersetuju mengguna pakai 1 Pekeliling Perbendaharaan (1PP) berkuatkuasa serta merta. Berdasarkan Pekeliling dan Surat Pekeliling Perbendaharaan tersebut, perolehan bekalan, perkhidmatan dan kerja yang melebihi RM20,000 setahun hendaklah dilaksanakan secara sebut harga kecuali perolehan bagi kerja *requisition* sahaja yang melebihi RM50,000 setahun perlu melalui kaedah sebut harga. Pecah kecil perolehan bagi mengelakkan ia dibuat secara sebut harga adalah dilarang. Pecah kecil bermaksud pelaksanaan perolehan barang/perkhidmatan/kerja bagi skop/aktiviti/jenis yang sama atau berkaitan, masa/tarikh yang sama atau berdekatan, kawasan yang sama atau berdekatan tidak kira syarikat/kontraktor yang sama atau tidak.

- ii. Semakan Audit mendapati di MDPM, terdapat 11 item perolehan melibatkan bekalan, perkhidmatan dan kerja yang melebihi RM20,000 setahun berjumlah RM1.63 juta tidak dilaksanakan secara sebut harga. Nilai perolehan yang terlibat ialah antara RM27,200 hingga RM299,880 setahun bagi tempoh tahun 2014 hingga Julai 2016 seperti di jadual berikut:

JADUAL 3.7
PEROLEHAN BEKALAN/PERKHIDMATAN/KERJA TAHUN 2014 HINGGA SEPTEMBER 2016 TIDAK DILAKSANAKAN SECARA SEBUT HARGA DI MDPM

BIL.	BIL. PEROLEHAN	TAHUN	PERKARA	JUMLAH (RM)
1.	22	2014	Sewa <i>Excavator</i> Bagi Kerja Menolak Sampah Pusu 40	228,150
	26	2015	Sewa <i>Excavator</i> Bagi Kerja Menolak Sampah Pusu 40	217,150
	19	2016	Sewa <i>Excavator</i> Bagi Kerja Menolak Sampah Pusu 40	166,050
2.	6	2014	Kerja Memasang Jeriji Besi di Bazar Siti Fatimah	299,880
3.	11	2014	Sewa Jentolak Berantai (<i>Bulldozer</i>) Bagi Kerja-Kerja Menolak Sampah	120,975
4.	13	2014	Membekal Tong Sampah	83,980
	4	2015	Membekal Tong Sampah	80,404
5.	10	2014	Sewa Lori	75,400
	4	2015	Sewa Lori	27,200
6.	3	2014	Membekal dan Memasang Papan Tanda Bazar Siti Fatimah	45,200
	2	2015	Membekal dan Memasang Papan Tanda Bazar Siti Fatimah	45,600
7.	5	2014	Membekal Tasbih Digital	32,125
8.	6	2014	Membekal Pakaian Seragam Kakitangan MDPM	32,035
9.	2	2015	Membekal dan Memasang Lampu Dalam Dewan MDPM	30,000
10.	1	2014	Membina <i>Washing Bay</i> di Tapak Pelupusan Sampah Pusu 40	33,800
11.	1	2014	Kerja Tambahan 12 Unit Ruang Niaga di Bazar Siti Fatimah	116,280
135		Jumlah		1,634,229

Sumber: MDPM

- iii. Selain itu, didapati MDPM telah memecahkecilkan sembilan jenis item perolehan bekalan, perkhidmatan dan kerja antara dua hingga 26 perolehan. Perolehan tersebut melibatkan bekalan seperti membekal tong sampah, membekal dan memasang papan tanda di Bazar Siti Fatimah, Rantau Panjang, membekal pakaian seragam kakitangan MDPM, membekal tasbih digital dan membekal dan memasang lampu dalam dewan MDPM. Terdapat tiga item melibatkan perolehan perkhidmatan iaitu sewa *excavator*, jentolak berantai (*Bulldozer*) dan sewa lori serta selebihnya melibatkan perolehan kerja memasang jeriji besi di Bazar Siti Fatimah.
- iv. Setakat bulan September 2016, perolehan yang telah dipecahkecilkan ialah perkhidmatan sewa *excavator* bagi kerja menolak sampah di Pusu 40, Pasir Mas yang melibatkan nilai perolehan masing-masing berjumlah RM228,150 bagi tahun 2014, RM217,150 tahun 2015 dan RM166,050. Nilai sewaan *excavator* yang berjumlah RM611,350 bagi tempoh tiga tahun ini sepatutnya dilaksanakan secara tender dan perlu ada ikatan kontrak yang formal. *Excavator* yang disewa adalah seperti di gambar berikut:



GAMBAR 3.2

*Tapak Pelupusan Sampah di Pusu 40, Pasir Mas
- Excavator yang Disewa oleh MDPM
(27.09.2016)*

- v. Pihak Audit juga mendapati pada tahun 2014, sebanyak enam perolehan bagi kerja memasang jeriji besi di Bazar Siti Fatimah yang masing-masing bernilai RM49,980 telah dipecahkecilkan kepada enam syarikat yang berlainan. Enam perolehan ini berjumlah RM299,880 dilaksanakan pada masa dan tempat yang sama, Pesanan Kerajaan juga dikeluarkan pada masa yang sama iaitu pada bulan Februari 2014 dan bayaran dibuat pada bulan Mac 2014.

b. Di MDPP

- i. Pihak Audit mendapati perolehan di MDPP bagi perkhidmatan pewangi daripada syarikat Rentokil Initial (M) Sdn. Bhd. pada tahun 2016 berjumlah RM20,816 dibuat secara pembelian terus. Perolehan ini juga tidak disediakan kontrak formal kerana melibatkan bayaran bulanan yang tetap dan melebihi satu tahun seperti di jadual berikut:

JADUAL 3.8
PEROLEHAN BEKALAN DAN PERKHIDMATAN RENTOKIL INITIAL
TIDAK DILAKSANAKAN SECARA SEBUT HARGA DI MDPP

BIL.	NO. BAUCAR	TARIKH BAUCAR	BUTIRAN	AMAUN (RM)
2015				
1.	051/10	21/10/15	Perkhidmatan Bulan Ogos	2,602
			Perkhidmatan Bulan September	2,602
2.	006/11	03/11/15	Perkhidmatan Bulan Oktober	2,602
3.	047/11	23/11/15	Perkhidmatan Bulan November	2,602
4.	134/12	28/12/15	Perkhidmatan Bulan Disember	2,602
JUMLAH				13,010
2016				
1.	076/01	27/01/16	Perkhidmatan Bulan Januari	2,602
2.	076/02	21/02/16	Perkhidmatan Bulan Februari	2,602
3.	091/02	23/02/16	Perkhidmatan Bulan Mac	2,602
4.	051/04	17/04/16	Perkhidmatan Bulan April	2,602
5.	092/05	26/05/16	Perkhidmatan Bulan Mei	2,602
6.	088/06	23/06/16	Perkhidmatan Bulan Jun	2,602
7.	070/07	26/07/16	Perkhidmatan Bulan Julai	2,602
8.	059/08	18/08/16	Perkhidmatan Bulan Ogos	2,602
JUMLAH				20,816

Sumber: MDPP

- ii. Perolehan secara pembelian terus dan pecah kecil ini menyebabkan perolehan bernilai RM1.66 juta bagi MDPM dan MDPP tidak dilaksanakan secara persaingan harga secara terbuka dan tidak mendapat *value for money*.

Maklum Balas MDPM yang Diterima Pada 26 Februari 2017

Menurut MDPM pelaksanaan perolehan kerja memasang jeriji besi bagi enam kontraktor yang berlainan berjumlah RM299,880, dilakukan dengan kadar segera berdasarkan persetujuan Majlis Jawatankuasa Tender dan Sebut Harga Bil. 4/2013 yang bersidang pada 18 September 2013. Manakala bayaran memasang signboard di Bazar Siti Fatimah sepatutnya ditanggung oleh peniaga, bagaimanapun terdapat kesilapan MDPM di mana bayaran yang dibuat oleh peniaga dimasukkan dalam akaun deposit MDPM. Sepatutnya MDPM membayar terus kepada kontraktor. Pihak MDPM hanya terlibat mengurus atur sahaja dalam pemasangan signboard tersebut. Bagi pembinaan 12 unit ruang niaga terpaksa dilaksanakan dengan segera memandangkan pihak Majlis mendapat permintaan daripada peniaga dengan desakan pemimpin masyarakat yang memerlukan unit ruang niaga. Manakala kerja pemasangan lampu dewan MDPM terpaksa dilakukan dengan kadar segera memandangkan MDPM menjadi tuan rumah sukan PBT Kelantan.

Maklum Balas MDPP yang Diterima Pada 4 April 2017

Bagi bayaran bulanan perkhidmatan Rentokil Initial, pihak MDPP telah menghantar surat permohonan kepada pembekal untuk menamatkan perkhidmatan tersebut berkuat kuasa 30 Jun 2017.

Pada pendapat Audit, perolehan bekalan/perkhidmatan/kerja yang dipecahkecil dan tidak mematuhi tatacara perolehan tanpa mendapat kelulusan khas terlebih dahulu merupakan satu kesalahan yang serius.

3.5.3.4. Pesanan Kerajaan Dikeluarkan Selepas Bekalan/Perkhidmatan Dilaksanakan

- Arahan Perbendaharaan 176.1 (b) menetapkan Pesanan Kerajaan hendaklah dikeluarkan terlebih dahulu sebelum barang dibeli atau perkhidmatan dilaksanakan. Pesanan Kerajaan ialah ikatan kontrak antara pihak Kerajaan dengan pembekal yang mengandungi butiran barang, kuantiti, spesifikasi barang, harga, lokasi penghantaran dan tempoh penyerahan. Tanpa Pesanan Kerajaan adalah sukar bagi pihak Majlis untuk menentukan barang/perkhidmatan yang dipesan mengikut kehendak Majlis.
- Pihak Audit mendapati 84 daripada 263 (31.0%) Pesanan Kerajaan berjumlah RM782,275 di MDPM lewat dikeluarkan antara tiga hingga 278 hari selepas bekalan/perkhidmatan diterima/dilaksana seperti di **Jadual 3.9**. Ia merangkumi 37 Pesanan Kerajaan bernilai RM354,425 pada tahun 2014, 28 Pesanan Kerajaan bernilai RM237,500 pada tahun 2015 dan 19 Pesanan Kerajaan bernilai RM190,350 pada tahun 2016.

**JADUAL 3.9
PESANAN KERAJAAN LEWAT DIKELUARKAN**

TEMPOH KELEWATAN (HARI)	2014		2015		2016		JUMLAH	
	BIL. PESANAN KERAJAAN	JUMLAH (RM)						
3 - 50	11	89,375	13	111,600	16	162,900	40	363,875
51 - 100	13	143,850	9	76,700	3	27,450	25	248,000
101 - 150	11	95,950	4	30,600	-	-	15	126,550
151 - 300	2	25,250	2	18,600	-	-	4	43,850
JUMLAH	37	354,425	28	237,500	19	190,350	84	782,275

Sumber: MDPM

- Pihak Audit mendapati antara perolehan yang terlibat ialah sewaan excavator, sewaan jentera berantai/Bulldozer, sewaan lori dan membekal tong sampah seperti di jadual berikut:

JADUAL 3.10
PEROLEHAN YANG LEWAT DIKELUARKAN PESANAN KERAJAAN DI MDPM

TAHUN	BUTIRAN	BILANGAN BAUCAR	TEMPOH KELEWATAN (HARI)	NILAI PEROLEHAN (RM)
2014	Sewa Excavator	17	36 Hingga 150	164,250
	Sewa Jentera Berantai/Bulldozer	11	14 hingga 156	120,975
	Sewa Lori	9	37 Hingga 150	69,200
2015	Sewa Excavator	24	13 Hingga 205	210,300
	Sewa Lori	4	92 Hingga 278	27,200
2016	Membekal 18 Unit Tong Sampah (Kompektor)	1	3	33,300
	Sewa Excavator	18	20 Hingga 66	157,050
JUMLAH		84		782,275

Sumber: MDPM

- d. Perkara ini berlaku disebabkan Pesanan Kerajaan disediakan selepas mendapat invoice daripada pembekal. Keadaan ini boleh menyebabkan pihak Majlis sukar mengawal bajet dan memastikan barang/perkhidmatan yang dibekalkan menepati spesifikasi sebagaimana yang dikehendaki oleh Majlis.

Pada pendapat Audit, Pesanan Kerajaan yang dikeluarkan selepas bekalan/perkhidmatan dilaksanakan dan tidak mematuhi peraturan ini menggambarkan kelemahan kawalan dalaman.

3.6. SYOR AUDIT

Bagi menambah baik pelaksanaan perolehan, adalah disyorkan MDPM dan MDPP mengambil tindakan berikut:

- 3.6.1. memastikan kawalan dalaman proses perolehan dipertingkatkan;
- 3.6.2. memastikan setiap baucar bayaran disokong dengan lampiran yang lengkap dan disemak untuk menentukan ketepatan bayaran dan mengelakkan bayaran dibuat dua kali;
- 3.6.3. perolehan alat komunikasi mudah alih dan *long suits/blazer* perlu dilaksanakan mengikut kadar yang ditetapkan;
- 3.6.4. satu Jawatankuasa Siasatan ditubuhkan bagi menyiasat *improper payment* di PBT berkenaan; dan
- 3.6.5. Pegawai Kewangan Negeri perlu mengeluarkan pekeliling terkini selaras dengan 1PP supaya PBT terima pakai bagi memastikan tiada percanggahan dalam melaksanakan perolehan.

PERBADANAN KEMAJUAN IKTISAD NEGERI KELANTAN

4. KTC CONVENTION & APARTMENT SDN. BHD.

4.1. LATAR BELAKANG

4.1.1. KTC Convention & Apartment Sdn. Bhd. (KTCCASB) merupakan syarikat subsidiari milik penuh Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK) dan ditubuhkan pada 7 April 2009 di bawah Akta Syarikat 1965 dengan modal dibenarkan berjumlah RM5 juta dan modal berbayar berjumlah RM1.50 juta. Objektif syarikat adalah menyediakan perkhidmatan yang profesional dan selesa untuk pelanggan serta menyediakan prasarana yang baik dan lengkap bersesuaian dengan aktiviti yang dijalankan dan juga menyediakan penginapan yang selesa kepada pelanggan. Aktiviti utama KTCCASB adalah mengurus dan menyewa dewan di Pusat Dagangan Kelantan milik PKINK Bina Sdn. Bhd. dan apartmen milik persendirian. Syarikat ini beroperasi di Seksyen 14, Kota Bharu, Kelantan.

4.1.2. KTCCASB mempunyai tujuh Ahli Lembaga Pengarah di mana Pengerusi dan seorang ahli adalah wakil politik, dua orang ahli wakil Kerajaan Negeri dan tiga orang ahli perniagaan. Pengurusan KTCCASB diketuai oleh Pengurus Besar dan dibantu oleh 42 kakitangan. Pengurusan KTCCASB adalah tertakluk kepada Akta Syarikat 1965, Memorandum dan Artikel Penubuhan (M&A) serta *Standard Operating Procedures* syarikat.

4.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan untuk menilai sama ada prestasi kewangan dan amalan tadbir urus korporat KTCCASB adalah memuaskan serta pengurusan aktiviti telah dilaksanakan dengan teratur selaras dengan objektif yang ditetapkan.

4.3. SKOP PENGAUDITAN

Pengauditan pengurusan syarikat KTCCASB meliputi aspek prestasi kewangan bagi tahun kewangan 2013 hingga 2015. Manakala pengauditan pengurusan aktiviti dan tadbir urus korporat meliputi tahun 2014 hingga bulan Disember 2016. Pengauditan dijalankan di ibu pejabat KTCCASB dan dua aktiviti syarikat telah disemak iaitu pengurusan sewaan dewan dan apartmen.

4.4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Metodologi pengauditan adalah dengan menyemak dokumen, fail dan rekod yang berkaitan bagi tahun 2014 hingga 2016. Selain itu, analisis terhadap penyata kewangan beraudit bagi tahun 2013 hingga 2015 dan data syarikat telah dijalankan. Perbincangan dan temu bual dengan pegawai yang terlibat serta lawatan Audit ke dewan konvensyen dan apartmen juga turut diadakan. *Exit conference* telah diadakan pada 13 Februari 2017 dan dihadiri oleh Pengurus Besar KTCCASB, Eksekutif Kewangan KTCCASB dan Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan PKINK.

4.5. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Ogos hingga November 2016 mendapati secara keseluruhannya prestasi kewangan KTCCASB bagi tahun 2013 hingga 2015 adalah kurang memuaskan kerana kerugian sebelum cukai masing-masing berjumlah RM1.07 juta, RM981,668 dan RM792,255. Kerugian terkumpul sehingga 31 Disember 2015 pula berjumlah RM5.50 juta melebihi modal berbayar yang berjumlah RM1.50 juta. Selain itu, nisbah kewangan juga menunjukkan kedudukan kewangan yang lemah. Pengurusan aktiviti adalah selaras dengan objektif penubuhan tetapi kurang memuaskan dan amalan tadbir urus korporat secara keseluruhannya adalah kurang memuaskan. Penemuan Audit yang perlu diberi perhatian seperti ringkasan berikut:

- i. hasil sewaan apartmen mencapai 94% dan 98.2% daripada sasaran yang ditetapkan masing-masing pada tahun 2014 dan 2015. Ini kerana KTCCASB telah menurunkan sasaran bagi kutipan sewaan apartmen ini berdasarkan kepada jumlah pendapatan sewaan sebenar yang rendah pada tahun sebelumnya;
- ii. kadar penginapan apartmen bagi tahun 2014 hingga 2016 adalah rendah iaitu di antara 27% hingga 37.5% berbanding bilangan apartmen sedia ada;
- iii. KTCCASB mempunyai tunggakan sewaan dewan dan apartmen masing-masing berjumlah RM1.59 juta dan RM150,000. Perjanjian dengan 38 pemilik apartmen juga belum diperbaharui; dan
- iv. Rancangan Korporat dan *Standard Operating Procedures* masih belum diluluskan oleh Lembaga Pengarah;

4.5.1. Prestasi Kewangan

Bagi menilai prestasi kewangan KTCCASB, analisis trend terhadap pendapatan, perbelanjaan dan untung rugi, analisis nisbah kewangan serta analisis aliran tunai telah dijalankan berdasarkan kepada penyata kewangan beraudit tahun 2013 hingga 2015. Berikut adalah hasil analisis yang telah dijalankan:

4.5.1.1. Analisis Pendapatan, Perbelanjaan dan Untung Rugi


- a. KTCCASB memperoleh pendapatan utama dengan mengurus dan menyewa kemudahan pusat konvensyen, dewan pameran, dewan seminar dan apartmen. Lain-lain pendapatan KTCCASB ialah menyewakan tempat letak kereta dan menjalankan perniagaan restoran. Pendapatan KTCCASB pada tahun 2015 adalah berjumlah RM2.90 juta iaitu 9.8% lebih tinggi berbanding RM2.64 juta pada tahun 2014. Pendapatan pada tahun 2014 yang berjumlah RM2.64 juta adalah 9.1% lebih tinggi berbanding RM2.42 juta pada tahun 2013. Peningkatan pendapatan setiap tahun ini disumbangkan oleh peningkatan dalam hasil sewaan dewan. Butiran lanjut seperti **Jadual 4.1** dan **Carta 4.1**.
- b. Jumlah perbelanjaan KTCCASB pada tahun 2013 ialah RM3.49 juta, meningkat 3.7% kepada RM3.62 juta pada tahun 2014 dan meningkat lagi 1.9% kepada RM3.69 juta pada tahun 2015. Perbelanjaan syarikat adalah merangkumi kos perkhidmatan, perbelanjaan pengurusan, kos kewangan dan akaun pembahagian keuntungan. Kos perkhidmatan merupakan perbelanjaan yang tertinggi melibatkan gaji dan upah bagi tahun 2013, 2014 dan 2015 masing-masing berjumlah RM1.47 juta, RM1.54 juta dan RM1.77 juta. Jumlah perbelanjaan KTCCASB melebihi jumlah pendapatan setiap tahun. Jumlah peratusan perbelanjaan berbanding pendapatan bagi tahun 2013, 2014 dan 2015 masing-masing 30.7% (RM1.07 juta), 27.1% (RM0.98 juta) dan 21.4% (RM0.79 juta). Butiran lanjut seperti **Jadual 4.1** dan **Carta 4.1**.
- c. Kerugian sebelum cukai KTCCASB masing-masing ialah RM1.07 juta pada tahun 2013, RM981,668 pada tahun 2014 dan RM792,255 pada tahun 2015. Kerugian sebelum cukai mengalami penurunan sejumlah RM85,670 (8%) bagi tahun 2014 berbanding tahun 2013. Manakala penurunan sejumlah RM189,413 (19.3%) bagi tahun 2015 berbanding 2014. Pengurangan jumlah kerugian sebelum cukai yang berterusan adalah disebabkan oleh peningkatan pendapatan berterusan bagi ketiga-tiga tahun kewangan. Bagaimanapun, perbelanjaan yang tinggi terutamanya kos perkhidmatan, perbelanjaan pengurusan, kos kewangan dan pembahagian untung dengan pemilik apartmen menyebabkan syarikat masih mencatatkan kerugian. Syarikat mencatatkan kerugian terkumpul sehingga 31 Disember 2015 berjumlah RM5.50 juta iaitu melebihi modal berbayar KTCCASB berjumlah RM1.50 juta. Butiran lanjut seperti **Jadual 4.1** dan **Carta 4.2**.

JADUAL 4.1
PENDAPATAN, PERBELANJAAN
DAN KERUGIAN BAGI TAHUN 2013 HINGGA 2015


BUTIRAN	2013 (RM Juta)	2014 (RM Juta)	2015 (RM Juta)
Pendapatan	2.01	2.49	2.76
Pendapatan Lain	0.41	0.15	0.14
Jumlah Pendapatan	2.42	2.64	2.90
Kos Perkhidmatan	1.47	1.54	1.77
Perbelanjaan Pengurusan	0.71	0.76	0.63
Kos Kewangan	0.62	0.60	0.61
Akaun Pembahagian Keuntungan	0.69	0.72	0.68
Jumlah Perbelanjaan	3.49	3.62	3.69
Kerugian Sebelum Cukai	(1.07)	(0.98)	(0.79)
Cukai	-	-	-
Kerugian Selepas Cukai	(1.07)	(0.98)	(0.79)
Kerugian Terkumpul	(3.73)	(4.71)	(5.50)

Sumber: Penyata Kewangan Beraudit Bagi Tahun 2013 Hingga 2015

CARTA 4.1
TREND PENDAPATAN
DAN PERBELANJAAN BAGI
TAHUN 2013 HINGGA 2015



CARTA 4.2
TREND KERUGIAN SEBELUM
CUKAI DAN KERUGIAN TERKUMPUL
BAGI TAHUN 2013 HINGGA 2015



Sumber: Penyata Kewangan Beraudit Bagi Tahun 2013 Hingga 2015

4.5.1.2. Analisis Nisbah Kewangan

Hasil analisis bagi lima nisbah kewangan terhadap Lembaran Imbangan dan Penyata Pendapatan KTCCASB bagi tahun 2013 hingga 2015 adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 4.2
ANALISIS NISBAH KEWANGAN BAGI TAHUN 2013 HINGGA 2015

NISBAH SEMASA	TAHUN	ASET SEMASA (RM Juta) [a]	LIABILITI SEMASA (RM Juta) [b]	NISBAH SEMASA [a/b]
	2013	0.97	3.21	0.30:1
	2014	0.79	3.99	0.20:1
	2015	0.92	4.70	0.20:1

Nisbah semasa menentukan sejauh mana kemampuan aset semasa yang boleh ditukar segera kepada tunai bagi menyelesaikan tanggungan hutang jangka pendek atau liabiliti semasa. Nisbah semasa melebihi satu menunjukkan syarikat berupaya memenuhi tanggungan tersebut. Pada amnya, nisbah yang memuaskan adalah berkadar 2:1. Nisbah semasa KTCCASB untuk tiga tahun berturut-turut tidak memuaskan kerana kurang daripada satu iaitu antara 0.20 hingga 0.30. Keadaan ini menggambarkan bahawa aset semasa KTCCASB tidak dapat menampung liabiliti semasa syarikat yang semakin meningkat bagi tempoh ketiga-tiga tahun tersebut.

MARGIN UNTUNG BERSIH	TAHUN	KERUGIAN SELEPAS CUKAI (RM Juta) [a]	JUMLAH JUALAN (RM Juta) [b]	MARGIN UNTUNG BERSIH (%) [a/b] x 100
	2013	(1.07)	2.01	(53.2)
	2014	(0.98)	2.49	(39.4)
	2015	(0.79)	2.76	(28.6)

Margin untung bersih digunakan untuk mengukur untung bersih yang diperoleh bagi setiap ringgit jualan. Nilai peratusan margin keuntungan yang tinggi menunjukkan syarikat berupaya mengawal kos dan perbelanjaan jualan untuk menghasilkan keuntungan bersih yang tinggi. KTCCASB mencatatkan margin untung bersih yang negatif tiga tahun berturut-turut disebabkan oleh kerugian selepas cukai yang berterusan. Ini menunjukkan tiada pulangan keuntungan diperoleh.

PULANGAN ATAS ASET	TAHUN	KERUGIAN SELEPAS CUKAI (RM Juta) [a]	JUMLAH ASET (RM Juta) [b]	PULANGAN ATAS ASET (%) [a/b] x 100
	2013	(1.07)	8.08	(13.2)
	2014	(0.98)	7.61	(12.9)
	2015	(0.79)	12.58	(6.3)

Pulangan atas aset digunakan bagi mengukur kecekapan dalam penggunaan aset syarikat untuk memperoleh untung. Nisbah ini merupakan satu ukuran kecekapan yang mana semakin tinggi untung bersih, semakin cekap syarikat menguruskan aset. Nilai peratusan yang lebih tinggi adalah lebih bagus kerana menggambarkan perniagaan berupaya menguruskan aset dengan lebih cekap bagi menjana keuntungan kepada syarikat. KTCCASB tidak memperoleh pulangan atas aset kerana syarikat mengalami kerugian bersih bagi ketiga-tiga tahun.

PULANGAN ATAS EKUITI	TAHUN	KERUGIAN SELEPAS CUKAI (RM Juta) [a]	JUMLAH EKUITI (RM Juta) [b]	PULANGAN ATAS EKUITI (%) [a/b] x 100
	2013	(1.07)	(2.23)	(48)
	2014	(0.98)	(3.21)	(30.5)
	2015	(0.79)	0.96	(82.3)

Pulangan atas ekuiti digunakan bagi menggambarkan keupayaan syarikat dalam memaksimumkan pulangan terhadap jumlah pelaburan yang dibuat oleh syarikat. Semakin tinggi keuntungan bersih yang diperoleh daripada setiap ringgit ekuiti yang digunakan, semakin cekap syarikat menguruskan ekuitinya. Nilai peratusan yang lebih tinggi adalah lebih bagus kerana menggambarkan perniagaan berupaya menguruskan ekuiti dengan lebih cekap bagi menjana keuntungan kepada syarikat KTCCASB tidak memperoleh pulangan atas ekuiti kerana syarikat mengalami kerugian bersih bagi ketiga-tiga tahun.

NISBAH HUTANG	TAHUN	JUMLAH HUTANG (RM Juta) [a]	JUMLAH ASET (RM Juta) [b]	NISBAH HUTANG (%) [a/b] x 100
	2013	10.30	8.08	127.5
	2014	10.82	7.61	142.2
	2015	11.62	12.58	92.4

Nisbah hutang mengukur peratusan jumlah aset syarikat yang dibiayai oleh jumlah hutang. Semakin tinggi nisbah hutang, semakin tinggi juga peratusan aset yang dibiayai oleh hutang. Nisbah hutang KTCCASB adalah tinggi iaitu 127.5% pada tahun 2013, 142.2% pada tahun 2014 dan 92.4% pada tahun 2015. Nisbah hutang melebihi 100% pada tahun 2013 dan 2014 menunjukkan jumlah liabiliti syarikat adalah melebihi jumlah aset dan aktiviti syarikat dibiayai sepenuhnya oleh hutang.

Sumber: Penyata Kewangan Beraudit Bagi Tahun 2013 Hingga 2015

4.5.1.3. Analisis Aliran Tunai

- a. Penyata Aliran Tunai memberikan maklumat berkaitan keupayaan syarikat menjana aliran tunai daripada operasinya serta penggunaan untuk menampung keperluan perbelanjaan. Kedudukan aliran tunai KTCCASB bagi tahun kewangan 2013 hingga 2015 adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 4.3
KEDUDUKAN ALIRAN TUNAI BAGI TAHUN 2013 HINGGA 2015**

BUTIRAN	2013 (RM)	2014 (RM)	2015 (RM)
Aliran Tunai Bersih Daripada Aktiviti Operasi	578,056	343,947	5,074,661
Aliran Tunai Bersih Daripada Aktiviti Pelaburan	(29,562)	(23,580)	(5,212,422)
Aliran Tunai Bersih Daripada Aktiviti Pembiayaan	(803,663)	(271,561)	143,947
Tambahan/(Kurangan) Bersih Tunai Dan Kesetaraan Tunai	(255,169)	48,806	6,186
Tunai Dan Kesetaraan Tunai Pada Awal Tahun	264,738	9,569	58,375
Tunai Dan Kesetaraan Tunai Pada Akhir Tahun	9,569	58,375	64,561

Sumber: Penyata Kewangan Beraudit Bagi Tahun 2013 hingga 2015

- b. Analisis terhadap Penyata Aliran Tunai mendapati KTCCASB merekodkan pengurangan aliran tunai aktiviti operasi daripada RM578,056 pada tahun 2013 kepada RM343,947 pada tahun 2014, kemudian meningkat semula kepada RM5.07 juta pada tahun 2015. Peningkatan mendadak aliran tunai pada tahun 2015 disumbangkan oleh penilaian semula aset syarikat berjumlah RM4.96 juta.
- c. Bagi aktiviti pelaburan, aliran tunai keluar adalah rendah bagi tahun 2013 dan 2014 iaitu masing-masing RM29,562 dan RM23,580. Manakala aliran tunai keluar pada tahun 2015 adalah tinggi iaitu RM5.21 juta kerana syarikat melaksanakan penilaian semula nilai aset iaitu bangunan RM4.96 juta, pembelian kenderaan RM156,370, pembelian komputer RM26,344, pembelian papan tanda RM798 dan pembelian perabot RM68,046.
- d. Aktiviti pembiayaan KTCCASB merekodkan defisit aliran tunai bagi tahun 2013 dan 2014 iaitu masing-masing berjumlah RM803,663 dan RM271,561 manakala pulangan positif aliran tunai dicatatkan bagi tahun 2015 iaitu RM143,947.
- e. Pada akhir tahun kewangan 2015, syarikat mempunyai tunai dan kesetaraan tunai berjumlah RM64,561 iaitu tunai di tangan dan di bank. Manakala pada akhir tahun kewangan 2014 dan 2013, tunai dan kesetaraan tunai syarikat masing-masing berjumlah RM58,375 dan RM9,569. Secara keseluruhannya, aliran tunai KTCCASB masih menunjukkan kedudukan yang positif bagi tiga tahun berturut-turut.

Maklum Balas KTCCASB yang Diterima Pada 13 Februari 2017

Mulai bulan Mei 2015, syarikat telah mula diterajui oleh pengurus besar yang dilantik secara tetap. Dengan pelantikan ini, hala tuju dan operasi syarikat telah menunjukkan kesan positif.

Pada pendapat Audit, secara keseluruhannya prestasi kewangan KTCCASB bagi tahun 2013 hingga 2015 adalah kurang memuaskan berdasarkan kerugian tahunan dan terkumpul yang berterusan. Selain itu, nisbah kewangan juga menunjukkan kedudukan kewangan yang lemah. Syarikat menghadapi masalah usaha berterusan kerana kerugian terkumpul berjumlah RM5.50 juta melebihi modal berbayar yang berjumlah RM1.50 juta.

4.5.2. Pengurusan Aktiviti

KTCCASB menguruskan tiga buah dewan konvensyen/pameran milik PKINK Bina Sdn. Bhd. dan 38 unit apartmen milik persendirian. Pemilik dewan dan apartmen telah memberi kuasa kepada KTCCASB untuk menguruskan sewaan kemudahan ini kepada pihak ketiga melalui perjanjian. Pengauditan yang dijalankan terhadap pengurusan aktiviti sewaan dewan dan apartmen ini mendapati perkara seperti berikut:

4.5.2.1. Prestasi Pendapatan Sewaan

- a. Sumber pendapatan utama KTCCASB adalah daripada hasil sewaan dewan dan apartmen. Bagi tahun 2014 hingga bulan September 2016, sewaan dewan merupakan penyumbang utama pendapatan syarikat. KTCCASB telah menetapkan sasaran pendapatan bagi dua aktiviti utama tersebut. Prestasi pendapatan sebenar berbanding sasaran yang ditetapkan adalah seperti **Jadual 4.4**.
- b. Bagi tahun 2014 hingga bulan September 2016, KTCCASB telah mencapai sasaran prestasi yang ditetapkan bagi hasil sewaan dewan. Bagi sewaan apartmen pula, KTCCASB mencapai 94% dan 98.2% pendapatan sewaan apartmen masing-masing pada tahun 2014 dan 2015. Pihak Audit mendapati KTCCASB telah menurunkan sasaran bagi kutipan sewaan apartmen ini disebabkan oleh prestasi pendapatan sebenar yang semakin rendah berbanding tahun sebelumnya.

JADUAL 4.4
PRESTASI PENDAPATAN SEBENAR DAN SASARAN
AKTIVITI BAGI TAHUN 2014 HINGGA BULAN SEPTEMBER 2016

BUTIRAN	2014			2015			2016			JUMLAH PENDAPATAN SEBENAR (RM Juta)	
	SASARAN	SEBENAR		SASARAN	SEBENAR		SASARAN	SEBENAR (SEHINGGA SEPTEMBER)			
	(RM Juta)	(RM Juta)	(%)	(RM Juta)	(RM Juta)	(%)	(RM Juta)	(RM Juta)	(%)		
Sewa Dewan	0.74	1.73	233.8	1.40	1.96	140.0	1.58	1.82	115.2	5.51	
Sewa apartmen	0.67	0.63	94.0	0.56	0.55	98.2	0.28	0.31	110.7	1.49	
JUMLAH	1.41	2.36	167.4	1.96	2.51	128.1	1.86	2.13	114.5	7.0	

Sumber: KTCCASB

4.5.2.2. Prestasi Kadar Penginapan Apartmen

Kadar penginapan digunakan sebagai pengukur prestasi iaitu perbandingan di antara bilangan apartmen yang disewakan berbanding jumlah apartmen yang sedia ada bagi sesuatu tempoh. Prestasi kadar penginapan apartmen bagi tahun 2014 hingga 2016 adalah seperti **Jadual 4.5**. Analisis Audit terhadap maklumat di jadual tersebut mendapati secara keseluruhan, apartmen yang telah disewakan berbanding apartmen sedia ada bagi tahun 2014 hingga 2016 kurang memuaskan kerana kadar penginapan adalah rendah iaitu di antara 27% hingga 37.5% sahaja. Kemudahan biasa yang ditawarkan oleh hotel yang menawarkan kadar sewaan sama dengan KTCCASB seperti kolam renang, gimnasium, spa dan perkhidmatan servis ke bilik tidak disediakan oleh KTCCASB menyebabkan kurangnya daya tarikan kepada pelanggan dan menjadi punca kepada penurunan kadar penginapan setiap tahun.

JADUAL 4.5
PRESTASI KADAR PENGINAPAN BAGI TAHUN 2014 HINGGA 2016

BULAN	2014			2015			2016		
	BILIK SEDIA ADA	BILIK DISEWA	(%)	BILIK SEDIA ADA	BILIK DISEWA	(%)	BILIK SEDIA ADA	BILIK DISEWA	(%)
Januari	1,426	284	19.9	1,364	353	25.9	1,302	206	15.8
Februari	1,288	308	23.9	1,232	284	23.1	1,302	333	25.6
Mac	1,426	516	36.2	1,364	465	34.1	1,302	449	34.5
April	1,350	667	49.4	1,320	489	37.1	1,170	453	38.7
Mei	1,350	722	53.5	1,364	408	29.9	1,209	406	33.6
Jun	1,350	843	62.4	1,320	374	28.3	1,170	283	24.2
Julai	1,395	518	37.1	1,364	485	35.6	1,178	290	24.6
Ogos	1,395	447	32.0	1,364	550	40.3	1,178	314	26.7
September	1,350	642	47.6	1,290	536	41.6	1,140	301	26.4
Oktober	1,364	315	23.1	1,302	339	26.0	1,178	304	25.8
November	1,320	541	41.0	1,260	303	24.1	1,110	290	26.1
Disember	1,364	344	25.2	1,302	218	16.7	1,116	227	20.3
JUMLAH	16,378	6,147	37.5	15,486	4,804	30.3	14,355	3,856	27.0

Sumber: KTCCASB

Nota: TB – Tidak Berkaitan

Maklum Balas KTCCASB yang Diterima Pada 13 Februari 2017

Syarikat tidak meletakkan jumlah sasaran apartmen berdasarkan kadar penginapan tetapi berdasarkan sasaran jumlah pendapatan tahunan sewaan apartmen. Syarikat memaklumkan kadar penginapan apartmen adalah rendah kerana syarikat tidak lagi menawarkan pakej bermalam kepada pelanggan dan menyebabkan tempahan apartmen daripada pelanggan berkurangan terutamanya bagi sektor awam. Fokus syarikat juga lebih tertumpu kepada sewaan dewan berbanding sewaan apartmen.

Pada pendapat Audit, prestasi pendapatan sewaan adalah memuaskan kerana mencapai sasaran. Bagaimanapun, prestasi kadar penginapan apartmen kurang memuaskan kerana kadar penginapan yang rendah dari tahun 2014 hingga 2016.

4.5.2.3. Tunggakan

a. Tunggakan Sewa Dewan

- i. Perjanjian usahasama antara KTCCASB bersama syarikat induk bertarikh 11 April 2012, klausula 7.4.2 menyatakan kadar sewaan Dewan Konvensyen dan Dewan Seminar berjumlah RM30,000 sebulan hendaklah dibayar oleh KTCCASB kepada pemilik PKINK Bina Sdn. Bhd. Jika pendapatan urusniaga KTCCASB melebihi RM500,000 sebulan, maka sewaan tambahan akan dibuat pada kadar 3% bagi setiap tambahan pendapatan. KTCCASB menyewa dewan konvensyen/seminar/pameran daripada PKINK Bina Sdn. Bhd. dengan kadar sewaan berjumlah RM30,000 sebulan mulai dari bulan Julai 2009. Bagaimanapun, pihak KTCCASB tidak menjelaskan amaun bayaran bulanan kepada PKINK Bina Sdn. Bhd. sebagaimana perjanjian. Bayaran dibuat tidak mengikut jadual bayaran bulanan dan amaun bayaran tidak mencukupi untuk melunaskan amaun tertunggak. Berdasarkan dokumen daripada PKINK Bina Sdn. Bhd. mengenai Perbincangan Tunggakan Akaun KTCCASB bertarikh 29 Oktober 2016 mendapati KTCCASB tidak menjelaskan sewaan dewan bagi tahun 2016 kepada PKINK Bina Sdn. Bhd. dan telah tertunggak sejumlah RM1.59 juta sehingga bulan Oktober 2016.
- ii. Pengumuran bagi akaun belum bayar (PKINK Bina Sdn. Bhd.) bagi tahun 2014 hingga bulan September 2016 adalah seperti **Jadual 4.6**. Jadual tersebut menunjukkan trend tunggakan sewa adalah konsisten bagi tempoh setahun. Keadaan ini menunjukkan pihak KTCCASB tidak

mampu untuk menjelaskan sewaan dewan kepada PKINK Bina Sdn. Bhd. bagi setiap bulan.

JADUAL 4.6
PENGUMURAN AKAUN BELUM BAYAR PKINK BINA
SDN. BHD. (SEWAAN DEWAN) SEHINGGA BULAN OKTOBER 2016

BIL	USIA HUTANG	JUMLAH (RM)
1.	1-3 Bulan	95,400.00
2.	4-6 Bulan	95,400.00
3.	7-9 Bulan	95,400.00
4.	10-12 Bulan	91,800.00
5.	> 12 Bulan	1,214,010.08
JUMLAH		1,592,010.08

Sumber: KTCCASB

Maklum Balas KTCCASB yang Diterima Pada 13 Februari 2017

KTCCASB memaklumkan perbincangan susulan berkaitan penyelesaian tunggakan sewaan dewan PKINK Bina Sdn. Bhd. dibuat selepas urusan penjualan ruang pejabat selesai. KTCCASB, PKINK Bina Sdn. Bhd. dan PKINK telah bersetuju menggunakan kaedah pembahagian keuntungan pada masa hadapan bagi mengatasi masalahkekangan aliran tunai yang dihadapi KTCCASB. Bagaimanapun, perbincangan mengenai nilai peratusan pembahagian keuntungan masih belum ditetapkan.

b. Tunggakan Sewa Apartmen

- i. Mengikut Perjanjian Pengurusan Apartmen antara KTCCASB dengan pemilik, pendapatan sewa yang diperoleh pada setiap bulan akan dibahagikan pada kadar 35% (KTCCASB) dan 65% (pemilik apartmen) dan dibayar setiap tiga bulan sekali setelah ditolak kos operasi, kos pengurusan dan kos perabot. Hasil sewaan sebanyak 65% selepas ditolak kos operasi, kos pengurusan dan kos perabot akan dibayar sama rata kepada pemilik apartmen mengikut jenis bilik pada setiap bulan keempat dikira dari tarikh pengurusan bermula.
- ii. Semakan Audit mendapati terdapat tunggakan bayaran pendapatan kepada pemilik apartmen sejak tahun 2010 sehingga bulan September 2016 berjumlah RM147,734 melibatkan 38 pemilik apartmen yang masih aktif dan enam pemilik apartmen yang telah diserah balik.

Maklum Balas KTCCASB yang Diterima Pada 27 Februari 2017

Pembayaran hasil sewaan kepada pemilik apartmen mengalami tuggakan kerana masalah aliran tunai yang dialami oleh syarikat.

c. Perjanjian Pengurusan Apartmen Tidak Diperbaharui

- i. Sejak penubuhan KTCCASB pada tahun 2009, bilangan apartmen adalah sebanyak 78 apartmen. Bagaimanapun, perjanjian pertama antara KTCCASB dan pemilik apartmen pada 4 Jun 2009 hanya melibatkan 48 apartmen sahaja disebabkan faktor kewangan yang dialami oleh pihak KTCCASB. Sehingga bulan September 2016, jumlah terkini apartmen yang masih diuruskan oleh KTCCASB adalah sebanyak 38 apartmen. Tempoh masa perjanjian adalah selama tiga tahun dengan opsyen untuk diperbaharui sekali bagi setiap tiga tahun dengan tempoh maksimum adalah sepuluh tahun.
- ii. Bagi memastikan pengurusan sewa apartmen berjalan dengan lancar dan kepentingan bersama dijaga, pihak KTCCASB dan pemilik apartmen hendaklah menandatangani perjanjian. Perjanjian pengurusan apartmen antara KTCCASB dengan pemilik apartmen telah tamat di antara tiga bulan hingga 28 bulan sehingga bulan September 2016. Semakan Audit mendapati 36 daripada 38 perjanjian pengurusan apartmen telah tamat tempoh dan tidak diperbaharui manakala status dokumen perjanjian bagi dua pemilik apartmen tidak dapat ditentukan. Pihak KTCCASB telah menghantar surat penyambungan tempoh kontrak apartmen pada 1 Ogos 2016 kepada 36 pemilik. Sebanyak lapan daripada 36 pemilik tersebut telah menghantar maklum balas setuju terima penyambungan kontrak tetapi perjanjian baru masih belum ditandatangani. Walaupun perjanjian masih belum diperbaharui, namun KTCCASB masih meneruskan pengurusan sewa kesemua 38 apartmen tersebut.

Maklum Balas KTCCASB yang Diterima Pada 27 Februari 2017

Sebanyak 33 daripada 36 pemilik telah memberi maklum balas untuk bersetuju menyambung kontrak, KTCCASB sedang menyediakan satu kontrak di mana terma dan syarat dikaji semula sebelum perjanjian ditandatangan.

Pada pendapat Audit, pengurusan aktiviti KTCCASB adalah selaras dengan objektif penubuhan tetapi kurang memuaskan kerana mempunyai tunggakan sewaan dewan berjumlah RM1.59 juta kepada PKINK Bina Sdn. Bhd. dan kadar penginapan di apartmen

yang rendah berbanding sasaran. Selain itu, KTCCASB mempunyai tunggakan berjumlah RM147,734 yang belum dibayar kepada pemilik apartmen dan perjanjian dengan 38 pemilik apartmen belum diperbaharui.

4.5.3. Tadbir Urus Korporat

4.5.3.1. Tadbir urus korporat merujuk kepada proses yang digunakan untuk mentadbir, mengurus dan mengawal syarikat. Ia merangkumi dasar, undang-undang dan peraturan, sistem dan prosedur, kawalan pengurusan syarikat dan pengurusan risiko. Tadbir urus korporat yang baik dapat membantu syarikat mempertingkatkan kecekapan dalam mencapai objektifnya serta membolehkan operasi syarikat diurus dengan sempurna, telus dan bertanggungjawab.

4.5.3.2. Semakan Audit terhadap tadbir urus korporat KTCCASB mendapati perkara seperti berikut:

a. Pengerusi dan Lembaga Pengarah

Mengikut amalan terbaik yang dinyatakan dalam Buku Hijau – *Enhancing Board Effectiveness*, Lembaga Pengarah Syarikat bertanggungjawab untuk memastikan tadbir urus yang baik, menilai prestasi syarikat dan memastikan wujudnya kawalan dalaman yang berkesan. Semakan Audit mendapati KTCCASB mempunyai tujuh orang ahli Lembaga Pengarah termasuk Pengerusi. Pengerusi dilantik pada 1 Januari 2016 bagi tempoh setahun. Sebanyak enam daripada tujuh ahli Lembaga Pengarah termasuk Pengerusi tidak mempunyai kuasa eksekutif iaitu tiada campur tangan dalam urusan operasi harian syarikat. Mesyuarat Lembaga Pengarah diadakan dua kali pada tahun 2014, sebanyak empat kali pada tahun 2015 dan dua kali pada tahun 2016. Antara perkara yang dibincangkan dalam mesyuarat tersebut adalah berkaitan laporan operasi syarikat, laporan kewangan dan prestasi syarikat, draf penyata kewangan serta isu berkaitan bajet, perbelanjaan, pentadbiran dan sumber manusia. Senarai ahli Lembaga Pengarah KTCCASB adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 4.7
SENARAI AHLI LEMBAGA PENGARAH PADA NOVEMBER 2016**

JAWATAN	TARIKH LANTIKAN LEMBAGA PENGARAH	PENGARAH BUKAN EKSEKUTIF (Ya/Tidak)	PENGARAH BEBAS/ TIDAK BEBAS
Pengerusi	1 Januari 2016	Ya	Bebas
Pengarah Eksekutif	1 Februari 2015	Tidak	Tidak Bebas
Pengarah	1 Februari 2015	Ya	Bebas
Pengarah	1 Februari 2016	Ya	Bebas

JAWATAN	TARIKH LANTIKAN LEMBAGA PENGARAH	PENGARAH BUKAN EKSEKUTIF (Ya/Tidak)	PENGARAH BEBAS/ TIDAK BEBAS
Pengarah	1 Januari 2016	Ya	Bebas
Pengarah	1 Januari 2016	Ya	Bebas
Pengarah	1 Januari 2016	Ya	Bebas

Sumber: KTCCASB

b. Unit Audit Dalam dan Jawatankuasa Audit

- i. Mengikut amalan terbaik, penubuhan Unit Audit Dalam adalah untuk menilai dan menentukan keberkesanan semua proses kawalan dan tadbir urus bagi membantu organisasi mencapai matlamatnya. Matlamat Unit Audit Dalam adalah bagi mempertingkatkan keberkesanan proses tadbir urus, tahap pengurusan kewangan dan akauntabiliti dalam pentadbiran. Manakala, Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan perlu ditubuhkan bagi memelihara kepentingan Kerajaan sebagai pemegang saham melalui kawalan dan pengawasan terhadap pengurusan syarikat. Antara fungsi utama Jawatankuasa adalah mengadakan kajian audit dan pemeriksaan khas, menyemak aktiviti dan pencapaian audit dalaman, mengkaji dan mengawasi rancangan korporat, mengkaji dan menentukan proses kawalan dalaman serta mengkaji dan memeriksa penyata kewangan syarikat.
- ii. Semakan Audit mendapati Unit Audit Dalam tidak ditubuhkan di KTCCASB memandangkan saiz syarikat yang kecil. Tugas Audit Dalam telah dilaksanakan oleh Audit Dalaman Induk (PKINK). Pada 4 November 2015 hingga 4 Januari 2016, Unit Audit Dalam ini telah melakukan pengauditan terhadap struktur kewangan, kedudukan likuiditi, kualiti aset dan prestasi perolehan KTCCASB bagi tahun 2011 hingga bulan September 2015. Hasil pengauditan dilaporkan di dalam Laporan Pengauditan Prestasi Syarikat KTC Convention & Apartment Sdn. Bhd. Bagaimanapun, laporan tersebut tidak dibentangkan di dalam mesyuarat ahli Lembaga Pengarah. Semakan Audit juga mendapati Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan tidak diwujudkan di KTCCASB kerana saiz syarikat yang kecil. Semakan Audit mendapati perkara-perkara berkenaan penyata kewangan syarikat dan rancangan korporat ada dibincangkan di dalam minit mesyuarat ahli Lembaga Pengarah.

c. Rancangan Korporat dan Petunjuk Prestasi Utama

- i. Mengikut amalan terbaik, syarikat Kerajaan perlu menyediakan atau mengemaskini strategi dan rancangan korporat sebagai wawasan syarikat mencapai matlamat jangka pendek (tahunan) dan jangka

panjang. Rancangan korporat yang disediakan hendaklah diluluskan oleh Lembaga Pengarah Syarikat dan Lembaga Pengarah Agensi Kerajaan. Rancangan korporat penting disediakan bagi merangka strategi pelaksanaannya bagi membentuk objektif dan matlamat yang realistik selaras dengan misi dan keupayaan organisasi. Ia juga dapat membantu syarikat memastikan penggunaan sumber yang lebih efektif dan hubungan yang baik serta hala tuju yang jelas antara kakitangan dan pihak pengurusan. Semakan Audit mendapati KTCCASB ada menyediakan rancangan korporat bagi tempoh jangka panjang iaitu Halatuju Syarikat Bagi Tahun 2016 hingga 2020. Rancangan Korporat ini dinyatakan di dalam Minit Mesyuarat Lembaga Pengarah Bil. 21 (1/2016) pada 16 Februari 2016. Intipati rancangan tersebut menerangkan berkenaan pelan, strategi dan tindakan yang perlu diambil oleh syarikat berkaitan hal pengurusan latihan, pengurusan kewangan, pengurusan peluang perniagaan dan juga pengurusan pemasaran. Ahli Lembaga Pengarah mengambil maklum dan menyarankan pihak pengurusan mengambil tindakan penambahbaikan seperti berikut:

- Menghantar kiriman penghargaan kepada pelanggan apartmen selepas pendaftaran keluar sama ada melalui emel atau sistem pesanan ringkas.
 - Mendapatkan kerjasama dengan pihak Kerajaan Negeri Kelantan dan mana-mana agensi di bawahnya supaya sentiasa mengutamakan pengendalian program di dewan konvensyen.
 - Menyediakan pakej berkembar dengan mana-mana pakej perkahwinan dan pelancongan dalam negeri.
 - Menyediakan skrin atau *LED Board* di hadapan pintu masuk untuk sebaran maklumat berkaitan aktiviti syarikat.
- ii. Bagaimanapun, Rancangan Korporat tersebut tidak memperincikan usaha berterusan syarikat dan strategi perniagaan sewaan apartmen serta belum diangkat semula untuk kelulusan Lembaga Pengarah. Selain itu, Petunjuk Prestasi Utama (KPI) yang meliputi pencapaian kewangan, operasi dan pentadbiran sebagai salah satu cara untuk mengukur pencapaian dan prestasi syarikat tidak ditetapkan.

d. ***Standard Operating Procedures***

Sistem dan prosedur yang lengkap, jelas dan menyeluruh dapat menyeragamkan urusan dan operasi harian sesebuah syarikat. Selain itu, ia memudah dan menyegerakan pihak pengurusan dalam membuat keputusan dan mengambil tindakan. Sistem dan prosedur yang berkesan mampu

mempertingkatkan produktiviti sesebuah syarikat. Semakan Audit mendapati syarikat ada menyediakan *Standard Operating Procedures* (SOP) berkaitan *General Admin Department, Front Office Department, Maintenance Department, Housekeeping Department*, Proses Pembayaran/Pengeluaran Melalui Cek dan Proses Penggunaan *Petty Cash*. Bagaimanapun, SOP tersebut tidak diangkat untuk kelulusan Lembaga Pengarah.

Pada pendapat Audit, secara keseluruhannya tadbir urus korporat KTCCASB adalah kurang memuaskan kerana rancangan korporat dan *Standard Operating Procedures* masih belum diluluskan oleh Lembaga Pengarah.

4.6. SYOR AUDIT

Bagi mempertingkatkan prestasi pengurusan syarikat, pihak Audit mengesyorkan KTC Convention & Apartment Sdn. Bhd. (KTCCASB) mengambil tindakan terhadap perkara berikut:

- 4.6.1. meningkatkan promosi dan kelengkapan apartmen serta mengurangkan kos perkhidmatan yang tinggi khasnya gaji kakitangan dan kos kewangan bagi mengelakkan syarikat mengalami kerugian berterusan;
- 4.6.2. mengambil tindakan untuk membayar semula tunggakan sewaan dewan kepada PKINK Bina Sdn. Bhd. dan sewaan apartmen kepada pemilik persendirian seperti yang ditetapkan dalam perjanjian; dan
- 4.6.3. mendapat kelulusan Lembaga Pengarah terhadap *Standard Operating Procedures* yang disediakan dan menetapkan KPI supaya hala tuju syarikat lebih jelas bagi meningkatkan pendapatan syarikat pada masa hadapan.

Bahagian II

PENGURUSAN KEWANGAN
JABATAN/AGENSI NEGERI

PENGURUSAN KEWANGAN JABATAN/AGENSI NEGERI

5. PENCAPAIAN PENGURUSAN KEWANGAN JABATAN/AGENSI NEGERI

5.1. PENDAHULUAN

5.1.1. Seksyen 15(A) Akta Tatacara Kewangan, 1957 dan Arahan Perbendaharaan telah menetapkan tugas dan tanggungjawab Pegawai Pengawal di sebuah Kementerian/Jabatan bagi menjamin wujudnya akauntabiliti pengurusan kewangan Kerajaan. Antara lain, Pegawai Pengawal adalah bertanggungjawab untuk menentukan bahawa peruntukan kewangan dan sumber lain yang secukupnya diperoleh, diguna dan diperakaunkan mengikut peraturan kewangan.

5.1.2. Selaras dengan Perkara 106 dan 107 Perlembagaan Persekutuan serta Akta Audit 1957, setiap tahun Ketua Audit Negara perlu menjalankan pengauditan terhadap Penyata Kewangan Kerajaan Negeri, pematuhan kepada undang-undang dan peraturan kewangan serta aktiviti Jabatan/Agensi Negeri dan mengemukakan laporan mengeninya untuk dibentangkan di Parlimen dan Dewan Undangan Negeri.

5.2. PENAMBAHBAIKAN PENGURUSAN KEWANGAN OLEH JABATAN/AGENSI NEGERI

Pada tahun 2016, Perbendaharaan Negeri telah mengeluarkan dua pekeliling untuk meningkatkan kecekapan dan keberkesanan pengurusan kewangan Jabatan/Agensi Negeri iaitu:

5.2.1. Pekeliling Perbendaharaan mengenai garis panduan langkah-langkah mengoptimumkan perbelanjaan Kerajaan sebagai langkah berjimat cermat.

5.2.2. Pekeliling Perbendaharaan bertujuan memaklumkan persetujuan Kerajaan Negeri menerima pakai 1Pekeliling Perbendaharaan (1PP) seperti berikut:

- a. 99 Pekeliling Perbendaharaan yang diguna pakai tanpa pindaan;
- b. 11 Pekeliling Perbendaharaan yang diguna pakai dengan pindaan; dan
- c. 30 Pekeliling Perbendaharaan yang tidak diterima pakai.

5.3. PENGURUSAN KEWANGAN BERDASARKAN INDEKS AKAUNTABILITI

5.3.1. Bagi menentukan tahap pematuhan terhadap undang-undang seperti Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 serta peraturan yang berkaitan, setiap tahun Jabatan Audit Negara menjalankan pengauditan terhadap pengurusan kewangan berdasarkan Indeks Akauntabiliti di Jabatan/Agensi Negeri. Bagi Jabatan,

elemen pengurusan kewangan yang dinilai ialah Kawalan Pengurusan, Kawalan Bajet, Kawalan Terimaan, Pengurusan Perolehan, Kawalan Perbelanjaan, Pengurusan Akaun Amanah/Kumpulan Wang Amanah dan Deposit, Pengurusan Aset dan Stor serta Pengurusan Kenderaan Kerajaan. Bagi Pejabat Perbendaharaan Negeri dan Agensi pula, elemen lain yang turut dinilai ialah Pengurusan Pelaburan dan Pinjaman serta Pengurusan Penyata Kewangan.

5.3.2. Jabatan Audit Negara telah melaksanakan pengauditan pengurusan kewangan berdasarkan Indeks Akauntabiliti sejak tahun 2007 dengan memberi penarafan empat bintang kepada Jabatan/Agensi Negeri yang cemerlang. Bermula tahun 2015, Jabatan Audit Negara telah memberi penarafan lima bintang kepada Jabatan/Agensi Negeri yang cemerlang seperti jadual berikut:

JADUAL 5.1 PENARAFAN PENGURUSAN KEWANGAN BERDASARKAN INDEKS AKAUNTABILITI		
MARKAH KESELURUHAN (%)	TAHAP	PENARAFAN
90 – 100	Cemerlang	★★★★★
80 – 89.9	Baik	★★★★
70 – 79.9	Memuaskan	★★★
60 – 69.9	Kurang Memuaskan	★★
59.9 ke bawah	Tidak Memuaskan	★

Sumber: Pekeliling Ketua Audit Negara Bil. 1 Tahun 2016

5.4. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Secara umumnya, objektif pengauditan pengurusan kewangan Jabatan/Agensi Negeri berdasarkan Indeks Akauntabiliti bertujuan untuk menilai:

- 5.4.1. struktur dan sistem kawalan dalaman terhadap semua elemen pengurusan kewangan adalah berkesan;
- 5.4.2. pengurusan kewangan mematuhi undang-undang dan peraturan yang ditetapkan; dan
- 5.4.3. rekod yang berkaitan diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini.

5.5. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan telah dijalankan di 16 Jabatan/Agensi Negeri berdasarkan pusingan, manakala pengauditan setiap tahun dilaksanakan terhadap satu Jabatan Negeri iaitu Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri. Pengauditan telah dijalankan dengan menyemak rekod dan dokumen berkaitan bagi tahun 2016 di peringkat Jabatan/Agensi Negeri. Di samping itu, analisis dibuat terhadap Penyata Kewangan Jabatan/Agensi Negeri Tahun 2015 bagi menentukan kedudukan prestasi kewangan Jabatan/

Agensi Negeri secara menyeluruh. Temubual dengan pegawai yang terlibat dan semakan fizikal terhadap aset juga telah dijalankan untuk perakuan pengesahan maklumat yang diperoleh daripada semakan Audit. Jabatan/Agensi Negeri yang diaudit adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 5.2
JABATAN/AGENSI NEGERI YANG DIAUDIT**

BIL.	JABATAN/AGENSI
JABATAN	
1.	Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri
2.	Pejabat Perbendaharaan Negeri Kelantan
3.	Pejabat Mufti Negeri Kelantan
4.	Jabatan Perancang Bandar dan Desa Kelantan
5.	Suruhanjaya Perkhidmatan Negeri
6.	Jabatan Perhutanan Negeri Kelantan
7.	Pejabat Tanah dan Jajahan Jeli
8.	Pejabat Tanah dan Jajahan Pasir Mas
9.	Pejabat Tanah dan Jajahan Kota Bharu
10.	Pejabat Tanah dan Jajahan Tumpat
PIHAK BERKUASA TEMPATAN	
1.	Majlis Daerah Gua Musang
2.	Majlis Daerah Pasir Mas
3.	Majlis Daerah Tumpat
BADAN BERKANUN NEGERI	
1.	Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan
2.	Perbadanan Stadium Negeri Kelantan
3.	Perbadanan Muzium Negeri Kelantan
4.	Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan

Sumber: Jabatan Audit Negara

5.6. ELEMEN UTAMA

Pelaksanaan sistem penarafan bagi sepuluh Jabatan Negeri dan tujuh Agensi Negeri adalah berdasarkan pencapaian pengurusan kewangan mengikut elemen seperti berikut:

5.6.1. Kawalan Pengurusan

Semakan Audit telah dijalankan terhadap empat kriteria utama kawalan pengurusan iaitu struktur organisasi, sistem dan prosedur, keberkesanan Unit Audit Dalam dan jawatankuasa yang diwujudkan serta pengurusan sumber manusia seperti berikut:

5.6.1.1 Struktur Organisasi

Jabatan/Agensi Negeri hendaklah memastikan:

- a. carta organisasi disediakan dengan lengkap dan kemas kini mengikut Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bil. 8 Tahun 1991;
- b. surat penurunan kuasa disediakan dengan lengkap dan dikemas kini. Had kuasa dan tugas pegawai yang menjalankan tanggungjawab juga perlu dinyatakan dengan jelas mengikut Seksyen 15A(2) Akta Tatacara Kewangan, Arahan Perbendaharaan (AP) 11, AP 69 dan AP 101; dan
- c. perancangan dan pelaksanaan pusingan kerja mengikut tempoh yang sesuai dalam pelbagai bidang tugas perlu dilaksanakan sebagaimana Pekeliling Perkhidmatan Bil. 5 Tahun 2007 bagi membangunkan sumber manusia berpotensi serta berupaya menyumbang kepada kecemerlangan organisasi.

5.6.1.2. Sistem dan Prosedur

- a. Manual Prosedur Kerja disediakan dengan lengkap dan kemas kini. Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bil. 8 Tahun 1991 adalah berkaitan.
- b. Senarai Tugas disediakan dan sentiasa dikemaskinikan mengikut Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bil. 8 Tahun 1991.
- c. Pemeriksaan dalaman mengikut AP 308 dijalankan oleh Ketua Jabatan atau wakil yang dilantik dari semasa ke semasa terhadap sebahagian atau keseluruhan kewajipan kewangan atau perakaunan (termasuk perakaunan Aset Awam) bagi memastikan prosedur yang betul sentiasa diikuti. Perihal mengenai kewajipan yang diperiksa dan hasil pemeriksaan hendaklah direkodkan dalam Daftar Pemeriksaan Mengejut.
- d. Pemeriksaan mengejut mengikut Arahan Perbendaharaan 309 dijalankan oleh Ketua Jabatan sahaja secara berkala (tidak kurang dari sekali dalam enam bulan) terhadap peti besi, peti wang tunai, laci atau bekas-bekas lain yang diguna untuk menyimpan wang, setem atau barang-barang lain yang berharga. Hasil pemeriksaan itu hendaklah direkodkan dengan lengkap untuk memudahkan rujukan.

5.6.1.3. Jawatankuasa Kewangan dan Unit Audit Dalam

Kerajaan menetapkan pelbagai jawatankuasa berkaitan hal kewangan ditubuhkan di peringkat Jabatan/Agensi Negeri. Fungsi dan tanggungjawab jawatankuasa tersebut telah ditetapkan melalui surat pekeliling, arahan, garis panduan yang dikeluarkan dari semasa ke semasa. Bagi memastikan jawatankuasa yang telah diwujudkan berfungsi dengan berkesan, Kerajaan juga telah mengeluarkan Panduan Pengurusan Mesyuarat dan Urusan Jawatankuasa Kerajaan melalui

Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bil. 2 Tahun 1991. Panduan ini menetapkan dengan jelas peranan Pengerusi dan Urus Setia dalam sesuatu mesyuarat bagi memastikan keberkesanan jawatankuasa yang telah diwujudkan. Antara jawatankuasa/unit yang perlu diwujudkan bagi memantapkan tahap pengurusan kewangan adalah seperti berikut:

a. Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun

1Pekeliling Perbendaharaan (1PP) PS 5.1 menetapkan bahawa Jawatankuasa Pengurusan dan Akaun (JPKA) hendaklah ditubuhkan di setiap Jabatan/ Agensi Kerajaan/Pusat Tanggungjawab untuk memantapkan pengurusan kewangan dan akaun. JPKA hendaklah mengadakan mesyuarat setiap tiga bulan sekali, membincangkan perkara yang telah ditetapkan dan mengemukakan Laporan JPKA kepada pihak berkuasa berkenaan dalam tempoh yang ditetapkan.

b. Jawatankuasa Audit

Penubuhan Jawatankuasa Audit adalah selaras dengan ketetapan dalam 1PP PS 3.2. Pekeliling tersebut antara lainnya menetapkan penubuhan dan keahlian Jawatankuasa, pelaksanaan mesyuarat sekurang-kurangnya empat kali setahun, membincangkan Rancangan Tahunan Unit Audit Dalam, membentangkan Laporan Unit Audit Dalam atau Laporan Jabatan Audit Negara dan mengemukakan sesalinan minit mesyuaratnya ke Pejabat Kewangan Negeri dalam tempoh yang ditetapkan.

c. Unit Audit Dalam

1PP PS 3.1 menghendaki Setiausaha Kerajaan Negeri menubuhan Unit Audit Dalam (UAD) di bawah organisasi/pentadbirannya bagi membantu memantapkan pengurusan kewangan dan mencapai matlamat organisasi secara berhemat, cekap dan berkesan. Bagi melaksanakan fungsinya, UAD bertanggungjawab menyediakan Rancangan Tahunan Audit Dalam, mengemukakan Rancangan Tahunan Audit Dalam kepada Ketua Eksekutif selewat-lewatnya pada 31 Januari tahun semasa dan Laporan Tahunan Audit Dalam selewat-lewatnya pada 31 Mac tahun berikutnya. Sementara itu, tanggungjawab Ketua Eksekutif adalah mengkaji dan meluluskan Rancangan Tahunan dan Laporan Tahunan Audit Dalam, memastikan tindakan susulan diambil terhadap pemerhatian/Laporan Audit Dalam dan memastikan anggota UAD mempertingkatkan pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan untuk melaksanakan tanggungjawab mereka secara berkesan.

5.6.1.4. Pengurusan Sumber Manusia

Bagi memastikan pengurusan kewangan dikendalikan dengan baik, setiap Jabatan/Agensi Negeri hendaklah menguruskan sumber manusianya dengan cekap seperti menentukan bilangan jawatan dan gred yang sesuai, jawatan diisi sepenuhnya dan latihan dalam bidang kewangan diberi kepada mereka yang terlibat. Jabatan/Agensi Negeri juga dikehendaki memberi pengiktirafan kepada kakitangannya yang cemerlang dan sebaliknya mengambil tindakan tatatertib/surcaj terhadap mereka yang didapati gagal/cuai melaksanakan tanggungjawab yang telah ditetapkan.

5.6.2. Kawalan Bajet

Bagi menentukan sama ada Kementerian/Jabatan telah menguruskan bajet dan peruntukannya dengan cekap, berhemat dan mengikut peraturan, semakan Audit telah dijalankan terhadap enam kriteria utama kawalan bajet iaitu penyediaan bajet, pengagihan peruntukan, kelulusan pindah peruntukan, pemantauan, pelaporan dan analisis bajet seperti berikut:

5.6.2.1. Penyediaan Bajet

Arahan Perbendaharaan 29 hingga 46 menetapkan peraturan penyediaan anggaran hasil dan perbelanjaan. Antara lainnya, peraturan kewangan mengenai penyediaan bajet menetapkan mengenai justifikasi setiap anggaran yang disediakan, ketepatan anggaran yang disediakan, prosedur kelulusan bajet di peringkat Jabatan/Agensi serta pematuhan tempoh yang ditetapkan untuk mengemukakan bajet dan Perjanjian Program kepada Pegawai Kewangan Negeri. Pekeliling Perbendaharaan Bil. 20 Tahun 2004 menetapkan bajet hendaklah dikemukakan ke Perbendaharaan Negeri tidak lewat 31 Mei setiap tahun.

5.6.2.2. Pengagihan Peruntukan

Pekeliling Perbendaharaan Bil. 1 Tahun 2007 antara lainnya menetapkan bahawa Pegawai Pengawal perlu mengagihkan peruntukan kepada pemegang waran tertentu sebaik sahaja Waran Am diterima. Mengikut AP 94 pula, pemegang waran peruntukan tersebut boleh mengagihkan waran peruntukan/waran peruntukan kecil kepada pegawai yang berkenaan di mana perlu. Pengagihan waran ini perlu direkodkan dengan lengkap dan kemas kini.

5.6.2.3. Kelulusan Pindah Peruntukan

Pekeliling Perbendaharaan Bil. 10 Tahun 1992 menetapkan Waran Pindah Peruntukan hendaklah ditandatangani oleh Pegawai Pengawal sendiri atau bagi pihaknya oleh mana-mana pegawai bawahannya yang diberi kuasa secara bertulis. Semua pindah peruntukan hendaklah dibuat dalam tahun kewangan

berkenaan dan semua Waran Pindah Peruntukan yang dikeluarkan hendaklah disampaikan kepada Perbendaharaan/Bendahari Negeri atau wakilnya tidak lewat dari 31 Disember bagi tahun kewangan berkenaan. Perenggan 8, Pekeliling Perbendaharaan Bil. 20 Tahun 1990 menetapkan Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan perlulah sentiasa mengawasi dan mengemas kini akaun serta memastikan pindah peruntukan dikemas kini dalam Buku Vot supaya kawalan perbelanjaan dapat diuruskan dengan berkesan. Peraturan juga menetapkan pindahan kepada butiran yang telah dikurangkan melalui pindah peruntukan atau pengurangan kepada butiran yang telah ditambah melalui pindah peruntukan adalah tidak dibenarkan kecuali mendapat kelulusan daripada Pegawai Kewangan Negeri/Ketua Eksekutif/Ahli Mesyuarat Majlis/Lembaga Pengarah Agensi berkenaan terlebih dahulu.

5.6.2.4. Pemantauan Kemajuan/Prestasi Perbelanjaan Pembangunan

Peraturan kewangan menghendaki Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan memantau pelaksanaan projek pembangunan dengan rapi bagi memastikan ia dilaksanakan mengikut jadual. Bagi tujuan ini, Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan hendaklah memastikan data mengenai peruntukan dan perbelanjaan projek bagi setiap tahun diisi dan sentiasa dikemas kini dalam Sistem Pemantauan Projek II atau kaedah lain yang diterima pakai, impak setiap aktiviti dinilai sekurang-kurangnya sekali dalam masa lima tahun dan memastikan perbelanjaan tidak melebihi peruntukan yang telah diluluskan bagi perbelanjaan mengurus, Jabatan/Agensi hendaklah mengemukakan laporan berkala kepada pihak berkuasa berkenaan.

5.6.2.5. Pelaporan

Pegawai Pengawal dikehendaki menyediakan beberapa jenis laporan seperti Laporan Perbelanjaan dan Tanggungan serta laporan untuk Buku Anggaran Belanjawan Program dan Prestasi. Laporan ini perlu dikemukakan kepada Pegawai Kewangan Negeri/Bendahari Negeri dalam tempoh yang ditetapkan. Pegawai Pengawal juga dikehendaki mengemukakan laporan mengenai keperluan aliran wang tunai yang disahkan olehnya kepada Pegawai Kewangan Negeri/Bendahari Negeri. Bagi Ketua Jabatan yang bukan Pegawai Pengawal, laporan berkenaan akan dikemukakan kepada Pegawai Pengawal berkenaan untuk disatukan.

5.6.2.6. Analisis Bajet

Jabatan/Agensi Negeri perlu memastikan setiap perbelanjaan mengurus dan pembangunan yang dilakukan mempunyai peruntukan dan perbelanjaan tersebut tidak melebihi peruntukan yang diluluskan. Pegawai Pengawal dikehendaki membuat perancangan dengan teliti agar tidak berlaku kekerapan pindah peruntukan. Sebarang peruntukan tambahan/khas/luar jangka/pindah peruntukan

yang diluluskan untuk menampung peruntukan yang tidak mencukupi hendaklah dibelanjakan. AP18(i), 1PP PB2.5 dan 1PP PB2.6 adalah berkaitan.

5.6.3. Kawalan Terimaan

Bagi menentukan sama ada segala terimaan telah diurus mengikut peraturan dan diakaunkan dengan sempurna, semakan Audit telah dijalankan terhadap lima kriteria utama kawalan terimaan yang meliputi kawalan borang hasil, penerimaan wang, kemasukan pungutan ke bank, kawalan perakaunan terimaan/hasil dan penyediaan Akaun Belum Terima seperti berikut:

5.6.3.1. Kawalan Borang Hasil

Kawalan terhadap borang hasil seperti buku resit adalah penting untuk memastikan ia tidak disalahgunakan. Borang ini hendaklah direkod dengan teratur dalam Daftar Kawalan, disimpan di tempat yang selamat dan disemak secara berkala serta disahkan oleh pegawai yang bertanggungjawab.

5.6.3.2. Penerimaan Wang

Setiap Jabatan/Agensi Negeri perlu memastikan pegawaiannya yang dipertanggungjawabkan dengan urusan penerimaan wang mematuhi peraturan kewangan yang berkaitan. Semakan Audit telah dijalankan terhadap empat aspek kawalan dalaman yang ditetapkan dalam Arahan Perbendaharaan bagi penerimaan wang iaitu dari segi kebenaran/kelulusan menerima wang, ciri-ciri keselamatan semasa menerima kutipan dan penyimpanan di pejabat, kawalan penerimaan melalui mel dan penerimaan wang di kaunter.

5.6.3.3. Kemasukan Pungutan ke Bank

Arahan Perbendaharaan telah menetapkan peraturan mengenai kemasukan wang pungutan ke bank bagi memastikan ketepatan dan keselamatan wang berkenaan. Antaranya adalah mengenai penetapan tempoh memasukkan wang ke bank, kawalan keselamatan penghantaran wang dan penyelenggaraan rekod mengenainya, semakan oleh pegawai bertanggungjawab terhadap slip kemasukan wang ke bank dan keselamatan wang yang tidak sempat dimasukkan ke bank.

5.6.3.4. Kawalan Perakaunan Terimaan/Hasil

Bagi memastikan peraturan mengenai perakaunan terimaan/hasil yang ditetapkan dalam Arahan Perbendaharaan dipatuhi, semakan Audit telah dijalankan terhadap penyerahan Akaun Tunai Bulanan kepada Perbendaharaan Negeri, ketepatan penyediaan Penyata Penyesuaian Hasil Bulanan dan ketepatan Buku Tunai.

5.6.3.5. Akaun Belum Terima

Dasar dan tatacara penyelenggaraan dan pelaporan Akaun Belum Terima (ABT) ditetapkan oleh kerajaan melalui 1PP WP 10.6 dan AP 89A. Antara peraturan yang ditetapkan mengenai pengurusan ABT adalah penyediaan Laporan Tunggakan Hasil atau Laporan ABT yang lengkap dan kemas kini, penyerahan Laporan ABT kepada Perbendaharaan Negeri dalam tempoh yang ditetapkan dan tindakan susulan diambil terhadap jumlah terimaan/hasil yang tertunggak.

5.6.4. Pengurusan Perolehan

5.6.4.1. Perancangan Perolehan

1PP PK 2 menetapkan Jabatan/Agensi Negeri perlu membuat perancangan perolehan bagi mengawal kos dan menangani masalah melaksanakan sesuatu perolehan. Perancangan perolehan tahunan hendaklah dikemukakan kepada Perbendaharaan Negeri dalam tempoh yang ditetapkan.

5.6.4.2. Kaedah Perolehan

1PP PK 2 menetapkan kaedah perolehan bagi bekalan dan perkhidmatan yang melibatkan jumlah perbelanjaan tahunan sehingga RM20,000 hendaklah dilaksanakan secara Pembelian Terus dengan mendapatkan tiga tawaran harga daripada pembekal tempatan, perolehan melebihi RM20,000 hingga RM50,000 setahun secara sebut harga dengan mempelawa daripada sekurang-kurangnya tiga pembekal tempatan yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan, melebihi RM50,000 hingga RM500,000 secara sebut harga dengan mempelawa daripada sekurang-kurangnya lima pembekal yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan dan melebihi RM500,000 secara tender. Antara peraturan perolehan yang ditetapkan adalah proses penilaian, pertimbangan dan keputusan pemilihan sebut harga/tender oleh Jawatankuasa Sebut Harga/Lembaga Perolehan yang dilantik oleh Ketua Jabatan/Pegawai Pengawal, pelaksanaan *Integrity Pact*, kontrak dibuat atas nama kerajaan dan ditandatangani dalam tempoh empat bulan dari tarikh Surat Setuju Terima dikeluarkan.

5.6.5. Kawalan Perbelanjaan

Bagi menentukan sama ada semua perbelanjaan mengurus dan pembangunan telah dibuat mengikut peraturan yang ditetapkan dan diperakaunkan dengan tepat, semakan Audit telah dijalankan terhadap dua kriteria utama kawalan perbelanjaan iaitu perakaunan dan pengurusan bayaran seperti berikut:

5.6.5.1. Perakaunan

Semakan Audit telah dibuat untuk menentukan sejauh mana Buku Vot dan Penyata Penyesuaian Perbelanjaan diselenggarakan oleh Jabatan/Agenzi mengikut peraturan yang ditetapkan di dalam Pekeliling Perbendaharaan Bil. 11 Tahun 1992 dan AP 95 serta yang berkaitan.

5.6.5.2. Pengurusan Bayaran

Semakan Audit telah dijalankan terhadap kawalan dalaman bagi proses bayaran, kesempurnaan bayaran yang memerlukan kelulusan khas, penyediaan dan penyimpanan daftar/rekod pembayaran dan Daftar Bil, bayaran pukal serta Panjar Wang Runcit.

5.6.6. Pengurusan Akaun Amanah/ Kumpulan Wang Amanah dan Deposit

Pengurusan dan kawalan terhadap Akaun Amanah/Kumpulan Wang Amanah dan Deposit adalah penting untuk menentukan ia diurus dengan teratur, mengikut pekeliling dan arahan amanah yang ditetapkan serta diakaunkan dengan betul dan kemas kini. Semakan Audit telah dijalankan terhadap pengurusan seperti berikut:

5.6.6.1. Akaun Amanah/Kumpulan Wang Amanah

Pengurusan Akaun Amanah dan Kumpulan Wang Amanah di bawah Seksyen 9 dan Seksyen 10, Akta Tatacara Kewangan 1957. Tatacara pengurusan akaun amanah juga ditetapkan melalui 1PP WP 10.4. Semakan Audit telah dijalankan terhadap pengendalian Kumpulan Wang Amanah/Akaun Amanah di Jabatan/ Agenzi Negeri dari segi penyediaan dan penyerahan Penyata Tahunan untuk diaudit serta kesempurnaan rekod perakaunan/penyata penyesuaian akaun/transaksi akaun.

5.6.6.2. Pengurusan Kumpulan Wang Pinjaman

Jabatan/Agenzi Negeri perlu menguruskan Kumpulan Wang Pinjaman dan Pendahuluan Diri/Pelbagai mengikut peraturan yang ditetapkan oleh Agenzi Negeri atau pekeliling perbendaharaan berkaitan seperti berikut:

- a. 1PP WP 9.2 dan 1PP WP 9.3 bagi Pinjaman Kenderaan;
- b. 1PP WP 9.1 bagi Pinjaman Komputer;
- c. 1PP WP 3.2 bagi Pendahuluan Diri/Pelbagai; dan
- d. 1PP WP 3.3 bagi Pendahuluan Pelbagai.

5.6.6.3. Pengurusan Akaun Deposit

Tatacara dan Pengurusan Akaun Deposit ditetapkan melalui Arahan Perbendaharaan 156 hingga 163. Bagi Agensi Negeri yang mempunyai peraturan kewangan dan perakaunan sendiri, pengurusan Akaun Deposit perlu mematuhi peraturan yang ditetapkan.

5.6.7. Pengurusan Aset dan Stor

Perolehan aset dan stor perlu direkodkan, dikawal dan dipantau dengan sempurna bagi mengelakkan dari berlakunya pembaziran dan penyalahgunaannya. Sehubungan ini, semakan Audit telah dijalankan untuk menilai tahap pematuhan Jabatan/Agen Negeri kepada peraturan yang ditetapkan oleh Pekeling Perbendaharaan yang berkenaan/Tatacara Pengurusan Stor dan peraturan Agensi Negeri berhubung dengan perkara berikut:

5.6.7.1. Kawalan Umum

Mengikut 1PP AM 1.1, Pegawai Pengawal hendaklah mewujudkan Unit Pengurusan Aset yang antaranya bertanggungjawab untuk mengurus pelantikan Pegawai Pemeriksa, Lembaga Pemeriksa dan Jawatankuasa Penyiasat dan Pemverifikasi Stor. Unit tersebut juga diberi tanggungjawab menjadi Urus setia kepada Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Aset Alih Kerajaan (JKPAK), menguruskan pelupusan, kehilangan dan hapus kira aset serta menyelaras penyediaan laporan aset dan stor. Selain itu, Pegawai Pengawal perlu melantik seorang Pegawai Aset secara bertulis bagi setiap pusat tanggungjawab di bawahnya dan memastikan Pegawai Aset di peringkat Ibu Pejabat diberi tanggungjawab sebagai Setiausaha JKPAK.

5.6.7.2. Penerimaan

Mengikut 1PP AM 2.2 dan 1PP AM 6.2, seorang Pegawai Penerima hendaklah diberi kuasa untuk menerima dan mengesahkan aset/barang stor yang diterima. Tanggungjawab seseorang Pegawai Penerima adalah memastikan aset/barang stor yang diterima menepati spesifikasi, kualiti dan kuantiti yang telah ditetapkan sebelum membuat pengesahan penerimaan. Aset hendaklah diterima berserta Surat Jaminan dan manual penggunaan/penyenggaraannya. Bagi penerimaan barang stor, Borang Terimaan Barang-Barang perlu disediakan oleh Pegawai Penerima. Sebarang kerosakan atau perselisihan kuantiti dan spesifikasi hendaklah dilaporkan dalam Borang Laporan Penerimaan Aset/Borang Laporan Terimaan Barang-Barang dan dihantar dengan serta merta kepada agen penghantaran atau syarikat pembekal.

5.6.7.3. Pendaftaran

1PP AM 2.3 menetapkan aset perlu didaftarkan dalam tempoh dua minggu dari tarikh pengesahan penerimaan. Aset tersebut juga perlu dilabelkan dengan tanda Hak Kerajaan Malaysia dan nombor siri pendaftaran.

5.6.7.4. Penggunaan, Penyimpanan dan Pemeriksaan

Bagi memastikan penggunaan, penyimpanan dan pemeriksaan aset diurus dengan baik, setiap Jabatan/Agensi Negeri hendaklah memastikan peraturan seperti berikut dipatuhi:

- a. 1PP AM 2.4 menetapkan aset hendaklah diguna hanya bagi tujuan rasmi sahaja. Pengeluaran/penggunaan aset hendaklah direkodkan dengan teratur dan kerosakan dilaporkan dengan menggunakan borang yang ditetapkan;
- b. aset perlu disimpan di tempat yang selamat dan sesuai. Aset dan barang stor yang menarik atau berharga hendaklah sentiasa di bawah kawalan yang maksimum. Stor hendaklah mengamalkan cara penyimpanan yang menjadikan stok tidak mudah rosak, senang dikeluarkan dan mempunyai ruang penggunaan yang optimum; dan
- c. Pengerusi JKPAK hendaklah melantik sekurang-kurangnya dua orang Pegawai Pemeriksa dan dua orang Pemverifikasi Stor. Tempoh lantikan tidak melebihi dua tahun. Pemeriksaan aset dan verifikasi stor terhadap semua aset dan stor hendaklah dilaksanakan sekurang-kurangnya sekali setahun. Laporan Pemeriksaan Harta Modal dan Laporan Pemeriksaan Aset Alih Bernilai Rendah serta Laporan Pemeriksaan/Verifikasi Stor hendaklah disediakan dengan lengkap dan dikemukakan kepada Ketua Jabatan dan seterusnya kepada Perbendaharaan Negeri yang mana berkenaan mengikut 1PP AM 2.4 dan 1PP AM 6.6.

5.6.7.5. Penyenggaraan

Bagi memastikan aset disenggarakan dengan baik, setiap Jabatan/Agensi Negeri hendaklah memastikan senarai aset yang memerlukan penyenggaraan disediakan dengan lengkap dan kemas kini, jadual penyenggaraan disediakan, penyenggaraan dilaksanakan seperti dirancang serta direkod dengan betul dan lengkap, program penyenggaraan dinilai, penyenggaraan aset oleh pihak swasta diselia dan dipantau bagi memastikan syarat yang ditetapkan dalam perjanjian dipatuhi mengikut 1PP AM 2.5.

5.6.7.6. Pelupusan

Bagi memastikan pelupusan aset diuruskan dengan teratur dan selaras dengan 1PP AM 2.6, setiap Jabatan/Agensi Negeri hendaklah memastikan:

- a. Lembaga Pemeriksa Pelupusan (LPP) dilantik untuk tempoh tidak melebihi dua tahun. LPP perlu menyediakan jadual pemeriksaan dan ia melaksanakan pemeriksaan dalam tempoh satu bulan dari tarikh arahan dikeluarkan. Laporan Lembaga Pemeriksa hendaklah disediakan dan ditandatangani dengan mengesyorkan kaedah pelupusan yang sesuai;
- b. Perakuan Pelupusan hendaklah dikeluarkan bagi aset mekanikal, teknikal, elektrik/elektronik dan ICT oleh pegawai yang mempunyai kelayakan dalam bidang tersebut; dan
- c. kaedah pelupusan aset dibuat dengan teratur dan pelupusan dilaksanakan dalam tempoh enam bulan dari tarikh kelulusan. Sijil Penyaksian Pemusnahan Aset dan Sijil Pelupusan Aset disediakan dan dikemukakan kepada Kuasa Melulus. Rekod aset yang telah diluluskan pelupusan itu perlu dikemaskinikan.

5.6.7.7. Kehilangan dan Hapus Kira

Bagi memastikan kehilangan dan hapus kira aset diuruskan dengan teratur dan selaras dengan 1PP AM 2.7, setiap Jabatan/Agensi Negeri hendaklah memastikan:

- a. kehilangan aset dilaporkan kepada Ketua Jabatan dengan serta merta dan laporan polis dibuat dalam tempoh 24 jam dari masa kehilangan diketahui. Ketua Jabatan menyedia dan menghantar Laporan Awal Kehilangan Aset kepada Pegawai Pengawal dan Pegawai Kewangan Negeri dalam tempoh dua hari bekerja. Sesalinan Laporan Awal hendaklah dikemukakan kepada Akauntan Negara, Ketua Audit Negara dan wakil tempatan Ketua Audit Negara; dan
- b. Jawatankuasa Penyiasat dilantik secara bertulis oleh Pegawai Pengawal dalam tempoh dua minggu dari tarikh Laporan Awal ditandatangani. Jawatankuasa Penyiasat bertanggungjawab menyediakan Laporan Akhir dalam tempoh satu bulan dari tarikh pelantikan. Pegawai Pengawal bertanggungjawab mengesyorkan tindakan menghapus kira aset yang hilang. Laporan Akhir yang mengandungi permohonan hapus kira kehilangan hendaklah dikemukakan kepada Kuasa Melulus dalam tempoh dua bulan dari tarikh Laporan Awal disediakan. Sijil Hapus Kira Aset hendaklah dikemukakan kepada Kuasa Melulus dalam tempoh satu bulan dari tarikh kelulusan diperoleh.

5.6.8. Pengurusan Kenderaan Kerajaan

Bagi memastikan kenderaan kerajaan diuruskan dengan teratur dan selaras dengan 1PP WP 4.1, setiap Jabatan/Agensi Negeri memastikan:

5.6.8.1. penggunaan kenderaan Jabatan/Agensi Negeri dikawal dengan melantik seorang Pegawai Kenderaan yang bertanggungjawab meluluskan penggunaan kenderaan untuk tujuan rasmi sahaja, menyelenggarakan Buku Log dengan lengkap dan kemas kini serta membuat analisa kadar penggunaan bahan api bulanan;

5.6.8.2. penggunaan kenderaan pegawai gred JUSA dikawal dengan teratur di mana pembelian minyak setahun tidak melebihi had yang diluluskan;

5.6.8.3. Kad Inden disimpan oleh Pegawai Kenderaan setiap masa melainkan ada keperluan mengisi minyak. Buku Rekod Pergerakan Kad Inden diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini. Penyata Pembelian/Penyata Kad perlu disemak silang dengan resit sebelum bayaran dilakukan;

5.6.8.4. Kad Sistem Bayaran Tol Tanpa Resit (KSBTTR) disimpan oleh Pegawai Kenderaan setiap masa melainkan ada keperluan menggunakanannya. Buku Rekod Pergerakan dan Penggunaan KSBTTR perlu diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini. Pegawai Kenderaan hendaklah mendapatkan penyata penggunaan kad daripada syarikat pengeluar kad untuk tujuan semakan bagi memastikan tidak berlakunya penyalahgunaan kad; dan

5.6.8.5. kenderaan perlu disenggarakan secara berjadual. Butir penyenggaraan dan pembaikan yang dilaksanakan direkodkan dalam Buku Log dan Daftar Penyenggaraan Harta Modal.

5.6.9. Pengurusan Pelaburan dan Pinjaman

5.6.9.1. Pelaburan merupakan tindakan melabur dana bagi suatu tempoh masa untuk memperoleh pulangan yang dikehendaki dengan menyedari sepenuhnya risiko yang terbabit. Pelaburan yang dibuat hendaklah mengikut peraturan yang berkaitan. Rekod perlu diselenggara dengan lengkap dan kemas kini bagi memudahkan kawalan dan pemantauan. Antara elemen kawalan yang perlu diwujudkan adalah penubuhan Jawatankuasa Pelaburan yang berfungsi menguruskan pelaburan Agensi. Antara perkara yang perlu diberi perhatian adalah kuasa melabur, had pelaburan dan pemantauan pelaburan.

5.6.9.2. Pinjaman dibuat bagi membiayai pelbagai projek untuk pembangunan ekonomi negeri, menampung perbelanjaan dan meningkatkan taraf pembangunan serta kehidupan penduduk. Pinjaman hendaklah digunakan mengikut maksud pinjaman dimohon. Antara perkara yang perlu diberi perhatian adalah kuasa untuk meminjam, penyelenggaraan rekod pinjaman yang lengkap dan kemas kini, perjanjian pinjaman disediakan serta mekanisme kawalan dan pemantauan pinjaman.

5.6.10. Pengurusan Penyata Kewangan


Keperluan penyediaan dan penyerahan Penyata Kewangan untuk diaudit adalah mengikut Mesyuarat Perhubungan Antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Bil. 1 tahun 2009 dan Arahan Pentadbiran Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan Bil. 1 Tahun 2009. Arahan Pentadbiran Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan Bil. 1 Tahun 2009 menghendaki Agensi Negeri mengemukakan Penyata Kewangan kepada Ketua Audit Negara tidak lewat dari 30 April setiap tahun. Ini membolehkan Penyata Kewangan dan Laporan Tahunan Agensi Negeri dibentang di Dewan Undangan Negeri pada tahun yang sama dan tidak lewat dari 31 Disember setiap tahun. Pekeliling ini bertujuan untuk meningkatkan akauntabiliti dan tadbir urus yang baik di semua Agensi Negeri. Di samping itu, pembentangan awal membolehkan *stakeholders* menilai prestasi Agensi Negeri dengan lebih jelas, lengkap dan relevan.

5.7. PENEMUAN AUDIT

5.7.1. Tahap Prestasi Pengurusan Kewangan

Berdasarkan sampel yang diaudit, pada keseluruhannya, prestasi pengurusan kewangan bagi 17 Jabatan/Agensi Negeri pada tahun 2016 adalah baik. Sebanyak 12 Jabatan/Agensi Negeri mendapat tahap penarafan **Cemerlang** dan lima Jabatan/Agensi mendapat penarafan pada tahap **Baik**. Tahap prestasi pengurusan kewangan berdasarkan Indeks Akauntabiliti mengikut Jabatan/Agensi Negeri pada tahun 2016 adalah seperti **Carta 5.1**. Kedudukan tahap prestasi pengurusan kewangan Jabatan/Agensi Negeri bagi tempoh 2007 hingga 2016 adalah seperti jadual berikut:

CARTA 5.1
TAHAP PRESTASI PENGURUSAN KEWANGAN BERDASARKAN
INDEKS AKAUNTABILITI JABATAN/AGENSI NEGERI PADA TAHUN 2016



Sumber: Jabatan Audit Negara

JADUAL 5.3
TAHAP PRESTASI PENGURUSAN KEWANGAN
JABATAN/AGENSI NEGERI BAGI TAHUN 2007 HINGGA 2016

TAHAP PENARAFAN	JABATAN/AGENSI NEGERI									
	2007	2008	2009	2010	2011	2012	2013	2014	2015	2016
Cemerlang	TB	TB	TB	TB	TB	TB	TB	TB	13	12
Sangat Baik	-	-	2	4	10	6	8	7	TB	TB
Baik	-	4	12	15	10	12	8	7	4	5
Memuaskan	7	7	-	-	1	-	-	-	1	-
Kurang Memuaskan	TB	TB	TB	TB	TB	TB	TB	TB	-	-
Tidak Memuaskan	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
JUMLAH	7	11	14	19	21	18	16	14	18	17

Sumber: Jabatan Audit Negara


Nota: TB – Tidak Berkenaan

5.7.2. Tahap Pematuhan Terhadap Kawalan Utama

5.7.2.1. Jabatan Negeri

Semakan Audit di sembilan Jabatan mendapati kesemua Jabatan mencatatkan tahap **Cemerlang** dalam Kawalan Pengurusan, Kawalan Bajet dan Kawalan Perbelanjaan. Bagi Kawalan Perolehan, tujuh Jabatan memperoleh tahap **Cemerlang**, satu Jabatan pada tahap **Memuaskan** dan satu jabatan adalah tidak berkaitan dalam Kawalan Perolehan. Bagi Kawalan Terimaan, empat Jabatan memperoleh tahap **Cemerlang**, dua Jabatan pada tahap **Memuaskan**, satu Jabatan tahap **Kurang Memuaskan** dan dua tidak berkaitan. Lapan Jabatan memperoleh tahap **Cemerlang** dalam Pengurusan Akaun Amanah dan Deposit dan hanya satu Jabatan yang tidak berkaitan dalam kawalan tersebut. Bagi Pengurusan Aset dan Stor pula, lima Jabatan berada pada tahap **Cemerlang**, satu Jabatan pada tahap **Baik** dan tiga Jabatan pada tahap **Memuaskan**. Bagi Pengurusan Kenderaan, enam Jabatan memperoleh tahap **Cemerlang**, dua Jabatan berada pada tahap **Memuaskan** dan satu Jabatan **Tidak Memuaskan**. Tahap pematuhan pengurusan kewangan mengikut kawalan bagi Jabatan adalah seperti jadual berikut:

CARTA 5.2
TAHAP PEMATUHAN PENGURUSAN KEWANGAN
MENGIKUT KAWALAN BAGI JABATAN NEGERI TAHUN 2016



Sumber: Jabatan Audit Negara

Nota: Satu Jabatan Tidak Berkaitan bagi Kawalan Perolehan dan Kawalan Pengurusan Akaun Amanah dan Deposit, dua Jabatan Tidak Berkaitan bagi Kawalan Terimaan

5.7.2.2. Kelemahan-kelemahan yang ditemui bagi Jabatan Negeri yang mendapat penarafan tidak memuaskan adalah seperti berikut:

a. Pengurusan Kenderaan


- i. Kenderaan digunakan tanpa mendapat kelulusan daripada Pegawai Kenderaan.
- ii. Buku Log kenderaan tidak diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini dan analisa penggunaan bahan api tidak disediakan oleh Pegawai Kenderaan pada setiap akhir bulan.
- iii. Buku Rekod Pergerakan Kad Inden tidak diselenggara dengan kemas kini, Penyata Pembelian minyak tidak disemak dengan salinan resit dan tidak disahkan sebelum bayaran dibuat.
- iv. Penyenggaraan pencegahan dan pemberian yang dilaksanakan tidak direkod dalam Buku Log dan Daftar Penyenggaraan Harta Modal (KEW.PA-14).

5.7.2.3. Pejabat Perbendaharaan Negeri dan Agensi Negeri

Analisis terhadap tahap pencapaian pengurusan kewangan mendapati Pejabat Perbendaharaan Negeri dan tujuh Agensi Negeri mencapai tahap **Cemerlang** dalam Kawalan Bajet. Bagi Kawalan Pengurusan dan Pengurusan Amanah dan Deposit, Pejabat Perbendaharaan Negeri dan lima Agensi Negeri mencapai tahap **Cemerlang** dan dua Agensi Negeri pada tahap **Baik**. Pejabat Perbendaharaan Negeri dan satu Agensi Negeri mencapai tahap **Cemerlang** dalam Kawalan Perbelanjaan, empat Agensi Negeri mencapai tahap **Baik** dan dua lagi Agensi berada pada tahap **Memuaskan**. Bagi Kawalan Terimaan, Pejabat Perbendaharaan Negeri dan enam Agensi Negeri mencapai tahap **Cemerlang** manakala, satu Agensi Negeri mencapai tahap **Memuaskan**. Dalam Pengurusan Aset dan Stor, empat Agensi Negeri dan Pejabat Perbendaharaan Negeri masing-masing mencapai tahap **Cemerlang**, satu Agensi Negeri mencapai tahap **Baik** dan dua Agensi lagi berada pada tahap **Memuaskan**. Kawalan Perolehan dan Pengurusan Kenderaan hanya berkaitan dengan Pejabat Perbendaharaan Negeri sahaja di mana tujuh Agensi Negeri lain adalah tidak berkaitan. Kawalan Perolehan di Pejabat Perbendaharaan Negeri mencapai tahap **Cemerlang** tetapi mencapai tahap **Baik** dalam Pengurusan Kenderaan. Selain itu, Pengurusan Pelaburan dan Pinjaman bagi Pejabat Perbendaharaan Negeri dan enam Agensi Negeri mencapai tahap Cemerlang dan satu Agensi tidak berkaitan dengan kawalan tersebut. Bagi Pengurusan Penyata Kewangan pula, Pejabat Perbendaharaan Negeri dan lima Agensi Negeri mendapat tahap **Cemerlang** dan

dua Agensi Negeri mencapai tahap **Memuaskan**. Maklumat lanjut seperti carta berikut:

CARTA 5.3
TAHAP PEMATUHAN PENGURUSAN KEWANGAN MENGIKUT KAWALAN
BAGI PEJABAT PERBENDAHARAAN NEGERI DAN AGENSI NEGERI TAHUN 2016



Sumber: Jabatan Audit Negara


Nota: Pejabat Perbendaharaan Negeri Melibatkan dua kawalan tambahan iaitu Kawalan Perolehan dan Pengurusan Kenderaan, satu Agensi Negeri Tidak Berkaitan Bagi Kawalan Pelaburan dan Pinjaman.

5.7.2.4. Perbandingan Tahap Prestasi Pengurusan Kewangan Jabatan/Agensi Negeri

- Analisis Audit terhadap Jabatan/Agensi Negeri yang telah dilaksanakan pengauditan pada setiap tahun bagi tempoh 2010 hingga 2016, menunjukkan tahap prestasi pengurusan kewangan Pejabat Menteri Besar Dan Setiausaha Kerajaan Negeri adalah **Sangat Baik** bagi tiga tahun berturut-turut iaitu pada tahun 2012 hingga 2014 dan mencapai tahap cemerlang pada tahun 2015 serta tahun 2016.
- Analisis perbandingan terhadap 17 Jabatan/Agensi Negeri yang telah dilaksanakan pengauditan pusingan kali kedua/ketiga bagi tahun 2009/2010, 2011/2012 dan 2013 menunjukkan 12 Jabatan/Agensi Negeri mencapai tahap **Cemerlang** pada tahun 2016. Sebanyak lima Jabatan/Agensi Negeri mengekalkan prestasi tahap **Cemerlang** sebagaimana tahun sebelumnya tetapi tiga daripadanya iaitu Majlis Daerah Gua Musang, Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan dan Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Kelantan mencatatkan penurunan markah. Selain itu, enam Jabatan/Agensi

Negeri iaitu Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Pejabat Tanah dan Jajahan Jeli, Suruhanjaya Perkhidmatan Negeri, Pejabat Tanah dan Jajahan Pasir Mas, Pejabat Tanah dan Jajahan Kota Bharu serta Jabatan Perhutanan Negeri mengalami peningkatan markah dan memperbaiki tahap pengurusan kewangan daripada **Baik** pada tahun sebelumnya kepada **Cemerlang**. Di samping itu, Pejabat Mufti Negeri Kelantan mencatatkan peningkatan markah pada tahun 2016 berbanding tahun sebelumnya sekali gus meningkatkan tahap prestasi pengurusan kewangan daripada **Kurang Memuaskan** kepada **Cemerlang**. Analisis menunjukkan tiga Jabatan/Agenzi Negeri mengalami penurunan tahap prestasi pengurusan kewangan daripada **Sangat Baik** kepada **Baik** iaitu Pejabat Tanah dan Jajahan Tumpat, Majlis Daerah Pasir Mas dan Perbadanan Stadium Negeri Kelantan seperti carta berikut:

CARTA 5.4
KEDUDUKAN TAHAP PRESTASI PENGURUSAN KEWANGAN 17 JABATAN/AGENSI NEGERI TAHUN 2016 BERBANDING PENGAUDITAN TAHUN SEBELUMNYA



Sumber: Jabatan Audit Negara

5.8. PENG AUDITAN MENGEJUT

5.8.1. Peng audit Mengejut merupakan satu pendekatan Audit yang dilaksanakan tanpa memaklumkan terlebih dahulu tarikh sebenar lawatan kepada Jabatan/Agensi. Semakan dijalankan terhadap borang hasil dikawal, hasil, wang awam, harta awam dan barang berharga yang disimpan oleh Pejabat/Agensi Kerajaan supaya diuruskan mengikut peraturan kewangan yang sedang berkuat kuasa serta wujud pematuhan kepada Arahan Perbendaharaan/Perkhidmatan. Lawatan Audit dan tinjauan secara mengejut juga dijalankan terhadap aktiviti dan operasi Jabatan/ Agensi.

5.8.2. Pada tahun 2016, Peng audit Mengejut telah dijalankan terhadap 12 Jabatan/Pejabat Kerajaan Negeri. Hasil peng audit mendapat lapan pejabat atau 66.67% daripada 12 pejabat yang dilawati telah mematuhi kesemua peraturan dan prosedur utama yang ditetapkan dan empat pejabat lagi atau 33.33% masih tidak mematuhi semua peraturan. Mahkamah Rendah Syariah Jajahan Tumpat, Pejabat Kebajikan Masyarakat Jajahan Machang, Mahkamah Rendah Syariah Pasir Mas, Jabatan Pengairan dan Saliran Jajahan Pasir Mas, Jabatan Kerja Raya Jajahan Machang, Pejabat Kebajikan Masyarakat Jajahan Tumpat, Pejabat Perikanan Jajahan Tanah Merah dan Pejabat Perikanan Jajahan Gua Musang didapati mematuhi peraturan dengan sepenuhnya. Ketua Jabatan/Pejabat/Agensi Negeri yang berkenaan telah dimaklumkan berkenaan perkara yang dibangkitkan dan telah diminta untuk mengambil tindakan pembetulan dengan sewajarnya. Antara hasil penemuan Peng audit Mengejut yang dijalankan pada tahun 2016 adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 5.4
PENEMUAN AUDIT HASIL PENG AUDITAN MENGEJUT BAGI TAHUN 2016**

BIL.	JABATAN/PEJABAT/AGENSI	PENEMUAN AUDIT
1.	Jabatan Kebajikan Masyarakat Jajahan Pasir Mas	<ul style="list-style-type: none"> i. Perakuan tidak dibuat di belakang helaian pertama salinan pejabat buku resit. ii. Daftar pembayaran tidak disemak. iii. Kad akses/kata laluan pegawai bersara tidak dibatalkan. iv. Pegawai yang memegang kunci dan nombor kombinasi peti besi tidak diberi surat kuasa secara bertulis.
2.	Pejabat Sultan	<ul style="list-style-type: none"> i. Pegawai yang memegang kunci dan nombor kombinasi peti besi tidak diberi surat kuasa secara bertulis. ii. Had kuasa berbelanja dalam sistem tidak selaras dengan perwakilan kuasa menandatangani baucar yang diluluskan. iii. Baucar bayaran/dokumen sokongan yang telah dibayar tidak ditebuk/cap “TELAH BAYAR”. iv. Pesanan Kerajaan lewat dikeluarkan. v. Bil yang diterima tidak dicop “TARIKH TERIMA”. vi. Buku Vot/Buku Vot elektronik tidak disemak setiap bulan.
3.	Jabatan Perhutanan Jajahan Kelantan Timur (Machang/Kuala Krai)	<ul style="list-style-type: none"> i. Daftar Borang Hasil tidak diselenggarakan. ii. Notis Pemberitahuan Awam untuk mendapatkan resit rasmi tidak dipamerkan. iii. Daftar Setem tidak lengkap. iv. Penerimaan Setem tidak direkodkan dan tidak diperiksa.

BIL.	JABATAN/PEJABAT/AGENSI	PENEMUAN AUDIT
		<ul style="list-style-type: none"> v. Peti besi rosak. vi. Peti besi tidak bercantum ke rangka bangunan. vii. Pemeriksaan mengejut tidak dijalankan mengikut tempoh yang ditetapkan. viii. Baucar bayaran/dokumen sokongan yang telah dibayar tidak ditebuk/cap “TELAH BAYAR”. ix. Bil yang diterima tidak di cap “TARIKH TERIMA”. x. Buku Vot/Buku Vot elektronik tidak disemak setiap bulan.
4.	Jabatan Kebajikan Masyarakat Jajahan Kuala Krai	<ul style="list-style-type: none"> i. Pemeriksaan mengejut tidak dijalankan mengikut tempoh yang ditetapkan.

Sumber: Jabatan Audit Negara

5.9. SYOR AUDIT

Sungguhpun sebahagian besar prestasi pengurusan kewangan di peringkat Jabatan/Agensi Negeri bagi tahun 2016 menunjukkan peningkatan, namun bagi memantapkan lagi prestasi pengurusan kewangan ini, adalah disyorkan supaya Jabatan/Agensi Negeri mengambil tindakan terhadap perkara berikut:

- 5.9.1. Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan hendaklah memastikan Jawatankuasa Audit membincangkan secara terperinci isu-isu yang dibangkitkan oleh Jabatan Audit Negara dan Unit Audit Dalam serta memastikan tindakan *corrective* dan *preventive* diambil. Tindakan *corrective* adalah untuk memastikan kelemahan yang dibangkitkan dapat diperbetulkan, manakala tindakan *preventive* adalah bagi memastikan kelemahan yang sama tidak berulang;
- 5.9.2. Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan perlu terlibat secara *hands-on* dalam pengurusan kewangan di organisasi masing-masing;
- 5.9.3. Latihan yang berterusan diberikan kepada semua pegawai yang terlibat dengan pengurusan kewangan; dan
- 5.9.4. sentiasa peka terhadap pekeliling terbaru yang dikeluarkan oleh Kerajaan bagi membantu melicinkan lagi proses pengurusan kewangan di jabatan/agensi. Lembaga Pengarah agensi juga perlu memberi kebenaran kepada pihak pengurusan agensi negeri untuk mengguna pakai pekeliling atau arahan Kerajaan Persekutuan, mana yang berkenaan.

Penutup

PENUTUP

Secara keseluruhan, pengauditan yang dijalankan telah menunjukkan beberapa penambahbaikan dalam pelaksanaan program dan aktiviti Jabatan/Agensi Negeri seperti berkurangnya kes-kes ketidakpatuhan terhadap prosedur Kerajaan dan penetapan asas-asas yang jelas dalam pelaksanaan projek atau program. Namun begitu, kegagalan mengambil tindakan awal terhadap masalah yang berlaku sepanjang pelaksanaan projek/program telah menjelaskan pencapaian matlamat projek/program pada akhirnya. Selain itu, aspek pemantauan dan penyeliaan masih perlu dipertingkatkan dan dilakukan secara berterusan terhadap kerja-kerja yang dilaksanakan oleh kakitangan bawahan, kontraktor dan vendor.

Sehubungan itu, Jabatan/Agensi Negeri yang terlibat bukan sahaja perlu mengambil tindakan selepas mendapat teguran daripada pihak Audit, malah perlu bertindak dengan cepat sebaik sahaja masalah atau kelemahan itu dikenal pasti. Pegawai Pengawal yang terlibat juga perlu mengatur supaya pemeriksaan secara menyeluruh dijalankan untuk menentukan sama ada kelemahan yang sama juga berlaku dalam projek/program lain yang tidak diaudit dan seterusnya mengambil tindakan pembetulan yang sewajarnya.

Agensi Kerajaan Negeri juga perlu memantau aktiviti syarikat miliknya untuk memastikan syarikat mewujudkan tadbir urus korporat yang baik, mematuhi undang-undang dan peraturan Kerajaan, berdaya saing serta bagi memastikan objektif penubuhan syarikat tercapai sepenuhnya.

Jabatan Audit Negara

Putrajaya
19 Mei 2017



DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD
KUALA LUMPUR, 2017
www.printnasional.com.my
email: cservice@printnasional.com.my
Tel.: 03-92366895 Faks: 03-92224773



JABATAN AUDIT NEGARA MALAYSIA
No. 15, Aras 1-5, Persiaran Perdana, Presint 2, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62518 Putrajaya.
■ Tel : +603 8889 9000
■ Faks : +603 8888 9721